

POLITEKNIK
MALAYSIA
TUANKU SULTANAH BAHIYAH
NJIEA
Northern Journal Of Innovation
And Engineering Applications
INNOVATION
THROUGH
ENGINEERING
FOR A BETTER
TOMORROW
Explore • Innovate • Engineer
ISSN 2976-2766

Copyright © 2026 Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored, or transmitted in any form or by any means, whether electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise, without prior written permission from Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.

Published by:
POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIYAH
MINISTRY OF HIGHER EDUCATION
KULIM HI-TECH PARK
09090 KULIM, KEDAH

Telephone : 04-403 3333
Fax : 04-403 3033
Email : maklumbalas@ptsb.edu.my

Website: https://ptsb.mypolycc.edu.my

ISSN: 2976-2766

Any enquiries or requests for permission to use the content of this book may be directed to the publisher at the address above.

Disclaimer:
This book is published for informational and educational purposes only. The publisher and authors shall not be held responsible for any errors, interpretations, or actions taken based on the information contained in this book.

Northern Journal of Innovation and Engineering Applications (NJIEA) Vol 1, 2026
ISSN 2976-2766

EDITORIAL BOARD

Hajah Norlili Juwita binti Arshad
Director of Polytechnic Tuanku Sultanah Bahiyah

Dr Mohd Nor Azam bin Mohd Dali
Deputy Director of Academic
Polytechnic Tuanku Sultanah Bahiyah

Log. Abdul Aziz bin Ishak
Deputy Director of Academic Support
Polytechnic Tuanku Sultanah Bahiyah

Ts. Norizah binti Md. Ishak
Head of Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan (UPIK)

EDITOR-IN-CHIEF
Dr. Siti Rozakiyah Assurin binti Hassan

EDITORIAL COMMITTEE

Dr. Rahimah binti Abdul Rahman
TS. Dr. Faizatulhaida binti Md Isa
Eda Idoera binti Mohd Yusak
Mohd Khairul bin Domadi
Noor Rafidah binti Md Osman
Kalsom binti Salleh
TS. Nik Noor Zilawati binti Nik Ab. Rahman
TS. Dr. Faizatulhaida binti Md Isa
Nasrul Hisham bin Nasir

REVIEWERS

Dr. Rahimah binti Abdul Rahman
TS. Dr. Faizatulhaida binti Md Isa
Dr. Rossitah binti Selamat
Dr. Siti Rozakiyah Assurin binti Hassan
Dr. Nor Aizam binti Muhamed Yusof
TS. Azhani binti Ariffin
Zarina binti Ismail

Chief Editor's Foreword

Assalamualaikum and warm greetings.

This volume of the Northern Journal of Innovation and Engineering Applications (NJIEA) brings together 23 papers written by lecturers of Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah and their collaborators from Politeknik Ungku Omar, Politeknik Seberang Perai, Kolej Komuniti Tasek Gelugor and Universiti Kebangsaan Malaysia. Eleven papers are written in English and twelve in Bahasa Melayu.

The papers cover a wide spread of work. Several report on teaching and learning in TVET, including gamification, digital media, embedded systems, digital electronics and digital technology in geomatics. Others describe working systems built for real users: IoT monitoring for small poultry and aquaculture operations, a community flood detector, a hybrid IoT and PLC drying house for flood damaged Quran manuscripts, and a solar powered grass cutter. Another group looks at values and ethics, from adab in the age of artificial intelligence to safe touch education within the Muslim family. The volume also includes work on campus sustainability rankings, campus safety culture, wireless communication and operational amplifiers.

Many of these papers start from classroom problems and institutional needs that the authors deal with every day. That is the purpose of this journal. It gives polytechnic lecturers a place to record what they have built and tested, and to share it with colleagues across the TVET system.

I thank all authors for their contributions and their patience during the review and editing process. My thanks also go to the reviewers and the editorial committee for their careful work, and to the management of Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, especially the Director, Hajah Norlili Juwita binti Arshad, and the Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan (UPIK), for their continued support.

I hope this volume encourages more lecturers to write and publish their work.

Dr. Siti Rozakiyah Assurin binti Hassan
Chief Editor
Northern Journal of Innovation and Engineering Applications (NJIEA)

Table of Contents

No	Title and Authors	Page
1.	**PENILAIAN IMPAK INTERVENSI PEDAGOGI BERASASKAN PERKAKASAN IOT/ROBOTIK TERHADAP PENCAPAIAN KOGNITIF DAN PENGLIBATAN MINAT (*ENGAGEMENT*) DALAM PEMBELAJARAN SISTEM TERBENAM (*EMBEDDED SYSTEMS*) DALAM KALANGAN PELAJAR TAHAP PERMULAAN** **Nurlina Aimi binti Ramily***, Nor Afifah binti Muhamad Ramzi	8
2.	**IMMERSIVE GAMIFICATION IN VOCATIONAL LEARNING: A MIXED-METHODS STUDY AT A MALAYSIAN POLYTECHNIC** **Norshahidah binti Manaf***	17
3.	**DETERMINING THE RELATIONSHIP BETWEEN THE USE OF DIGITAL MEDIA AND THE EFFECTIVENESS OF LEARNING IN CROSS-DISCIPLINARY EDUCATION** **Normawar binti Ali***	21
4.	**COMMUNITY FLOOD DETECTOR: RAIN GAUGE AND ANEMOMETER FUSION WITH REAL-TIME ALARM** **Nor Afifah binti Muhamad Ramzi***, Nurlina Aimi binti Ramily	26
5.	**DEVELOPMENT AND PERFORMANCE EVALUATION OF AN IOT-BASED SMART MECHANICAL EGG INCUBATOR FOR SUSTAINABLE POULTRY PRODUCTION IN MALAYSIA** Azhar bin Fikri, Junaidah binti Ramli, **Wan Khairul Arifin bin Wan Zakaria***	31
6.	**DESIGN AND DEVELOPMENT OF A CENTRALIZED SMART FEEDING SYSTEM (CSFS) FOR ENHANCED AQUACULTURE PRODUCTIVITY** Izhar bin Ahmad, **Anuar bin Jusoh***, Faizal bin Ahmad	35
7.	**DESIGN AND COMMERCIALISATION OF THE SMART MECHANICAL EGG INCUBATOR (SMEGG): AN IOT-INTEGRATED SOLUTION FOR ENHANCING HATCHING EFFICIENCY IN MALAYSIAN POULTRY SMES** Izhar bin Ahmad, Anuar bin Jusoh, **Wan Khairul Arifin bin Wan Zakaria***	44
8.	**ADAB DAN KECERDASAN BUATAN: SATU ANALISIS KONSEPTUAL DALAM KONTEKS PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN DI INSTITUSI POLITEKNIK** **Siti Aishah binti Othman***, Naimah binti Ismail	48
9.	**CHALLENGES FACED BY POLYTECHNIC ENGINEERING LECTURERS IN TEACHING STUDENTS WHO HAVE ONLY PASSED SPM MATHEMATICS** **Mafuzah Nor binti Radzi***, Siti Mariam binti Hussain	54

10.	**CHALLENGES IN INTELLIGENT WIRELESS DATA COMMUNICATION IN THE DIGITALIZATION ERA** **Rahimah binti Abdul Rahman***, Syahril Izwan bin Abdul Yamin, Sharipah binti Daud	60
11.	**SCORE UP, RANK DOWN: INTERPRETING INSTITUTIONAL SUSTAINABILITY PROGRESS WHEN THE UI GREENMETRIC FIELD EXPANDS** **Siti Rozakiyah Assurin binti Hassan***, Mariyati binti Md So'ad	75
12.	**ETIKA DIGITAL DAN PENGGUNAAN INTERNET SECARA BERTANGGUNGJAWAB DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK MALAYSIA: SATU KAJIAN KONSEPTUAL** **Siti Hajar binti Saad @ Mohd Yusoff***, Faizatulhaida binti Md Isa	85
13.	**INTEGRASI TEKNOLOGI DIGITAL DALAM PENGAJARAN BIDANG GEOMATIK DI POLITEKNIK: SATU KERANGKA KONSEP INPUT-PROSES-OUTPUT** **Mustaqiimah binti Muhamad***	96
14.	**KEBERKESANAN PENGGUNAAN DC *POWER SUPPLY TRAINING KIT* DALAM KALANGAN PELAJAR DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIYAH** **Zawiyah binti Mokhtar***, Noorzalina binti Mat Hussein, Amirul Zaharin bin Yusoff	105
15.	**KERANGKA KONSEPTUAL BAGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UKUR KEJURUTERAAN DI POLITEKNIK MALAYSIA** **Nurul Amira binti Din***	113
16.	**KERANGKA KONSEPTUAL GAMIFIKASI DALAM SESI TEORI SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS): KE ARAH PENINGKATAN PENGLIBATAN PELAJAR KURSUS GIS DI POLITEKNIK MALAYSIA** **Norhayati binti Ahmad***	119
17.	**KONSEP BATAS SENTUHAN DALAM KELUARGA MUSLIM: KE ARAH PEMBINAAN KERANGKA PENDIDIKAN SENTUHAN SELAMAT BERASASKAN MAQASID SYARIAH** **Mazlina binti Omar***, Nurul Asma binti Effendi, Wan Nor Hasnah binti Wan Yunus	130
18.	**METODOLOGI TAFSIR HAMKA TERHADAP AYAT-AYAT SAINTIFIK DALAM TAFSIR AL-AZHAR: ANALISIS AYAT PILIHAN** **Iruwan bin Idris***, Siti Aishah binti Othman, Mazlina binti Omar	139

19.	**OPERATIONAL AMPLIFIERS: A CONCEPTUAL OVERVIEW FOR ELECTRONIC ENGINEERING EDUCATION** **Sharipah binti Daud***, Zunainah binti Hamid	149
20.	**PEMBANGUNAN SISTEM KAWALAN HIBRID IOT–PLC MENGGUNAKAN RASPBERRY PI IRIV DAN PLC OMRON BAGI RUMAH PENGERINGAN Q-DRY** **Khairul Azhar bin Abd Aziz***, Ahmad Sabri bin Mohamed, Imran bin Ismail, Muhd Muslim bin Abu Bakar, Mohamad Hafaif bin Murad	156
21.	**PERANAN PASUKAN INSTITUSI PERTAHANAN AWAM (PISPA) DALAM MEMPERKASA BUDAYA KESELAMATAN KAMPUS: KAJIAN KES DI POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIYAH** **Faizatulhaida binti Md Isa***, Muhamad Sujairi bin Yusof, Muhammad Danish Aikhwan bin Muhamad Sujairi	168
22.	**PEMBANGUNAN MESIN RUMPUT SOLAR BERASASKAN BATERI 12 V DAN PENUKAR RANGSANG DC-DC UNTUK PEMOTONGAN RUMPUT BERSKALA KECIL** Adam bin Yusoff, Muhammad Aiman Irfan bin Anuar, **Kalsom binti Salleh***	178
23.	**TEACHING DIGITAL ELECTRONICS COURSES TO ENGINEERING STUDENTS AT MALAYSIAN POLYTECHNICS: CHALLENGES AND EFFECTIVE APPROACHES** **Siti Mariam binti Hussain***, Mafuzah Nor binti Radzi	187

**Corresponding author*

PENILAIAN IMPAK INTERVENSI PEDAGOGI BERASASKAN PERKAKASAN IOT/ROBOTIK TERHADAP PENCAPAIAN KOGNITIF DAN PENGLIBATAN MINAT (*ENGAGEMENT*) DALAM PEMBELAJARAN SISTEM TERBENAM (*EMBEDDED SYSTEMS*) DALAM KALANGAN PELAJAR TAHAP PERMULAAN

Nurlina Aimi binti Ramily*, Nor Afifah binti Muhamad Ramzi

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah

*Corresponding author e-mail address: nurlina.aimi@ptsb.edu.my

Abstrak

Perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) telah menuntut transformasi dalam sistem pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) agar pelajar bukan sahaja memahami teori, tetapi juga menguasai kemahiran praktikal berasaskan teknologi semasa seperti *Internet of Things* (IoT) dan robotik. Kajian ini dicadangkan untuk menilai impak intervensi pedagogi berasaskan perkakasan IoT dan robotik terhadap pencapaian kognitif serta penglibatan (*engagement*) pelajar dalam pembelajaran topik Sistem Terbenam (*Embedded Systems*). Tumpuan kajian ini diberikan kepada pelajar politeknik tahap permulaan, pelajar sekolah angkat PTSB, dan pelajar sekolah pedalaman yang dikenal pasti mempunyai tahap penguasaan teknologi yang rendah serta pendedahan yang terhad terhadap aplikasi dalam dunia sebenar. Selaras dengan aspirasi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) untuk memperkasa pendidikan TVET berasaskan teknologi, intervensi ini direka untuk membolehkan pelajar mengalami proses pembelajaran yang lebih bermakna, interaktif dan inklusif. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah gabungan (*mixed-method*) yang melibatkan ujian pra dan pasca bagi mengukur peningkatan kognitif, serta soal selidik dan pemerhatian bagi menilai tahap penglibatan pelajar sepanjang aktiviti pembelajaran berasaskan IoT/robotik dijalankan. Analisis data dijangka menggunakan korelasi Pearson bagi menentukan hubungan antara tahap *engagement* dengan peningkatan pencapaian kognitif. Kajian yang dicadangkan ini diharapkan dapat memberikan sumbangan signifikan kepada pembangunan pendekatan pengajaran TVET yang lebih berasaskan teknologi sebenar, menyeluruh, dan selari dengan aspirasi JPPKK dalam melahirkan graduan yang kompeten, inklusif, serta bersedia menghadapi cabaran digital masa kini, di samping menyokong usaha KPM untuk memperkukuh literasi digital dalam kalangan pelajar daripada pelbagai latar belakang.

Kata Kunci: *Internet of Things* (IoT); pencapaian kognitif; penglibatan pelajar; intervensi pedagogi; pembelajaran aktif; robotik; sistem terbenam.

1. Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Perkembangan pesat Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) telah mengubah landskap pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) secara menyeluruh. Kemunculan teknologi seperti *Internet of Things* (IoT), sistem automasi, dan robotik kini menjadi teras dalam dunia industri dan kejuruteraan moden. Justeru itu, institusi TVET, termasuk politeknik, memainkan peranan penting dalam melahirkan tenaga kerja separa profesional yang bukan sahaja celik teknologi, tetapi juga mampu menyesuaikan diri dengan keperluan industri semasa.

Selaras dengan aspirasi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) untuk memperkukuh kualiti pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi sebenar (*real-world learning*), keperluan untuk pendekatan pedagogi yang lebih inovatif dan praktikal semakin mendesak. Di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), subjek seperti Sistem Terbenam (*Embedded Systems*) merupakan komponen penting dalam program kejuruteraan, namun pemerhatian menunjukkan masih terdapat pelajar pada tahap permulaan yang berdepan kesukaran memahami konsep abstrak serta aplikasi sebenar sistem tersebut. Antara faktor penyumbang termasuk pendekatan pengajaran berasaskan teori, keterbatasan pendedahan terhadap perkakasan sebenar, serta jurang penguasaan teknologi dalam kalangan pelajar daripada latar sosioekonomi yang berbeza.

Selain itu, PTSB turut mempunyai sekolah-sekolah angkat yang terdiri daripada pelajar sekolah pedalaman dan luar bandar, yang sebahagiannya menunjukkan tahap literasi digital yang rendah. Justeru, projek intervensi pedagogi berasaskan perkakasan IoT dan robotik sebenar dicadangkan bukan sahaja untuk meningkatkan pencapaian kognitif dan penglibatan minat pelajar politeknik, tetapi juga sebagai usaha memperluas manfaat kepada komuniti sekolah angkat dan pelajar pedalaman agar mereka tidak ketinggalan dalam arus teknologi semasa.

Pendekatan ini selaras dengan hala tuju JPPKK dalam memperkasa pelaksanaan TVET 4.0, yang menekankan integrasi teknologi digital, pembelajaran berasaskan amali (*hands-on learning*), serta pembentukan pelajar yang holistik dan berkemahiran tinggi. Melalui pelaksanaan kajian ini, diharapkan satu model intervensi pedagogi berasaskan IoT/robotik yang sesuai dapat dibangunkan untuk diaplikasikan secara berterusan dalam pembelajaran sistem terbenam di politeknik dan sekolah-sekolah angkat.

1.2 Penyataan Masalah

Dalam usaha mencapai matlamat TVET 4.0, integrasi teknologi seperti *Internet of Things* (IoT) dan robotik dalam pengajaran merupakan langkah penting ke arah memperkukuh kebolehpasaran dan kecekapan graduan politeknik. Namun begitu, realiti di lapangan menunjukkan bahawa sebahagian pelajar politeknik, terutamanya pelajar tahap permulaan atau kurang mahir, masih berhadapan dengan cabaran besar dalam menguasai kemahiran berasaskan sistem terbenam (*embedded systems*). Cabaran ini sering berpunca daripada pendekatan pengajaran yang terlalu berasaskan teori, kekurangan pendedahan terhadap perkakasan sebenar, serta jurang kemahiran digital dalam kalangan pelajar yang datang daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan sosioekonomi.

Selain itu, pelajar daripada sekolah angkat PTSB dan sekolah pedalaman turut menunjukkan kecenderungan yang sama iaitu kekangan dalam menguasai kemahiran asas pengaturcaraan dan aplikasi teknologi baharu disebabkan kekurangan fasiliti, sumber pembelajaran serta bimbingan langsung daripada tenaga pengajar berpengalaman. Jurang ini boleh menyebabkan mereka ketinggalan dalam arus pendidikan teknologi yang semakin pesat berkembang, sekali gus menjejaskan peluang penyertaan mereka dalam bidang TVET di peringkat lebih tinggi. Walaupun Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menggariskan kepentingan pendekatan pembelajaran berasaskan amali (*hands-on learning*) dan teknologi sebenar melalui agenda Transformasi TVET 4.0, masih kurang kajian empirikal yang menilai keberkesanan intervensi pedagogi berasaskan perkakasan IoT dan robotik sebenar terhadap pencapaian kognitif serta penglibatan pelajar (*student engagement*), khususnya dalam kalangan pelajar politeknik tahap permulaan dan pelajar komuniti sekolah angkat.

Oleh itu, kajian ini dicadangkan untuk menilai sejauh mana intervensi pedagogi berasaskan perkakasan IoT dan robotik dapat meningkatkan pencapaian kognitif serta penglibatan dan minat pelajar dalam pembelajaran sistem terbenam. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi panduan berasaskan bukti (*evidence-based*) kepada pensyarah TVET dalam merancang strategi pengajaran yang lebih inklusif, menarik dan selaras dengan aspirasi JPPKK untuk melahirkan pelajar celik teknologi dan berdaya saing dalam ekosistem pendidikan digital masa kini.

1.3 Objektif Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk menilai impak intervensi pedagogi berasaskan perkakasan IoT dan robotik terhadap pencapaian kognitif dan penglibatan minat pelajar dalam pembelajaran topik Sistem Terbenam (*Embedded Systems*).

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

(i) Menilai tahap pencapaian kognitif pelajar sebelum dan selepas pelaksanaan intervensi pedagogi berasaskan perkakasan IoT/robotik. – Kuantitatif
(ii) Menganalisis tahap penglibatan minat (*engagement*) pelajar dalam pembelajaran menggunakan pendekatan berasaskan perkakasan IoT/robotik. – Kuantitatif
(iii) Menentukan hubungan antara tahap penglibatan pelajar dengan peningkatan pencapaian kognitif selepas intervensi dilaksanakan. – Kualitatif
(iv) Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap keberkesanan intervensi pedagogi ini dalam membantu kefahaman dan minat mereka terhadap pembelajaran sistem terbenam. - Kualitatif

Berdasarkan objektif di atas, kajian ini akan menjawab persoalan berikut:

(i) Apakah tahap pencapaian kognitif pelajar sebelum dan selepas pelaksanaan intervensi pedagogi berasaskan perkakasan IoT/robotik?
(ii) Apakah tahap penglibatan minat pelajar dalam pembelajaran Sistem Terbenam menggunakan pendekatan berasaskan perkakasan IoT/robotik?
(iii) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan pelajar dengan peningkatan pencapaian kognitif selepas intervensi dilaksanakan?
(iv) Apakah persepsi pelajar terhadap keberkesanan pendekatan pedagogi berasaskan perkakasan IoT/robotik dalam meningkatkan kefahaman dan minat terhadap pembelajaran sistem terbenam?

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memberikan sumbangan bermakna kepada pembangunan pedagogi berasaskan teknologi dalam pendidikan TVET, khususnya di politeknik dan institusi di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Hasil dapatan daripada kajian ini dijangka memberi manfaat kepada beberapa kumpulan sasaran utama seperti berikut:

(i) *Kepada Pelajar:* Kajian ini dapat membantu pelajar, terutamanya pelajar tahap permulaan dan kurang mahir, memahami konsep abstrak Sistem Terbenam (Embedded Systems) dengan lebih jelas melalui pendekatan amali berasaskan perkakasan sebenar IoT dan robotik. Penggunaan perkakasan sebenar dijangka dapat meningkatkan minat, motivasi, serta penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran. Kajian ini juga memberi peluang kepada pelajar sekolah angkat dan pelajar pedalaman untuk mendapat

pendedahan awal terhadap teknologi moden, sekali gus merapatkan jurang digital antara pelajar bandar dan luar bandar.

(ii) *Kepada Pensyarah dan Tenaga Pengajar TVET*: Kajian ini dapat menjadi panduan kepada pensyarah dalam merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan dan sesuai dengan tahap penguasaan pelajar. Dapatan kajian boleh digunakan untuk membangunkan modul pengajaran berasaskan perkakasan IoT/robotik, yang bukan sahaja meningkatkan kefahaman pelajar tetapi juga menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif dan menyeronokkan. Selain itu, kajian ini dapat membantu pensyarah menilai keberkesanan pendekatan pedagogi baharu yang sejajar dengan tuntutan Industri 4.0 dan prinsip pembelajaran aktif (*active learning*).

(iii) *Kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)*: Kajian ini menyokong aspirasi JPPKK dalam pelaksanaan agenda Transformasi TVET 4.0, yang menekankan integrasi teknologi digital dan pendekatan *hands-on* dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan oleh JPPKK untuk memperkukuh dasar, garis panduan dan pelaksanaan intervensi pedagogi berbasis teknologi di seluruh politeknik dan kolej komuniti. Kajian ini juga sejajar dengan matlamat JPPKK untuk melahirkan graduan TVET yang kompeten, inovatif dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

(iv) *Kepada Komuniti dan Sekolah Angkat PTSB*: Melalui aktiviti kolaboratif dengan sekolah angkat dan komuniti setempat, kajian ini berpotensi memperluaskan manfaat pembelajaran teknologi kepada pelajar di sekolah-sekolah pedalaman. Ia dapat memperkukuh hubungan strategik antara PTSB dan sekolah angkat, sekali gus menyumbang kepada pembangunan literasi digital dalam kalangan pelajar di kawasan luar bandar.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada pembangunan dan penilaian keberkesanan alat pembelajaran berasaskan perkakasan sebenar IoT dan robotik, yang direka bagi meningkatkan kefahaman pelajar terhadap konsep Sistem Terbenam (*Embedded Systems*). Skop kajian tertumpu kepada:

(i) *Kumpulan Sasaran*: Kajian melibatkan pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) yang mengikuti kursus berkaitan Sistem Terbenam pada tahap permulaan, serta pelajar sekolah menengah daripada sekolah angkat PTSB, termasuk sekolah-sekolah di kawasan pedalaman.

(ii) *Kandungan Pembelajaran*: Fokus utama adalah pada pengajaran asas sistem terbenam, kawalan input-output, serta aspek asas sistem terbenam dan IoT menggunakan platform mikropengawal seperti ESP32 atau Arduino, dan tidak melibatkan aplikasi industri berskala besar serta integrasi asas *Internet of Things* (IoT) melalui pendekatan berasaskan perkakasan sebenar dan aktiviti amali.

(iii) *Pendekatan Kajian*: Kajian ini menilai tahap kefahaman, minat, dan penglibatan pelajar sebelum dan selepas penggunaan kit pembelajaran tersebut melalui kaedah kuantitatif (soal selidik) dan kualitatif (pemerhatian dan temu bual).

(iv) *Konteks Pelaksanaan*: Kajian akan dijalankan dalam konteks pendidikan politeknik dan sekolah, sejajar dengan hasrat JPPKK dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memperkukuh integrasi teknologi digital dalam pendidikan TVET. Kajian bergantung kepada kemudahan makmal dan perkakasan yang sedia ada di PTSB, serta sokongan daripada sekolah angkat. Faktor kekangan peralatan atau infrastruktur ICT di sekolah pedalaman boleh mempengaruhi hasil kajian.

2. Metodologi

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan (*mixed-method*) yang mengintegrasikan kaedah kuantitatif dan kualitatif (Rajah 1). Kaedah kuantitatif dilaksanakan melalui ujian pra dan pasca untuk menilai pencapaian kognitif pelajar dalam topik Sistem Terbenam (*Embedded Systems*). Kaedah kualitatif pula menggunakan soal selidik dan pemerhatian bagi menilai tahap penglibatan (*engagement*) pelajar sepanjang aktiviti pembelajaran berasaskan perkakasan IoT dan robotik dijalankan. Pendekatan gabungan ini membolehkan kajian menilai bukan sahaja pencapaian akademik, tetapi juga aspek motivasi dan interaksi pelajar dalam proses pembelajaran.



Rajah 1. Cadangan reka bentuk kit pembelajaran

2.2 Populasi dan Sampel

Populasi kajian terdiri daripada:

(i) Pelajar politeknik tahap permulaan.
(ii) Pelajar sekolah angkat PTSB.
(iii) Pelajar sekolah pedalaman dengan pendedahan teknologi rendah.

Sampel pada Jadual 1 dipilih menggunakan *purposive sampling* untuk memastikan peserta yang terlibat mempunyai latar belakang berbeza dalam penguasaan teknologi, tetapi relevan dengan objektif kajian. Jumlah sampel dijangka seramai 60-90 orang.

Jadual 1. Cadangan populasi dan sampel

Kategori Pelajar	Jumlah Sampel (Cadangan)
Politeknik Tahap Permulaan	30
Sekolah Angkat PTSB	20
Sekolah Pedalaman	20

2.3 Instrumen Kajian

Data kajian ini akan dikumpulkan menggunakan gabungan instrumen kuantitatif dan kualitatif. Ujian pra dan pasca akan menjadi instrumen utama untuk mengukur pencapaian kognitif yang direka bentuk untuk menilai secara langsung pengetahuan dan kefahaman pelajar tentang konsep-konsep teras Sistem Terbenam sebelum intervensi (ujian pra) dan segera selepas intervensi selesai (ujian pasca). Selain itu, aspek afektif diukur menggunakan Soal Selidik

Engagement Pelajar, yang merupakan instrumen berasaskan Skala Likert 5-tahap. Soal selidik ini memberi tumpuan kepada penilaian kendiri pelajar terhadap minat, keyakinan, dan motivasi mereka sepanjang intervensi praktikal IoT/Robotik. Akhir sekali, pemahaman mendalam tentang tingkah laku pelajar diperoleh melalui Borang Pemerhatian yang distrukturkan, di mana pensyarah/penyelidik akan mencatat dan menilai secara sistematik interaksi pelajar, tahap kerjasama dalam kumpulan, dan penglibatan aktif mereka semasa sesi pembelajaran hands-on menggunakan kit perkakasan tersebut.

2.4 Prosedur Kajian

Kajian ini telah dilaksanakan melalui empat fasa utama iaitu: Persediaan, Pengukuran Pra-Intervensi, Intervensi dan Pelaksanaan, serta Pengukuran Pasca-Intervensi.

(i) *Fasa 1: Pengenalan dan Persediaan*: Proses kajian dimulakan dengan fasa persediaan yang melibatkan semua peserta kajian. Pada peringkat ini, pensyarah/penyelidik memberi Pengenalan ringkas mengenai Modul Sistem Terbenam (*Embedded Systems*) yang akan dipelajari, serta gambaran keseluruhan tentang perkakasan IoT/Robotik yang akan digunakan. Sesi latihan ringkas (*briefing*) turut dijalankan untuk membiasakan peserta dengan pengendalian peralatan, perisian pengekodan, dan protokol keselamatan standard. Langkah ini penting untuk memastikan semua pelajar tahap permulaan mempunyai pengetahuan asas yang seragam tentang alat sebelum memulakan aktiviti pembelajaran.

(ii) *Fasa 2: Ujian Pra dan Intervensi Utama*: Setelah fasa persediaan selesai, peserta menduduki ujian pra untuk menilai tahap pengetahuan sedia ada dan kefahaman kognitif awal mereka tentang topik Sistem Terbenam. Keputusan ujian pra ini menjadi garis dasar untuk menilai impak intervensi. Seterusnya, fasa Intervensi Pembelajaran Berasaskan IoT/Robotik dimulakan. Dalam fasa ini, peserta terlibat dalam aktiviti praktikal *hands-on* yang direka secara pedagogi. Pembelajaran berlaku melalui tugasan berasaskan projek mini, di mana pelajar dikehendaki menggunakan perkakasan IoT dan robotik untuk menyelesaikan masalah praktikal, sekali gus mengukuhkan kefahaman teori dan aplikasi secara bersepadu.

(iii) *Fasa 3: Pengumpulan Data Semasa dan Selepas Intervensi*: Sepanjang fasa intervensi, dua instrumen utama digunakan untuk mengumpul data secara berterusan. Borang pemerhatian digunakan oleh pensyarah/penyelidik untuk menilai tingkah laku peserta, terutamanya dari segi interaksi, kerjasama dalam kumpulan, dan tahap keaktifan sepanjang sesi praktikal. Selain itu, soal selidik *engagement* pelajar dilaksanakan segera selepas setiap modul pembelajaran praktikal selesai. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menilai perubahan minat, motivasi, dan penglibatan pelajar secara dinamik dan tepat pada masanya, serta merekodkan respons afektif mereka sejurus selepas berinteraksi dengan perkakasan tersebut.

(iv) *Fasa 4: Ujian Pasca dan Penutup*: Fasa akhir kajian adalah untuk mengukur hasil pembelajaran. Peserta kajian menduduki ujian pasca, yang mempunyai soalan yang serupa dengan ujian pra, bagi menilai peningkatan pencapaian kognitif selepas selesai keseluruhan intervensi. Perbandingan antara skor pra dan pasca akan digunakan untuk menentukan keberkesanan intervensi ini. Setelah selesai pengumpulan semua data, sesi rumusan dan penutup diadakan untuk mendapatkan maklum balas lisan tambahan dan menamatkan prosedur kajian. Aliran prosedur kajian ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2. Aliran prosedur kajian

2.5 Analisis Data

2.5.1 Data Kuantitatif

(i) Markah ujian pra dan pasca dianalisis menggunakan korelasi Pearson untuk menentukan hubungan antara tahap *engagement* dan peningkatan pencapaian kognitif.
(ii) Statistik deskriptif digunakan untuk menggambarkan prestasi pelajar.

2.5.2 Data Kualitatif

Data daripada soal selidik dan pemerhatian dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti corak penglibatan, motivasi, dan cabaran semasa pembelajaran berasaskan IoT/robotik.

3. Kesimpulan

Kajian ini dilaksanakan bagi menilai keberkesanan pendekatan pengajaran berasaskan perkakasan Internet of Things (IoT) dan robotik dalam meningkatkan pencapaian kognitif serta tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran topik Sistem Terbenam (Embedded Systems).

Melalui intervensi yang dilaksanakan, pelajar bukan sahaja berpeluang menghubungkan teori dengan aplikasi dunia sebenar, tetapi turut mengalami proses pembelajaran yang lebih bermakna, interaktif dan menyeronokkan.

Dapatan kajian dijangka menunjukkan bahawa pendekatan berasaskan IoT dan robotik mampu meningkatkan kefahaman konsep teknikal pelajar serta mendorong minat terhadap bidang TVET berasaskan teknologi. Peningkatan skor pasca ujian dan maklum balas positif daripada soal selidik *engagement* membuktikan bahawa penggunaan pendekatan ini dapat membina kemahiran abad ke-21 seperti penyelesaian masalah, kolaborasi, dan pemikiran kreatif.

Selain itu, kajian ini turut memberi implikasi penting terhadap aspirasi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dalam memperkukuh pendekatan pengajaran TVET yang selaras dengan keperluan Revolusi Industri 4.0. Pendekatan pengajaran yang lebih berpusatkan pelajar, berpaksikan teknologi sebenar, dan inklusif ini mampu memperkasakan pelajar daripada pelbagai latar belakang termasuk mereka dari kawasan pedalaman dan sekolah angkat politeknik agar tidak ketinggalan dalam arus digital semasa.

Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan model pembelajaran TVET yang inovatif, holistik, dan lestari. Pengintegrasian IoT dan robotik dalam kurikulum bukan sahaja memperkukuh kemahiran teknikal pelajar, malah menyemai nilai ingin tahu, tanggungjawab, serta keupayaan menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi pada masa hadapan. Dengan itu, pendidikan TVET dapat terus melahirkan graduan yang berdaya saing, kompeten dan selari dengan keperluan industri digital negara.

Rujukan

[1] M. Mohaffyza Mohamad, A. Fazieha Zakaria, A. Ahmad and H. Mohd Affendi, “Improvement of TVET’s Educators Competency in Heutagogy Context,” *Online Journal for TVET Practitioners*, vol. 6, no. 2, pp. 35–40, 2021.

[2] M. A. Mohammad Hussain, R. Mohd Zulkifli, A. Kamis, M. D. Threeton and K. Omar, “Industrial Engagement in the Technical and Vocational Training (TVET) System,” *International Journal of Learning*, Teaching and Educational Research, vol. 20, no. 12, pp. 19–34, Dec. 2021.

[3] M. A. Aripin, M. H. M. Hisham, M. I. Zainuddin, M. R. Pairan, M. Z. A. Hamid and S. Ali Al-Shami, “Role of Malaysia TVET Teachers’ Training Institutions toward Industry and Education 4.0,” *RIGEO – Review of International Geographical Education Online*, vol. 11, no. 8, Aug. 2021.

[4] S. Rajamanickam, R. Che’ Rus and M. N. Abdul Raji, “Enhancing TVET for a Digital-Ready Workforce: A Systematic Literature Review,” *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, [online], 2024 (DOI: 10.35631/IJMOE.623060).

[5] N. R. Mohd Rokeman, C. G. Che Kob, F. W. Othman, H. Che Sobry, M. L. Mohd Raffi, S. A. Mohd Nong, M. F. Untong and M. N. Mohd Yaacob, “Navigating Digital Competence in TVET Education: Overcoming Challenges and Harnessing Opportunities for Industry 4.0,” *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, vol. 17, Special Issue 2, pp. 200-215, Nov. 2024.

[6] E. A. Hamid, H. Maskur and R. Abdul Mutalib, “The Use of ChatGPT Applications in Learning: Impact on Understanding and Student Engagement in TVET Institutions,” *Malaysian Journal of Information and Communication* Technology (MyJICT), vol.8, no.2, 2023.

[7] A. A.-M. Ridzuan and N. Syafawani Junaidi, “Artificial Intelligence Technology Adoption in TVET: A Survey From the Perspective of Lahad Datu Community College Students,” *Borneo International Journal*, vol. 6, no. 4, pp. 31–38, Dec. 2023.

[8] M. Ridzuan Idris, S. Ifrad Ibrahim and N. Mohd Zan, “Usability and Effectiveness of AI TVET Robotics Trainer for Enhancing Learning in Robotics and AI,” *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development (IJARPED),* vol. 14, no. 1, pp. 2387–2392, Mar. 2025.

[9] “HI-TVET strengthened with focus on robotics, IoT, AI – Ahmad Zahid,” Bernama via The Sun Malaysia, 11 Mar. 2025.

[10] A. F. Othman, M. Othman, Z. H. Zaini, Z. Salakin and M. Tamilselvan, “IoT Implementation in Malaysian SMEs: A Strategic Analysis of Enablers and Challenges,” *Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering (JTEC)*, [online], Sept. 2025 (DOI: 10.54554/jtec.2025.17.03.006).

IMMERSIVE GAMIFICATION IN VOCATIONAL LEARNING: A MIXED-METHODS STUDY AT A MALAYSIAN POLYTECHNIC

Norshahidah binti Manaf*

Mechanical Engineering Department, Tuanku Sultanah Bahiyah Polytechnic, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah

*Corresponding author e-mail address: norshahidah@ptsb.edu.my

Abstract

This study examines the impact of immersive gamification on vocational learning at a Malaysian polytechnic. Using a mixed-methods design, the research explores how augmented and virtual reality (AR/VR), narrative-driven quests, and collaborative challenges influence student engagement, motivation, and academic performance. Quantitative results revealed significant improvements in post-test achievement and attendance, while qualitative findings highlighted enhanced learner agency, confidence, and collaboration. The study identifies best practices, challenges, and strategic recommendations for sustainably implementing gamified learning in Technical and Vocational Education and Training (TVET). It concludes that immersive gamification serves as an effective pedagogical strategy that bridges traditional vocational instruction with experiential, technology-driven engagement.
Keywords: augmented reality; immersive gamification; student engagement; polytechnic; TVET; virtual reality.

1. Introduction

Contemporary education is witnessing a profound transformation driven by digital innovation and learner-centred pedagogies. Among these, gamification, the integration of game mechanics into educational settings, has emerged as a promising strategy to enhance engagement and learning outcomes. In Technical and Vocational Education and Training (TVET), which emphasises skill-based and experiential learning, gamification offers a dynamic way to bridge theory and practice.

This study focuses on immersive gamification, an advanced approach that incorporates AR/VR technologies, narrative storytelling, and collaborative game elements. Conducted at Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), the research examines how immersive gamification influences cognitive and behavioural engagement among vocational students. The study also aims to identify implementation challenges and offer strategic recommendations to optimise its adoption across the TVET ecosystem.

2. Literature Review

2.1 Concept of Gamification

Gamification is broadly defined as applying game elements such as points, badges, and leaderboards to non-game contexts [1]. It leverages intrinsic motivation by transforming routine learning activities into engaging, goal-oriented experiences. Saari [2] emphasises that gamified environments reposition learners as active participants, fostering curiosity and sustained engagement. In such environments, motivation becomes self-reinforcing, leading to deeper cognitive processing.

2.2 Immersive Gamification and Learning Impact

Immersive gamification extends beyond surface-level game mechanics by integrating sensory-rich experiences such as AR/VR, narrative quests, and simulation-based challenges. Fernandes et al. [3] argue that immersive designs cultivate higher-order thinking skills, including critical reasoning, collaboration, and creative problem-solving. These immersive contexts create authentic simulations that mirror workplace realities, a crucial advantage in vocational training.

However, scholars such as Klock et al. [4] caution that gamification's appeal should not overshadow pedagogical integrity. Overemphasis on entertainment risks trivialising learning objectives. Therefore, effective gamified design must balance fun and functionality, ensuring engagement enhances, rather than distracts from, educational outcomes.

2.3 Gamification in Vocational Education

TVET programs focus on hands-on skills and applied competencies. Traditional lecture-based instruction often struggles to maintain motivation and relevance in such contexts. Immersive gamification offers a framework that aligns with the practical ethos of vocational learning. By situating knowledge within interactive narratives and collaborative problem-solving, gamification can strengthen both cognitive retention and psychomotor skills. This study contributes to the evolving body of research by empirically examining these effects within a Malaysian polytechnic.

3. Methodology

3.1 Research Design

This research employed a mixed-methods approach using an explanatory sequential design. Quantitative data were collected to assess gamification's impact on student performance, followed by qualitative exploration to contextualise learners' experiences. This pragmatic combination provided a holistic understanding of how immersive gamification shapes vocational learning.

3.2 Participants and Setting

The study took place at PTSB and involved 120 students from the Department of Mechanical Engineering. Participants represented a diverse range of skill levels and socio-economic backgrounds. The intervention spanned six to eight weeks within a core technical subject and integrated game-based modules alongside standard curriculum requirements.

3.3 Gamified Learning Design

The gamified module featured four progressive levels:

Level 1: Avatar creation and narrative introduction.

Level 2: Weekly quests and AR/VR-based simulations.

Level 3: Practical assessments framed as technical challenges.

Level 4: Capstone group project and reflective debriefing.

Students participated through the Moodle learning platform enhanced with gamification plugins, AR/VR simulations, and communication channels such as Discord. Lecturers served as Game Masters, providing narrative feedback and guidance throughout the learning journey.

3.4 Data Collection and Analysis

Data collection employed both quantitative and qualitative instruments: Pre- and post-tests measured cognitive improvement. The Gamification Engagement Scale (GES) assessed motivation and engagement. Attendance logs tracked participation. Semi-structured interviews and reflective journals captured students' perceptions. Quantitative data were analysed using paired t-tests and ANOVA to determine statistical significance. The qualitative data underwent thematic and narrative analysis to identify emergent themes related to learner identity, collaboration, and emotional engagement.

3.5 Ethical Considerations

Ethical approval was obtained from the institutional review board. Participation was voluntary, and confidentiality was maintained throughout. Informed consent was collected from all participants, who retained the right to withdraw without penalty.

4. Results and Discussion

4.1 Academic Achievement

Post-test results ($M = 77.8$) showed significant improvement over pre-test scores ($M = 61.3$), $p < 0.001$, indicating that immersive gamification enhanced cognitive performance. This aligns with Hamari et al. [1], who observed that game-based reinforcement sustains learner engagement and promotes mastery.

4.2 Engagement and Motivation

The GES revealed a 32% increase in motivational indices, with task completion rates rising from 67% to 93%. Attendance improved from 80% to 92%. Students reported that the gamified structure transformed mundane coursework into exciting missions, instilling a sense of autonomy and purpose.

4.3 Learner Experiences

Qualitative narratives underscored increased confidence, collaboration, and creativity. Students said that learning through quests and challenges made applying knowledge more meaningful. One participant described the experience as "learning by doing in a world that feels real." These findings affirm the social and emotional dimensions of gamified learning noted by Fernandes et al. [3].

4.4 Instructor Observations and Challenges

Lecturers observed improved problem-solving and peer dialogue but noted challenges in content design and time management. Some students desired deeper theoretical reinforcement. Infrastructure limitations, such as a limited number of VR devices, also constrained scalability.

5. Conclusion

The findings demonstrate that immersive gamification significantly enhances motivation, engagement, and academic outcomes among vocational learners. By embedding AR/VR simulations, collaborative quests, and narrative-driven tasks, educators can create transformative learning experiences aligned with 21st-century skills. However, successful integration requires institutional support, including digital infrastructure, professional training, and curriculum redesign.

6. Recommendations

Institutions should establish dedicated gamification laboratories and strengthen digital infrastructure to support immersive learning. Educators need structured training to design and facilitate gamified instruction effectively. Gamification principles should be embedded within the core curriculum rather than treated as supplementary tools, and monitoring frameworks should be put in place to assess long term effectiveness and learner outcomes. At the national level, the inclusion of gamified strategies in TVET policies would ensure consistency across institutions.

References

[1] J. Hamari, J. Koivisto, and H. Sarsa, “Does gamification work? A literature review of empirical studies on gamification,” *Proceedings of the 47th Hawaii International Conference on System Sciences*, 2014.

[2] T. Saari, “Gamified learning environments and intrinsic motivation: Reframing the learner experience,” *Educational Technology Research*, vol. 30, no.4, pp. 213-229, 2022.

[3] J. Fernandes et al., “Immersive Learning Environments in Vocational Education: Impacts and implications,” *Journal of Educational Innovation*, vol. 15(2), pp. 45–59, 2022.

[4] A. C. Klock, I. Gasparini, M. Pimenta, and J. Hamari, “Balancing fun and learning: Designing effective gamified learning systems,” *Computers and Education*, vol. 194, 104688, 2023.

DETERMINING THE RELATIONSHIP BETWEEN THE USE OF DIGITAL MEDIA AND THE EFFECTIVENESS OF LEARNING IN CROSS-DISCIPLINARY EDUCATION

Normawar binti Ali*

Mechanical Engineering Department, Tuanku Sultanah Bahiyah Polytechnic, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah

*Corresponding author e-mail address: normawar@ptsb.edu.my

Abstract

This study examined the relationship between digital media use and learning effectiveness in interdisciplinary education at polytechnics. Digital transformation in technical education has introduced new media such as simulations, interactive videos, and AR/VR applications, but implementation remains inconsistent and less effective. This study uses a quantitative design with qualitative support and includes lecturers and students from various fields. Data will be collected through structured questionnaires and semi-structured interviews and analysed using descriptive statistics, Pearson correlation, and multiple regression. The study is expected to identify levels of digital media use and learning effectiveness, as well as the factors that influence them. These findings will inform the development of a more comprehensive and effective interdisciplinary digital teaching and learning strategy. This study is expected to strengthen digital education policies at polytechnics and support national TVET goals for 21st-century learning.
Keywords: digital media; teaching and learning; TVET.

1. Introduction

Rapid advances in digital technology have transformed the global education landscape, including technical and vocational education (TVET). Today's learning environment is no longer limited to traditional classrooms; it now integrates various forms of digital media, such as interactive videos, augmented reality (AR) simulations, virtual reality (VR), and online learning platforms. This innovation enables a more immersive, collaborative, and self-directed learning experience that aligns with the needs of today's digital-generation students. In polytechnics, digital media increasingly supports teaching and learning across academic fields such as mechatronics engineering, creative technology, and computer science. The cross-disciplinary learning approach emphasises integrating knowledge from various fields to solve real problems, strengthening students' ability to think critically, innovate, and collaborate.

However, the effectiveness of using digital media to promote cross-disciplinary learning remains empirically under-explored, especially in the context of polytechnics in Malaysia. Previous studies show that digital media can increase student engagement, motivation, and understanding of learning content. However, the relationship between digital media use and learning effectiveness in interdisciplinary collaboration remains unclear. Several institutions have implemented various digital initiatives, but their effectiveness often varies by field, lecturers' digital skills, and students' acceptance of the technology. In addition, challenges in implementing interdisciplinary teaching and learning also involve factors such as curriculum design, teaching approaches, and lecturers' skills in meaningfully integrating technology. If digital media integration is poorly planned, it risks becoming a mere side activity that does not impact learning. Therefore, an applied study is needed to determine the relationship between digital media use and learning effectiveness in interdisciplinary education, especially in a polytechnic environment that emphasises a balanced mastery of technical and soft skills.

This study is expected to contribute to technical education by providing empirical evidence on the real impact of digital media on the effectiveness of cross-disciplinary teaching. The study's results can also inform stronger digital teaching strategies at polytechnics, guide professional development policies for lecturers, and support an integrated learning approach better aligned with industry needs and the Industrial Revolution 4.0.

2. Problem Statement

Although digital transformation in technical education is increasingly being carried out, the reality is that the implementation of digital media-based teaching and learning in polytechnics is still inconsistent and ineffective. Many departments or fields implement digital initiatives in isolation, without comprehensive cross-disciplinary integration. This leaves learning siloed, while today's world of work demands that students think and collaborate across fields. In addition, lecturers often use digital media cosmetically rather than strategically, using it to attract students' attention without ensuring deeper understanding or improved learning outcomes. Most digital activities in TVET institutions fail to achieve their true learning objectives because they lack solid pedagogical planning. As a result, students become passive users of technology, rather than active explorers in the learning process.

Instead, they become passive users of technology rather than active explorers in the learning process. Furthermore, uneven digital literacy between lecturers and students hinders the effective implementation of digital teaching and learning. Some lecturers still rely on conventional methods and feel less confident implementing an interdisciplinary approach through digital media. As a result, the full potential of digital media to facilitate collaborative learning is not being utilised. More worryingly, strong empirical evidence is lacking on the extent to which digital media use affects the effectiveness of interdisciplinary learning in Malaysian polytechnics. Most previous studies have focused on general perceptions or short-term assessments, without analysing the relationship between digital media use and student learning outcomes.

3. Study Objectives and Research Questions

The general objective of this study is to determine the relationship between digital media use and learning effectiveness in the context of interdisciplinary education at polytechnics. The specific objectives are:

(i) Identify the level of use of digital media in interdisciplinary teaching and learning among lecturers and polytechnic students.
(ii) Assess the level of learning effectiveness of students involved in teaching and learning based on interdisciplinary digital media.
(iii) Determine the relationship between the use of digital media and the effectiveness of learning in the context of interdisciplinary education at polytechnics.
(iv) Analyse the factors that influence the effectiveness of the implementation of digital teaching and learning, including lecturer readiness, infrastructure support, and the level of digital literacy of students.

Research questions:

(i) What is the level of use of digital media in interdisciplinary teaching and learning at polytechnics?
(ii) What is the level of learning effectiveness of students who follow interdisciplinary digital media-based teaching and learning?

(iii) Is there a significant relationship between the use of digital media and the effectiveness of student learning in an interdisciplinary context?
(iv) What factors influence the effectiveness of interdisciplinary digital teaching and learning at polytechnics?

4. Methodology

4.1 Study Design

This study uses a quantitative survey research design to determine the relationship between digital media use and learning effectiveness in interdisciplinary education at polytechnics. This approach allows data to be collected from a large number of respondents for statistical analysis. In addition, a mixed-method study method will be used in support through semi-structured interviews with several selected lecturers.

4.2 Population and Study Sample

(i) Berdasarkan TPB [12] dan *Digital Citizenship Framework* [9], pengaruh kesedaran etika digital terhadap tingkah laku sebenar tidak berlaku secara langsung semata-mata, sebaliknya dijembatani oleh tiga faktor kognitif dan persekitaran:
(ii) Sikap (*Attitude*): Kepercayaan dan penilaian kendiri pelajar bahawa amalan digital yang beretika memberi implikasi positif kepada diri dan persekitaran [1].
(iii) Norma Subjektif (*Subjective Norms*): Pengaruh dan dorongan daripada iklim institusi politeknik, rakan sebaya dan pensyarah yang membudayakan kewarganegaraan digital [7].
(iv) Kawalan Tingkah Laku Ditanggap (*Perceived Behavioural Control* / *Digital Literacy*): Keupayaan kognitif dan teknikal pelajar (literasi digital) yang memberikan mereka keyakinan serta kawalan untuk bertindak dengan selamat dan berintegriti dalam talian [6], [5].

5.1.3 Pemboleh Ubah Bersandar / Dependent Variable (DV) - Penggunaan Internet Secara Bertanggungjawab:

Merujuk kepada amalan dan tingkah laku nyata pelajar semasa mengendalikan teknologi internet. Indikator utama merangkumi amalan verifikasi maklumat dan semakan fakta bagi membendung berita palsu [5], etiket komunikasi yang bersopan dalam media sosial [10] serta tindakan proaktif dalam melindungi peranti dan mengelakkan tingkah laku siber berisiko [8].



Rajah 1. Kerangka konseptual etika digital dan penggunaan internet secara bertanggungjawab

5.2 Hipotesis

Berdasarkan kerangka yang dicadangkan, kajian konseptual ini mengemukakan proposisi bahawa:

(i) P1: Terdapat hubungan positif yang signifikan antara kesedaran etika digital dan amalan penggunaan internet secara bertanggungjawab dalam kalangan pelajar politeknik.

(ii) P2: Penentu TPB (Sikap, Norma Subjektif, dan Literasi Digital) bertindak sebagai perantara (*mediator*) yang signifikan dalam hubungan antara kesedaran Etika Digital dan amalan penggunaan internet secara bertanggungjawab.

6. Perbincangan

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran teknikal sahaja tidak mencukupi untuk membentuk tingkah laku digital yang positif dalam kalangan pelajar politeknik [10], [3]. Penggunaan internet secara bertanggungjawab turut dipengaruhi oleh kesedaran terhadap etika, sikap terhadap amalan digital, pengaruh persekitaran serta keupayaan pelajar mengurus teknologi dengan baik. Dalam hal ini, integrasi *Theory of Planned Behaviour* (TPB) dan *Digital Citizenship Framework* membantu menjelaskan hubungan antara Etika Digital sebagai pemboleh ubah bebas dengan Penggunaan Internet Secara Bertanggungjawab sebagai pemboleh ubah bersandar melalui faktor Sikap, Norma Subjektif dan Kawalan Tingkah Laku Ditanggap yang berkait dengan Literasi Digital [12], [9].

Kajian terdahulu juga menunjukkan wujudnya jurang antara kesedaran tentang etika dan amalan sebenar. Pengetahuan tentang privasi, hak cipta dan keselamatan digital tidak semestinya diterjemahkan kepada tingkah laku yang konsisten dalam penggunaan internet [2]. Berdasarkan kerangka yang dicadangkan, Sikap dan Kawalan Tingkah Laku Ditanggap dilihat sebagai faktor yang dapat mempengaruhi cara pelajar menggunakan pengetahuan etika ketika membuat keputusan dalam persekitaran digital. Literasi Digital turut memainkan peranan penting kerana keupayaan menilai maklumat, mengenal pasti kandungan yang meragukan dan mengurus jejak digital dapat menyokong penggunaan internet yang lebih bertanggungjawab [1], [6].

Perkembangan *Generative AI* juga menambah cabaran terhadap amalan Etika Digital, khususnya dalam aspek integriti akademik. Penggunaan AI tanpa panduan yang jelas boleh menimbulkan persoalan berkaitan ketelusan, pengiktirafan sumber, plagiarisme dan kebergantungan terhadap teknologi dalam menghasilkan tugasan akademik [3], [4]. Oleh itu, penggunaan teknologi ini perlu disertai dengan pertimbangan etika dan tanggungjawab pengguna. Pada masa yang sama, persekitaran politeknik turut mempengaruhi pembentukan tingkah laku digital. Norma subjektif yang terbentuk melalui peranan pensyarah, rakan sebaya dan dasar institusi boleh mempengaruhi cara pelajar melihat serta mengamalkan penggunaan internet yang selamat, beretika dan profesional [10], [7]. Kerangka yang dicadangkan dalam kajian ini masih bersifat konseptual dan hubungan antara konstruk yang dikenal pasti perlu diuji melalui kajian empirikal pada masa hadapan.

7. Implikasi Kajian

Kajian ini memberi beberapa implikasi terhadap aspek teori, pengurusan dan amalan di institusi TVET serta kehidupan sosial pelajar. Implikasi yang dibincangkan berkait dengan keperluan untuk membentuk amalan penggunaan teknologi yang beretika dan bertanggungjawab dalam kalangan pelajar politeknik.

7.1 Implikasi Teoretikal

Dari sudut teori, kajian ini menggabungkan *Theory of Planned Behaviour* (TPB) dan *Digital Citizenship Framework* untuk meneliti hubungan antara Etika Digital dan Penggunaan Internet Secara Bertanggungjawab [12], [9]. TPB memberi tumpuan kepada sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dianggap mempengaruhi tingkah laku seseorang, manakala *Digital Citizenship Framework* melihat nilai dan amalan yang berkaitan dengan penggunaan teknologi

secara bertanggungjawab. Gabungan kedua-dua perspektif ini digunakan dalam kajian untuk menerangkan bagaimana kesedaran tentang Etika Digital boleh berkait dengan cara pelajar menggunakan internet. Dalam hubungan tersebut, sikap pelajar, pengaruh orang di sekeliling dan keupayaan mengurus teknologi perlu diberi perhatian kerana faktor-faktor ini boleh mempengaruhi tindakan pelajar dalam persekitaran digital [1], [6].

7.2 Implikasi Dasar dan Amalan Institusi TVET

Dari sudut institusi, aspek Etika Digital boleh diberi perhatian dalam pengajaran dan aktiviti pembelajaran di politeknik. JPPKK dan pihak pengurusan akademik boleh mempertimbangkan penerapan etika digital, integriti akademik dan penggunaan *Generative AI* dalam kursus yang berkaitan dengan teknologi dan kemahiran teknikal [3], [4]. Pada masa yang sama, peraturan berkaitan penggunaan internet dan keselamatan maklumat boleh disemak dari semasa ke semasa supaya pelajar lebih jelas tentang perkara yang perlu dijaga, termasuk privasi, etiket komunikasi dan kesahihan maklumat yang dikongsi [7], [5]. Program kesedaran dan latihan juga boleh dijalankan secara berkala supaya pelajar mempunyai peluang untuk memahami isu sebenar yang mereka hadapi ketika menggunakan teknologi dan media digital [8], [2].

7.3 Implikasi Sosial

Dari sudut sosial, Etika Digital dan Kewarganegaraan Digital penting dalam membentuk pelajar yang memahami tanggungjawab mereka ketika menggunakan teknologi. Perkara seperti menghormati privasi, mematuhi hak cipta, menyemak maklumat sebelum berkongsi dan menggunakan teknologi secara beretika merupakan amalan yang perlu diterapkan dalam kehidupan seharian. Pengetahuan dan amalan tersebut juga dapat membantu pelajar menghadapi isu seperti buli siber, berita palsu dan penipuan dalam talian dengan lebih berhati-hati [10], [5]. Bagi pelajar TVET, amalan ini penting kerana penggunaan teknologi akan terus menjadi sebahagian daripada pembelajaran dan kehidupan pekerjaan mereka. Oleh itu, aspek etika dan tanggungjawab digital wajar berjalan seiring dengan kemahiran teknikal yang dipelajari.

8. Kesimpulan dan Cadangan

Kajian konseptual ini menunjukkan bahawa kemahiran teknikal dan keupayaan menggunakan teknologi sahaja tidak mencukupi untuk membentuk amalan penggunaan internet yang baik dalam kalangan pelajar politeknik. Penggunaan internet secara bertanggungjawab turut berkait dengan kesedaran terhadap Etika Digital, sikap pelajar, pengaruh persekitaran serta keupayaan mengurus teknologi dengan betul. Berdasarkan kajian terdahulu, integrasi *Theory of Planned Behaviour* (TPB) dan *Digital Citizenship Framework* dapat digunakan untuk melihat hubungan antara Etika Digital dan Penggunaan Internet Secara Bertanggungjawab. Dalam kerangka yang dicadangkan, Sikap, Norma Subjektif dan Kawalan Tingkah Laku Ditanggap yang berkaitan dengan Literasi Digital dilihat sebagai faktor yang boleh mempengaruhi cara pelajar menggunakan internet. Aspek seperti semakan maklumat, perlindungan privasi, pematuhan hak cipta dan penggunaan *Generative AI* secara bertanggungjawab turut perlu diberi perhatian.

Dalam konteks politeknik, Etika Digital dan Kewarganegaraan Digital boleh diterapkan melalui pengajaran, aktiviti kesedaran dan amalan penggunaan teknologi di peringkat institusi. Peranan pensyarah, rakan sebaya dan pihak pengurusan juga penting dalam membentuk persekitaran yang menggalakkan penggunaan internet secara selamat dan beretika. Pendekatan ini selaras dengan keperluan TVET yang bukan sahaja menekankan kemahiran teknikal, tetapi juga memerlukan graduan yang mempunyai sikap profesional dan bertanggungjawab dalam menggunakan teknologi.

Walau bagaimanapun, kerangka yang dicadangkan dalam kajian ini masih berada pada tahap konseptual dan belum diuji menggunakan data sebenar. Kajian seterusnya boleh dijalankan dalam kalangan pelajar politeknik Malaysia bagi menguji hubungan antara Etika Digital, Sikap, Norma Subjektif, Kawalan Tingkah Laku Ditanggap, Literasi Digital dan Penggunaan Internet Secara Bertanggungjawab. Kajian tersebut juga boleh menguji proposisi P1 dan P2 serta melihat sama ada faktor yang dicadangkan berperanan sebagai pemboleh ubah perantara. Dapatan kajian empirikal kelak dapat menentukan sejauh mana kerangka ini sesuai digunakan dalam konteks pendidikan TVET di Malaysia.

Rujukan

[1] Y. M. Al-Dheleai, Z. Tasir, and H. Al-Samarraie, “Digital ethics awareness and online behavior among university students: Implications for higher education policy,” *Computers and Education*, vol. 194, 104689, 2023 (DOI: 10.1016/j.compedu.2022.104689).

[2] L. Wang, Y. Li, and J. Zhang, “Privacy concerns and protective behaviors among university students: A comparative study,” *Computers and Security*, vol. 92, 101742, 2020 (DOI: 10.1016/j.cose.2020.101742).

[3] M. A. Amdan, R. Hashim, and S. Sulaiman, “Ethical and academic landscape of AI in Malaysian Polytechnics,” *Journal of Technical Education and Training*, vol. 16, no. 1, pp. 45–58, 2024 (DOI: 10.30880/jtet.2024.16.01.005).

[4] R. J. M. Ventayen, “OpenAI ChatGPT in higher education: Academic integrity, ethics, and responsible engagement,” International *Journal of Educational Technology in Higher Education*, vol.20, no. 2, pp. 112–125, 2023 (DOI: 10.1186/s41239-023-00384-8).

[5] UNESCO. *Media and information literacy: Policy and strategy guidelines*. UNESCO Publishing, 2024, https://www.unesco.org/en/media-information-literacy

[6] C. N. A. S. Che Zainal, W. H. Adnan, and A. Abdul Aziz, “Promoting new media literacy on youth usage of the Internet: A conceptual paper,” *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, vol. 26, no.2, pp. 33–48, 2024 (DOI: 10.22452/jpmm.vol26no2.3).

[7] A. A. Pua'at Saito and N. Mohamad Yunus, “A study on awareness, exposure and attitude towards digital citizenship among university students in Malaysia,” *Information Management and Business Review*, vol. 15, no. 1, pp. 202–211, 2023 (DOI: 10.22610/imbr.v15i1(I)SI.3397).

[8] M. J. Lebni, R. Toghroli, J. Abbas, N. Kianipour, S. J. Shahabadi, and A. Ziapour, “Internet use and health outcomes among higher education students: A systematic scoping review,” *BMC Public Health*, vol. 20, no. 1, pp.1–12, 2020 (DOI: 10.1186/s12889-020-09123-2).

[9] M. Ribble, “Essential elements of digital citizenship,” *International Society for Technology in Education (ISTE)*, 2020, https://iste.org/blog/essential-elements-of-digital-citizenship

[10] A. M. Al-Abdullatif and A. A. Gameil, “Exploring students' knowledge and practice of digital citizenship in higher education,” *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, vol. 15, no. 19, pp. 122–142, 2020 (DOI: 10.3991/ijet.v15i19.15611).

[11] Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. *Pelan Tindakan Pendigitalan Pengajian Tinggi 2022–2025*, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2022.

[12] I. Ajzen, “The theory of planned behavior: Frequently asked questions,” *Human Behavior and Emerging Technologies*, vol. 2, no. 4, pp. 314–324, 2020 (DOI: 10.1002/hbe2.195).

INTEGRASI TEKNOLOGI DIGITAL DALAM PENGAJARAN BIDANG GEOMATIK DI POLITEKNIK: SATU KERANGKA KONSEP INPUT-PROSES-OUTPUT

Mustaqiimah binti Muhamad*

Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah

*Corresponding author e-mail address: mustaqiimah@ptsb.edu.my

Abstrak

Geomatik merupakan komponen teras dalam program teknologi dan kejuruteraan awam di politeknik, yang secara tradisinya diajar melalui kaedah lapangan dan pengiraan manual. Perkembangan pesat teknologi digital seperti perisian reka bentuk berbantu komputer (CAD), Sistem Maklumat Geografi (GIS), Sistem Satelit Navigasi Global (GNSS) dan *total station* elektronik, serta teknologi yang sedang meningkat naik seperti kenderaan udara tanpa pemandu (UAV) dan *Building Information Modelling* (BIM), telah mengubah amalan geomatik dalam industri. Perubahan ini menuntut penyesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET). Kertas konsep ini bertujuan meninjau amalan semasa penggunaan pendekatan digital dalam PdP geomatik, mengenal pasti teknologi dan perisian yang relevan, serta menganalisis cabaran utama pelaksanaannya di Politeknik Malaysia. Melalui tinjauan literatur naratif dan analisis konseptual, kertas ini mencadangkan kerangka konsep Input-Proses-Output (IPO) yang menghubungkan input (kurikulum, perisian dan peralatan, kompetensi pensyarah, kesediaan digital pelajar), proses (pengajaran *blended*, latihan amali, kerjasama industri) dan output (kompetensi digital graduan serta kebolehpasaran). Berbeza daripada kerangka kompetensi digital sedia ada yang berpusat pada pendidik, kerangka ini dikhususkan kepada geomatik di politeknik dan menghubungkan penyediaan sumber, amalan PdP dan hasil graduan dalam satu aliran. Kertas ini diharap menjadi rujukan awal kepada pensyarah, penggubal kurikulum dan pentadbir institusi TVET dalam merancang integrasi teknologi digital yang lebih holistik dan mampan.
Kata Kunci: teknologi digital; geomatik; pendidikan TVET; perisian CAD dan GIS; GNSS; cabaran pengajaran.

1. Pengenalan

Geomatik, yang merangkumi ukur tanah (*land surveying*), pemetaan dan pengurusan data geospatial, ialah disiplin asas yang menyokong hampir keseluruhan aktiviti pembangunan fizikal negara, termasuk pembinaan infrastruktur, perancangan bandar, pengurusan hartanah, serta pemetaan sempadan dan sumber. Sebagai salah satu bidang teras dalam aliran kejuruteraan awam dan alam bina, geomatik di politeknik Malaysia secara tradisinya menekankan penguasaan kaedah lapangan konvensional seperti penggunaan pita ukur, alat aras (*level*) dan *total station*, yang disokong oleh pengiraan koordinat dan luas secara manual menggunakan kaedah trigonometri asas.

Namun, industri geomatik kini telah mengalami transformasi digital yang ketara. Instrumen elektronik seperti *total station*, penerima GNSS/GPS berketepatan tinggi, perisian reka bentuk seperti AutoCAD Civil 3D, aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS), serta teknologi muncul seperti kenderaan udara tanpa pemandu (UAV atau dron) untuk fotogrametri dan pengimbasan LiDAR, kini menjadi amalan piawai dalam firma ukur dan pembinaan. Kajian tinjauan oleh Gerber, Khashe dan Smith [1] terhadap program alam bina di Amerika Syarikat turut mengesahkan

bahawa kandungan pengkomputeran dalam kurikulum kejuruteraan awam terus berkembang dari semasa ke semasa, sejajar dengan peningkatan penggunaan teknologi digital dalam industri.

Perubahan ini membawa implikasi langsung kepada kompetensi yang diperlukan daripada graduan politeknik. Mereka bukan sahaja perlu memahami prinsip teori geomatik, tetapi juga mahir menggunakan alat dan perisian digital yang relevan dengan keperluan industri semasa. Persoalannya, pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di politeknik dapat atau tidak sesuaikan dengan perubahan ini. Di peringkat program, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti [JPPKK] (2024) telah menetapkan keupayaan menggunakan teknologi digital sebagai salah satu hasil pembelajaran program Diploma Geomatik, yang menunjukkan bahawa kompetensi digital kini menjadi sasaran kurikulum. Namun, integrasi teknologi digital dalam amalan pengajaran sering terbantut oleh kelemahan kompetensi digital dalam kalangan pendidik, sebagaimana didapati oleh Valverde-Berrocoso et al. [2], dan dapatan ini turut relevan dalam konteks pengajaran geomatik.

Faktor seperti kos peralatan, kesediaan infrastruktur, kompetensi pensyarah dan struktur kurikulum sedia ada sering menjadi penghalang kepada integrasi teknologi yang menyeluruh. Justeru, kertas konsep ini disediakan untuk meninjau secara konseptual amalan semasa, jenis pendekatan digital yang relevan, serta cabaran utama dalam pengajaran geomatik di politeknik. Kertas ini juga mencadangkan kerangka konsep sebagai asas perbincangan lanjut dan panduan awal kepada pensyarah serta penggubal kurikulum dalam merancang strategi integrasi teknologi digital yang lebih berkesan. Sumbangan utama kertas ini ialah kerangka konsep IPO yang dikhususkan kepada geomatik di politeknik, seperti dibincangkan dalam Bahagian 7.

2. Objektif Kajian

Kertas konsep ini digubal berdasarkan empat objektif utama, iaitu:

(i) Meninjau amalan semasa penggunaan pendekatan digital dalam PdP geomatik di politeknik.
(ii) Mengenal pasti jenis perisian, instrumen digital dan teknologi digital yang relevan dengan kurikulum geomatik.
(iii) Menganalisis cabaran utama yang dihadapi oleh pensyarah dan institusi dalam melaksanakan integrasi teknologi digital secara berkesan.
(iv) Mencadangkan kerangka konsep bersepadu bagi memandu perancangan dan pelaksanaan PdP berasaskan teknologi digital dalam geomatik.

3. Metodologi

Kertas ini ialah kertas konsep (*conceptual paper*) yang dibina melalui tinjauan dan sintesis literatur naratif (*narrative literature review*), disertai analisis konseptual oleh penulis sebagai pengamal pendidikan TVET dalam bidang kejuruteraan awam. Pendekatan ini sesuai kerana kertas ini bertujuan meneroka dan menyusun idea, bukan menguji hipotesis secara empirikal.

Tinjauan dijalankan dalam tiga langkah. Pertama, carian sumber dilakukan menerusi *Scopus*, *Web of Science* dan *Google Scholar* menggunakan kata kunci dalam bahasa Melayu dan Inggeris, antaranya *geomatics education*, *surveying education*, *digital technology*, *TVET*, *polytechnic*, *CAD*, *GIS*, *GNSS*, *UAV* dan *BIM*. Kedua, sumber dipilih membincangkan integrasi teknologi digital dalam pengajaran ukur atau geomatik, dalam pendidikan kejuruteraan dan pembinaan yang berkaitan. Selain itu, perbincangan kompetensi digital dan kebolehpasaran dalam konteks TVET serta dokumen program politeknik turut digunakan untuk menggambarkan

konteks tempatan. Sumber hanya menghuraikan aspek teknikal perisian atau instrumen tanpa kaitan dengan pengajaran tidak dimasukkan. Ketiga, sumber terpilih disintesis secara tematik.

Sintesis tematik diadaptasi daripada langkah analisis tematik Braun dan Clarke [3]. Penulis membaca sumber terpilih, menandakan setiap dapatan yang berkaitan amalan PdP, teknologi digital dan halangan pelaksanaan, mengumpulkan dapatan yang serupa ke dalam kategori, kemudian menyemak kategori tersebut terhadap sumber asal sehingga kategori yang terhasil tidak bertindih. Enam kategori cabaran dalam Jadual 1 (Bahagian 6) serta komponen input, proses dan output dalam kerangka konsep (Bahagian 7) dibentuk melalui proses ini. Pengalaman penulis mengajar dalam bidang ini digunakan untuk membantu menafsirkan dapatan dan bukan sebagai data primer.

Memandangkan sifat konseptualnya, kertas ini tidak melibatkan pengumpulan data primer atau ujian statistik, tetapi menyediakan asas teoretikal yang boleh disahkan secara empirikal dalam kajian lanjutan.

4. Tinjauan Konsep: Pendekatan Digital dalam Pengajaran Geomatik

Bahagian ini membincangkan evolusi dan kategori utama pendekatan digital yang relevan dengan pengajaran geomatik di peringkat politeknik.

4.1 Evolusi daripada Kaedah Manual kepada Digital

Secara tradisinya, pengajaran geomatik tertumpu kepada kaedah manual seperti ukur aras, ukur takimetri menggunakan teodolit optik, dan pengiraan koordinat secara manual menggunakan jadual logaritma atau kalkulator saintifik. Kaedah ini penting untuk membina pemahaman asas tentang prinsip geometri dan trigonometri dalam geomatik. Walau bagaimanapun, kaedah manual memakan masa yang panjang dan terdedah kepada ralat pengiraan oleh manusia. Peralihan kepada instrumen dan perisian digital membolehkan pengumpulan, pemprosesan dan visualisasi data ukur dilakukan dengan lebih pantas, tepat dan cekap. Hal ini menuntut pendekatan pengajaran yang turut disesuaikan.

4.2 Perisian Reka Bentuk dan Pemetaan Berkomputer

Perisian seperti AutoCAD dan AutoCAD Civil 3D digunakan secara meluas dalam industri untuk menghasilkan pelan ukur, model permukaan tiga dimensi (TIN), pengiraan kerja tanah (*cut and fill*), serta reka bentuk laluan dan lot tanah. Dalam konteks pengajaran, perisian ini membolehkan pelajar mengaplikasikan data lapangan sebenar dalam persekitaran digital, menghasilkan pelan bercetak yang mematuhi piawaian profesional, dan memahami aliran kerja *field to finish* yang diamalkan dalam industri. Selari dengan penemuan Puolitaival dan Forsythe [4] dalam konteks pendidikan BIM, cabaran utama dalam pengajaran berasaskan perisian sebegini ialah mengimbangi keperluan perisian gred industri dengan persekitaran pembelajaran yang realistik dan boleh dicapai oleh pelajar peringkat awal.

4.3 Instrumen Digital: *Total Station* dan Pemerolehan Data Elektronik

Total station elektronik menggabungkan fungsi teodolit elektronik dan alat pengukur jarak elektronik (EDM) dalam satu unit, sekali gus membolehkan sudut, jarak dan ketinggian direkodkan serta disimpan secara digital. Data ini boleh dipindahkan terus ke perisian komputer untuk diproses, menggantikan kaedah rekod manual dalam buku lapangan. Pengajaran berasaskan *total station* memerlukan pelajar memahami dua aspek: operasi fizikal instrumen di

lapangan, dan pengendalian data digital yang dihasilkan. Justeru, instrumen ini menjadi titik pertemuan penting antara amali lapangan tradisional dengan kemahiran digital.

4.4 Sistem GNSS/GPS dalam Ukur Kawalan

Penggunaan penerima Sistem Satelit Navigasi Global (GNSS), termasuk teknologi *Real-Time Kinematic* (RTK), membolehkan penentuan koordinat berketepatan tinggi tanpa memerlukan garis pandangan langsung antara stesen seperti dalam kaedah konvensional. Modul pengajaran GNSS memperkenalkan pelajar kepada konsep rangkaian stesen rujukan, ketepatan penentuan kedudukan, dan integrasi data satelit dengan sistem koordinat kebangsaan. Kemahiran ini semakin diperlukan dalam projek ukur kawalan dan pemetaan berskala besar.

4.5 Sistem Maklumat Geografi (GIS) sebagai Alat Analisis

GIS membolehkan data geomatik disepadukan dengan lapisan maklumat spasial lain seperti guna tanah, hidrologi dan infrastruktur sedia ada bagi tujuan analisis dan perancangan. Pendedahan kepada GIS dalam kurikulum geomatik membantu pelajar memahami aplikasi data ukur dalam konteks perancangan bandar dan pengurusan sumber yang lebih luas, selain mengukuhkan kemahiran analisis spasial yang relevan dengan pelbagai kerjaya dalam alam bina.

4.6 Teknologi Muncul: UAV, BIM dan Simulasi Digital

Perkembangan terkini turut memperkenalkan penggunaan kenderaan udara tanpa pemandu (UAV) untuk fotogrametri udara dan pemetaan kawasan luas secara pantas, teknologi pengimbasan LiDAR untuk model permukaan berketepatan tinggi, serta integrasi data ukur ke dalam model *Building Information Modelling* (BIM) bagi projek pembinaan bersepadu. Al-Tahir [5] berhujah bahawa institusi pengajian perlu memperluas program pendidikan dan latihan kepada operasi geomatik berasaskan UAV, dan mencadangkan sukatan serta tugasan amali berdasarkan pengalamannya. Joyce, Meiklejohn dan Mead [6] pula membentangkan pendekatan berstruktur menggunakan dron mini asas untuk mengajar konsep asas teknologi geospatial dari peringkat sekolah hingga pengajian tinggi. Lebih terkini, Alamouri dan Berger [7] membentangkan satu konsep pengajaran fotogrametri UAV berstruktur bagi kursus bukan geodesi, yang menggabungkan komponen teori dan amali secara berperingkat bagi pelajar yang tiada asas pengetahuan terdahulu. Pendekatan ini berpotensi diadaptasi dalam konteks kurikulum geomatik politeknik. Selain itu, simulasi digital dan realiti maya (VR) mula diterokai sebagai alat bantu pengajaran. Penerapannya di politeknik, menurut pemerhatian penulis, masih pada peringkat awal, namun teknologi ini menggambarkan hala tuju pengajaran geomatik yang semakin digital dan bersepadu.

5. Amalan Semasa di Politeknik Malaysia

Di peringkat kebangsaan, JPPKK [8] menetapkan bahawa graduan Diploma Geomatik perlu menunjukkan keupayaan menggunakan teknologi digital dalam pelbagai jenis kerja ukur, termasuk dalam konteks kelestarian dan alam sekitar (hasil pembelajaran program 6). Dokumen yang sama turut memasukkan kemahiran digital dalam objektif pendidikan program dan dalam kluster hasil pembelajaran *Malaysian Qualifications Framework* (MQF). Dokumen ini menunjukkan bahawa kompetensi digital telah diiktiraf sebagai sasaran program, tetapi tahap pelaksanaannya dalam PdP di setiap politeknik masih memerlukan kajian empirikal. Menurut pemerhatian penulis sebagai pengamal pendidikan TVET, amalan PdP geomatik di politeknik kini lazimnya bersifat hibrid, iaitu menggabungkan latihan lapangan manual sebagai asas pembinaan

konsep, diikuti pendedahan kepada instrumen dan perisian digital pada peringkat yang lebih lanjut. Makmal komputer digunakan untuk sesi amali CAD dan pemprosesan data, manakala kerjasama industri melalui lawatan teknikal, latihan industri dan projek akhir menjadi saluran tambahan untuk mendedahkan pelajar kepada teknologi terkini yang mungkin belum tersedia sepenuhnya di kampus. Sebagai perbandingan antarabangsa, Wong, Wong dan Nadeem [9] menghuraikan inisiatif sebuah universiti di Hong Kong memasukkan BIM ke dalam kurikulum pengurusan pembinaan, teknologi bangunan dan ukur bahan, serta melaporkan maklum balas pelajar tentang pengetahuan yang diperoleh melalui pembelajaran dan amali BIM.

Walau bagaimanapun, tahap dan kedalaman integrasi teknologi digital dipercayai tidak seragam antara institusi, bergantung pada faktor seperti peruntukan kewangan jabatan, bilangan dan kepakaran pensyarah, serta keutamaan yang diberikan dalam semakan kurikulum. Berdasarkan pemerhatian penulis, sesetengah politeknik telah melabur dalam *total station*, penerima GNSS terkini dan lesen perisian Autodesk melalui program pendidikan, manakala yang lain masih bergantung pada peralatan optik konvensional dengan pendedahan digital yang terhad kepada sesi teori. Perbezaan ini perlu disahkan melalui kajian empirikal merentasi politeknik. Isu ini turut berkait rapat dengan tuntutan kebolehpasaran graduan TVET. Kajian Bassah dan Noor [10] terhadap pakar industri di Malaysia mengenal pasti literasi teknologi sebagai salah satu kemahiran kebolehpasaran teras yang perlu dimiliki oleh graduan TVET, sejajar dengan tinjauan sistematik Chin dan Chia [11] yang turut menekankan kepentingan kemahiran digital dalam kebolehpasaran sektor TVET di Malaysia. Dari sudut pembangunan pendidik, Md Hani et al. [12] membangunkan kerangka kompetensi digital bagi pendidik TVET dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan menegaskan bahawa literatur sedia ada kekurangan kerangka berstruktur untuk menangani cabaran kompetensi digital dalam kalangan pendidik TVET.

6. Cabaran Semasa dalam Pelaksanaan

Sintesis literatur dan dokumen program yang dihuraikan dalam Bahagian 3 menghasilkan enam kategori cabaran utama yang menghalang integrasi menyeluruh pendekatan digital dalam pengajaran geomatik, seperti dirumuskan dalam Jadual 1. Setiap kategori dibentuk dengan mengumpulkan halangan yang serupa daripada sumber yang berbeza, iaitu halangan yang berkaitan dengan kos, pensyarah, kurikulum, pelajar, infrastruktur dan penilaian.


Cabaran-cabaran ini saling berkait rapat. Sebagai contoh, kekangan kos peralatan turut menjejaskan peluang pensyarah memperoleh pengalaman langsung dengan teknologi terkini, yang seterusnya menjejaskan keyakinan mereka untuk menyampaikan pengajaran berasaskan teknologi digital. Puolitaival dan Forsythe [4] turut mengenal pasti pembangunan profesional staf sebagai salah satu cabaran utama dalam pendidikan BIM. Hal ini selari dengan tinjauan skop oleh Mohd Rokeman et al. [13], yang menyimpulkan bahawa pendidikan digital memerlukan penyesuaian dalam pedagogi dan penilaian serta latihan dan pembangunan profesional bagi pengajar. Justeru, penyelesaian kepada isu ini memerlukan pendekatan bersepadu yang melibatkan pentadbir institusi, penggubal kurikulum dan rakan industri.

Jadual 1. Rumusan cabaran integrasi pendekatan digital dalam pengajaran geomatik

Cabaran	Huraian Ringkas
Kos Peralatan & Perisian	Lesen perisian CAD/GIS profesional dan instrumen digital (*total station*, penerima GNSS) memerlukan pelaburan modal serta penyelenggaraan berkala yang tinggi.
Kompetensi & Latihan Pensyarah	Ramai pensyarah dilatih dalam kaedah ukur konvensional. Latihan semula (*upskilling*) secara berterusan diperlukan agar selari dengan perkembangan teknologi industri [13], [4].
Peruntukan Kurikulum & Masa	Sukatan sedia ada sering menekankan teori dan amali manual. Ruang untuk modul digital lanjutan (BIM, GIS, dron) masih terhad dalam jam kredit sedia ada.
Kesediaan & Literasi Digital Pelajar	Tahap kemahiran ICT pelajar yang berbeza-beza menyebabkan jurang pembelajaran apabila perisian teknikal diperkenalkan tanpa asas digital yang mencukupi.
Infrastruktur ICT & Lesen Perisian	Bilangan makmal komputer berspesifikasi tinggi dan bilangan lesen serentak yang terhad menyukarkan semua pelajar mengakses perisian secara menyeluruh, terutamanya di kampus yang mempunyai enrolmen besar.
Penilaian & Pengesahan Kemahiran	Kaedah pentaksiran sedia ada belum menyokong sepenuhnya pengukuran kompetensi digital secara autentik dan berterusan.

7. Kerangka Konsep Cadangan

Berdasarkan tinjauan literatur dan analisis cabaran di atas, kertas ini mencadangkan kerangka konsep bersepadu berasaskan model Input-Proses-Output (IPO) untuk memandu integrasi pendekatan digital dalam pengajaran geomatik, seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Kerangka konsep integrasi pendekatan digital dalam pengajaran geomatik

Kerangka ini mencadangkan bahawa keberkesanan integrasi teknologi digital bergantung pada penyediaan input yang mencukupi, iaitu kurikulum yang responsif, akses kepada perisian dan peralatan, kompetensi pensyarah yang dikemas kini, serta kesediaan digital pelajar. Input ini seterusnya menyokong proses pengajaran yang menggabungkan kaedah *blended* (teori bersama makmal digital), latihan amali berasaskan perisian sebenar, serta kerjasama erat dengan industri melalui projek dan latihan praktikal. Hasil akhir yang disasarkan ialah peningkatan kompetensi teknikal dan digital graduan, yang secara langsung menyumbang kepada kebolehpasaran (*employability*) mereka dalam pasaran kerja geomatik dan alam bina yang semakin digital.

Setiap input dalam kerangka ini menjawab satu atau lebih kategori cabaran dalam Jadual 1. Kos peralatan dan infrastruktur ICT diwakili oleh input perisian dan peralatan, manakala kompetensi pensyarah, peruntukan kurikulum dan kesediaan pelajar masing-masing diwakili oleh input yang sepadan. Cabaran penilaian dan pengesahan kemahiran pula dikaitkan dengan output, iaitu cara kompetensi digital graduan diukur dan diiktiraf.

Kerangka ini berbeza daripada beberapa kerangka sedia ada dari segi fokus dan skop. Model *Technological Pedagogical Content Knowledge* (TPACK) [14] menerangkan pengetahuan yang diperlukan oleh guru untuk mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran, manakala *European Framework for the Digital Competence of Educators* (DigCompEdu) [15] menghuraikan kompetensi digital pendidik secara umum bagi pelbagai peringkat pendidikan. Dalam konteks TVET di Malaysia, kerangka HATTA oleh Md Hani et al. [12] dibangunkan untuk pendidik TVET secara umum dalam MTUN dan memberi tumpuan kepada kompetensi digital serta kepuasan pendidik. Kerangka IPO dalam kertas ini berbeza kerana ia meletakkan kompetensi pensyarah sebagai satu daripada empat input, bersama kurikulum, perisian dan peralatan serta kesediaan pelajar, dan menghubungkannya dengan proses PdP serta output graduan dalam geomatik di politeknik. Kerangka ini dicadangkan sebagai sumbangan konseptual awal dan belum diuji secara empirikal.

8. Implikasi dan Cadangan

Kerangka konsep yang dicadangkan membawa beberapa implikasi praktikal kepada pihak berkepentingan. Pertama, penggubal kurikulum perlu mempertimbangkan semakan berkala terhadap sukatan geomatik bagi memastikan keseimbangan yang sesuai antara asas teori manual dengan kemahiran digital, selaras dengan keperluan industri semasa. Kedua, institusi perlu melabur secara strategik dalam pembangunan profesional berterusan (*continuous professional development*) bagi pensyarah, termasuk kerjasama dengan pembekal perisian dan agensi industri untuk akses kepada latihan bersijil. Ketiga, pelaburan dalam infrastruktur ICT dan lesen perisian pendidikan wajar diberi keutamaan dalam perancangan bajet jabatan, memandangkan kesannya yang meluas terhadap kualiti pengalaman pembelajaran pelajar. Akhir sekali, kerjasama industri-akademia perlu diperkukuh bagi merapatkan jurang antara amalan pengajaran dengan keperluan pasaran kerja sebenar, khususnya dalam memperkukuh literasi teknologi sebagai kemahiran kebolehpasaran teras [10].

9. Kesimpulan

Pendekatan digital dalam pengajaran geomatik bukan lagi pilihan tambahan, tetapi keperluan asas untuk memastikan graduan politeknik kekal relevan dengan tuntutan industri geomatik dan alam bina yang semakin digital. Kertas konsep ini telah meninjau evolusi dan kategori utama teknologi digital yang relevan, mengenal pasti amalan semasa di politeknik Malaysia, serta menganalisis enam kategori cabaran utama pelaksanaannya. Kerangka konsep IPO yang dicadangkan menawarkan asas awal kepada pensyarah dan penggubal kurikulum untuk merancang strategi integrasi yang lebih holistik. Kajian empirikal lanjutan, seperti tinjauan persepsi pensyarah dan pelajar atau kajian kes pelaksanaan di politeknik terpilih, dicadangkan bagi mengesahkan dan memperhalusi kerangka konsep ini dalam konteks sebenar.

Rujukan

[1] D. J. Gerber, S. Khashe, and I. F. C. Smith, “Surveying the evolution of computing in architecture, engineering, and construction education,” Journal of Computing in Civil

Engineering, vol. 29, no. 5, Art. no. 04014060, 2015 (DOI: 10.1061/(ASCE)CP.1943-5487.0000361).

[2] J. Valverde-Berrocoso, M. R. Fernández-Sánchez, F. I. Revuelta Domínguez, and M. J. Sosa-Díaz, “The educational integration of digital technologies pre-Covid-19: Lessons for teacher education,” PLOS ONE, vol. 16, no. 8, Art. no. e0256283, 2021 (DOI: 10.1371/journal.pone.0256283).

[3] V. Braun and V. Clarke, “Using thematic analysis in psychology,” Qualitative Research in Psychology, vol. 3, no. 2, pp. 77–101, 2006 (DOI: 10.1191/1478088706qp063oa).

[4] T. Puolitaival and P. Forsythe, “Practical challenges of BIM education,” Structural Survey, vol. 34, no. 4/5, pp. 351–366, 2016 (DOI: 10.1108/SS-12-2015-0053).

[5] R. Al-Tahir, “Integrating UAV into geomatics curriculum,” The International Archives of the Photogrammetry, Remote Sensing and Spatial Information Sciences, vol. XL-1/W4, pp. 387–390, 2015 (DOI: 10.5194/isprsarchives-XL-1-W4-387-2015).

[6] K. E. Joyce, N. Meiklejohn, and P. C. H. Mead, “Using minidrones to teach geospatial technology fundamentals,” Drones, vol. 4, no. 3, Art. no. 57, 2020 (DOI: 10.3390/drones4030057).

[7] A. Alamouri and C. Berger, “Teaching UAV photogrammetry in non-geodetic degree courses: The example of TU Braunschweig,” PFG – Journal of Photogrammetry, Remote Sensing and Geoinformation Science, vol. 93, no. 3, pp. 309–316, 2025 (DOI: 10.1007/s41064-025-00331-4).

[8] Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Programme Information: Diploma in Geomatic (DGU) (Version 06062024_1). Ministry of Higher Education, 2024. [Online]. Available: https://www.poliku.edu.my/wp-content/uploads/2025/07/Program-Information-Diploma-in-Geomatic_DGU.pdf

[9] K. D. A. Wong, F. K. W. Wong, and A. Nadeem, “Building information modelling for tertiary construction education in Hong Kong,” Journal of Information Technology in Construction, vol. 16, pp. 467–476, 2011. [Online]. Available: https://itcon.org/paper/2011/27

[10] N. A. S. H. Bassah and M. A. M. Noor, “Employability skills needed for TVET graduates in Malaysia: Perspective of industry expert,” TVET@Asia, no. 20, 2023. [Online]. Available: https://tvet-online.asia/20/employability-skills-needed-for-tvet-graduates-in-malaysia-perspective-of-industry-expert/

[11] L. P. Chin and Y. M. Chia, “Employability skills in the Malaysian context: A systematic literature review of the TVET sector,” Education + Training, vol. 63, no. 7/8, pp. 1063–1081, 2021 (DOI: 10.1108/ET-04-2020-0102).

[12] M. H. Md Hani, A. Ismail, S. F. Abdul Samad, M. A. Mohd Yusof, and A. Hafidzi, “Enhancing high aptitude TVET technological assistance (HATTA) framework of a digital competence model for TVET educator’s satisfaction by using linear regression approaches,” Journal of Technical Education and Training, vol. 17, no. 1 (Special Issue), pp. 45–61, 2025 (DOI: 10.30880/jtet.2025.17.01.004).

[13] N. R. Mohd Rokeman, C. G. Che Kob, F. W. Othman, H. Che Sobry, M. L. Mohd Raffi, S. A. Mohd Nong, M. F. Untong, and M. N. Mohd Yaacob, “Navigating digital competence in TVET education: Overcoming challenges and harnessing opportunities for Industry 4.0,” Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, vol. 17, pp. 200–215, 2024 (DOI: 10.37134/bitara.vol17.sp2.20.2024).

[14] P. Mishra and M. J. Koehler, “Technological pedagogical content knowledge: A framework for teacher knowledge,” Teachers College Record, vol. 108, no. 6, pp. 1017–1054, 2006 (DOI: 10.1111/j.1467-9620.2006.00684.x).

[15] C. Redecker, European Framework for the Digital Competence of Educators: DigCompEdu, Y. Punie, Ed. Luxembourg: Publications Office of the European Union, 2017 (DOI: 10.2760/159770).

KEBERKESANAN PENGGUNAAN DC *POWER SUPPLY TRAINING KIT* DALAM KALANGAN PELAJAR DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIYAH

Zawiyah binti Mokhtar[1]*, Noorzalina binti Mat Hussein[2], Amirul Zaharin bin Yusoff[1]

[1]Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah
[2]Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak

*Corresponding author e-mail address: zawiyah@ptsb.edu.my

Abstrak

Bekalan kuasa DC merupakan alatan asas penting dalam pendidikan kejuruteraan, berfungsi sebagai sumber utama untuk membekalkan kuasa, menguji, dan menyelesaikan masalah litar elektronik di makmal. Unit bekalan kuasa sedia ada di makmal Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah didapati usang dan sebahagiannya tidak lagi berfungsi dengan baik, menjejaskan ketepatan pengukuran praktikal pelajar. Kajian ini membentangkan pembangunan DC *Power Supply Training Kit*, satu modul pembelajaran praktikal yang mengintegrasikan litar penerus, penapis, dan pengatur voltan dalam satu platform tunggal bagi mendemonstrasikan transformasi gelombang isyarat elektrik. Satu kajian penilaian keberkesanan turut dijalankan melibatkan 16 orang pelajar diploma daripada program DEE, DTK, DET dan DEP menggunakan borang soal selidik skala Likert 5 mata merangkumi enam item penilaian. Lima item teras yang mengukur keberkesanan pembelajaran secara langsung mencatatkan min skor keseluruhan 4.00 (Tahap Tinggi), manakala satu item tambahan berkaitan keperluan bahan pengajaran sokongan mencatatkan min 4.19 dan dilaporkan secara berasingan. Dapatan kajian membuktikan *trainer kit* ini berkesan dalam meningkatkan pemahaman konsep, penglibatan pembelajaran, dan kualiti pengalaman praktikal pelajar di makmal elektrik dan elektronik.
Kata Kunci: bekalan kuasa DC; kit latihan makmal; keberkesanan pembelajaran.

1. Pengenalan

Aktiviti amali makmal memainkan peranan penting dalam membantu pelajar memahami konsep asas kejuruteraan elektrik dan elektronik. Melalui eksperimen secara *hands-on*, pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan teori yang dipelajari di dalam kelas serta memerhati tingkah laku sebenar litar elektronik. Dapatan ini turut disokong oleh kajian Kanapathy dan Azhari [1] yang mendapati pembelajaran *hands-on* memberi kesan signifikan terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran STEM berbanding kaedah pengajaran konvensional. Salah satu peralatan paling penting dalam sesi makmal ini ialah bekalan kuasa DC, yang membekalkan sumber voltan stabil dan terkawal untuk mengendalikan pelbagai komponen elektronik seperti transistor, diod, dan litar bersepadu [2].

Namun begitu, banyak unit bekalan kuasa sedia ada di makmal telah usang dan tidak lagi beroperasi dengan cekap. Had-had peralatan lama ini, termasuk output voltan yang tidak stabil dan julat voltan yang terhad, boleh menjejaskan ketepatan hasil eksperimen dan menyekat jenis eksperimen yang boleh dijalankan oleh pelajar. Akibatnya, pelajar sering menghadapi kesukaran untuk memahami tingkah laku litar dan mengaitkan keputusan pengukuran dengan pengiraan teori, sejajar dengan dapatan bahawa ketiadaan peralatan yang sesuai untuk aktiviti amali menjadi penghalang utama kepada pembangunan kemahiran praktikal pelajar [2].

Kajian lepas turut menunjukkan bahawa *trainer kit* berasaskan litar analog dan elektronik kuasa memberi kesan positif terhadap pemahaman konsep pelajar yang bersifat abstrak, seperti transformasi gelombang dan pengaturan voltan, kerana pelajar dapat memerhati secara langsung perubahan isyarat pada setiap peringkat litar berbanding hanya mempelajarinya secara teori [3]. Selain itu, reka bentuk modul berbilang konfigurasi turut disokong oleh kajian berkaitan platform pembelajaran litar penerus dan elektronik kuasa, yang mendapati pendekatan sedemikian membolehkan pelajar membandingkan prestasi litar secara sistematik dalam satu sesi amali, sekali gus memperkukuh kefahaman konseptual mereka terhadap litar bekalan kuasa [3].

Isu peralatan bekalan kuasa DC yang usang di makmal elektronik turut dilaporkan dalam kajian oleh Yusof et al. [4] di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, yang mendapati bekalan kuasa sedia ada tidak lagi berfungsi dengan baik sehingga menjejaskan ketepatan pengukuran pelajar, lalu mencadangkan pembangunan bekalan kuasa mudah alih berciri pelbagai julat sebagai penyelesaian praktikal — dapatan yang konsisten dengan motivasi pembangunan kit dalam kajian ini. Selain itu, kajian oleh Darus et al. [5] ke atas *Power Supply Trainer Learning Kit* di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin turut mengesahkan bahawa *trainer kit* berasaskan modul penerus, penapis, dan pengatur voltan dapat meningkatkan motivasi, pemahaman konsep, dan kecekapan masa pelajar semasa amali litar elektronik, dengan tahap keberkesanan keseluruhan berada pada tahap Tinggi menggunakan skala interpretasi Landell [6] yang sama seperti yang digunakan dalam kajian ini. Dapatan dua kajian ini melengkapkan kajian terdahulu berkaitan *trainer kit* mikropengawal dan IoT yang turut melaporkan peningkatan penglibatan pembelajaran pelajar dalam makmal elektronik dan litar digital [2], [7].

Kajian oleh Jambari et al. [8] ke atas *Educational Trainer Kit* (ETK) dalam kalangan pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik di dua buah politeknik turut mengesahkan bahawa penggunaan *trainer kit* dapat mempertingkatkan kemahiran kerja berpasukan dan penyelesaian masalah pelajar, selain kemahiran teknikal, sekali gus menjustifikasikan keperluan politeknik untuk terus membangunkan ETK bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Sejajar dengan ini, Hamid et al. [9] turut membangunkan kit latihan litar elektrik berasaskan pembelajaran koperatif menerusi pendekatan model ADDIE dan mendapati kit tersebut mencatatkan skor kebolehgunaan yang sangat baik serta nilai *n-gain* 0.77 (kategori tinggi) dalam meningkatkan penguasaan pelajar terhadap litar elektrik dan elektronik asas. Kedua-dua kajian ini memberi sokongan tambahan bahawa pendekatan pembangunan *trainer kit* berasaskan modul, seperti yang diamalkan dalam kajian ini, merupakan kaedah yang terbukti berkesan merentasi pelbagai konteks litar elektrik dan elektronik.

Bagi menangani isu ini, pembangunan tiga jenis litar DC *Power Supply Training Kit* dicadangkan sebagai penyelesaian praktikal untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran di makmal elektronik [10]. Kit latihan ini direka bukan sahaja berfungsi sebagai unit bekalan kuasa, tetapi juga sebagai alat pendidikan yang membolehkan pelajar mengkaji dan memahami operasi asas litar bekalan kuasa, termasuk penerusan, penapisan, dan pengaturan voltan, selari dengan pendekatan pembangunan *trainer kit* berasaskan modul yang terbukti berkesan dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan pembelajaran pelajar [11], [12].


Objektif utama kajian ini adalah seperti berikut:

(i) Meningkatkan pengalaman pembelajaran praktikal pelajar melalui interaksi *hands-on*;
(ii) Menyediakan visualisasi operasi litar yang jelas bagi setiap peringkat litar bekalan kuasa; dan

(iii) Menilai tahap keberkesanan penggunaan *trainer kit* ini dalam kalangan pelajar diploma melalui kajian soal selidik berstruktur.


2. Metodologi

Pembangunan DC *Power Supply Training Kit* mengikuti pendekatan sistematik yang merangkumi fasa analisis keperluan, reka bentuk litar, pembinaan prototaip, pengujian dan penilaian keberkesanan. Fasa reka bentuk bermula dengan pembangunan skema litar yang merangkumi peringkat pengubah, penerus, penapis dan pengawal voltan. Tiga jenis konfigurasi litar telah dibangunkan bagi setiap peringkat, membolehkan pelajar membandingkan prestasi antara *Half-Wave Rectifier*, *Full-Wave Rectifier*, dan *Full Bridge Rectifier*; *Capacitor Filter*, *Pi Filter*, dan LC/RC *Filter*; serta *Fixed* IC *Voltage Regulator*, *Zener Diode Voltage Regulator*, dan Transistor-Zener *Voltage Regulator*, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Pendekatan reka bentuk modul berbilang konfigurasi ini konsisten dengan keperluan untuk menyediakan peralatan dan metodologi yang sesuai bagi tujuan pengajaran dan penyelidikan litar penerus dan elektronik kuasa [3].



Rajah 1. Skema litar DC *Power Supply Training Kit*

Selepas simulasi berjaya dijalankan, prototaip fizikal dibina di atas papan litar bercetak untuk pengujian awal. Proses ini merangkumi pemasangan pengubah, penerus, penapis, dan pengatur voltan; penyambungan terminal output dan suis julat voltan; pengintegrasian litar bateri boleh cas semula untuk kebolehalihan; serta pemasangan ciri perlindungan seperti fius, had arus, dan perlindungan lampau voltan, seperti ditunjukkan dalam Rajah 2. Prototaip kemudian menjalani pengujian menyeluruh menggunakan multimeter digital dan osiloskop bagi memastikan keselamatan, fungsi, dan ketepatan output voltan pada setiap litar.



Rajah 2. Prototaip DC *Power Supply Training Kit*

Bagi menilai keberkesanan penggunaan *trainer kit* ini, satu borang soal selidik Google Form telah diedarkan kepada pelajar diploma yang telah menggunakan kit tersebut dalam sesi makmal. Borang ini mengandungi enam item penilaian menggunakan skala Likert 5 mata (1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju), merangkumi aspek visualisasi gelombang, kemudahan penggunaan, pemahaman konsep, penglibatan dalam pembelajaran, reka bentuk fizikal, dan keperluan bahan pengajaran tambahan. Lima item pertama (Item 1–5) mengukur keberkesanan pembelajaran secara langsung dan menjadi asas pengiraan min skor keseluruhan keberkesanan kit, manakala Item 6 mengukur keperluan bahan sokongan tambahan dan dilaporkan secara berasingan kerana ia tidak mencerminkan keberkesanan kit itu sendiri. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan statistik deskriptif (skor minimum) dan diinterpretasikan menggunakan skala tiga tahap Landell [6], seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.


3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Jadual 1. Taburan responden mengikut program

Program	Bilangan Responden	Peratusan (%)
DEE (Diploma Kejuruteraan Elektrik)	10	62.5
DTK (Diploma Teknologi Kejuruteraan)	3	18.8
DET (Diploma Kejuruteraan Elektronik)	2	12.5
DEP (Diploma Kejuruteraan Elektrik Perindustrian)	1	6.2
Jumlah	16	100

Kajian ini melibatkan seramai 16 orang responden pelajar diploma daripada empat program berbeza di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dan Politeknik Ungku Omar. Semua responden mengesahkan mempunyai pendedahan terhadap litar DC *Power Supply* sebelum menjawab

borang soal selidik. Taburan responden mengikut program ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Rajah 3.



Rajah 3. Carta taburan responden mengikut program

Bagi menginterpretasikan tahap min skor bagi setiap item, kajian ini menggunakan skala interpretasi seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2. Skala interpretasi min skor

Julat Min Skor	Tahap Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Jadual 3 dan Rajah 4 menunjukkan min skor bagi lima item teras penilaian keberkesanan DC *Power Supply Training Kit* berdasarkan maklum balas 16 responden. Item 6 dikecualikan daripada pengiraan min skor keseluruhan keberkesanan kerana ia mengukur keperluan bahan sokongan pembelajaran tambahan (manual, lembaran kerja, tutorial QR-*code*), bukan keberkesanan kit secara langsung; item ini dilaporkan secara berasingan dalam Jadual 4.


Min skor keseluruhan bagi lima item teras (Item 1–5) ialah 4.00, berada pada tahap Tinggi mengikut skala interpretasi yang digunakan. Ini menunjukkan bahawa secara amnya, pelajar memberikan maklum balas yang sangat positif terhadap penggunaan DC *Power Supply Training Kit* dalam sesi pembelajaran makmal, dapatan yang selari dengan kajian lepas yang turut melaporkan peningkatan motivasi dan penglibatan pembelajaran pelajar hasil daripada penggunaan *trainer kit* berasaskan modul [11].

Item 4 (proses pembelajaran lebih menarik dan melibatkan) mencatatkan min tertinggi dalam kalangan lima item teras (4.12), menyokong hasrat kajian untuk menjadikan pembelajaran litar bekalan kuasa lebih interaktif berbanding kaedah kuliah konvensional, selaras dengan dapatan

bahawa integrasi media pembelajaran berasaskan *trainer kit* dapat memperkukuh pemahaman konsep litar digital dan elektronik [7].

Jadual 3. Min skor keberkesanan mengikut item penilaian teras (item 1–5, N=16)

Item	Aspek Penilaian	Min Skor	Tahap
1	*Trainer* membolehkan pemerhatian perubahan gelombang secara berkesan dari peringkat penerus ke pengatur voltan	3.94	Tinggi
2	Label modul dan konektor memudahkan penggunaan semasa aktiviti makmal	3.88	Tinggi
3	*Trainer* meningkatkan pemahaman fungsi litar penerus, penapis, dan pengatur voltan	4.00	Tinggi
4	Proses pembelajaran menjadi lebih menarik dan melibatkan berbanding kaedah konvensional	4.12	Tinggi
5	Reka bentuk fizikal *trainer* mesra pengguna dan mudah difahami	4.06	Tinggi
Min Keseluruhan (Item 1–5)		4.00	Tinggi



Rajah 4. Carta min skor keberkesanan mengikut item penilaian teras

Item 2 (label modul dan konektor) mencatatkan min terendah (3.88) berbanding item lain, walaupun masih pada tahap yang tinggi. Ini selari dengan cadangan penambahbaikan yang diberikan oleh responden melalui soalan terbuka, iaitu keperluan untuk pelabelan titik ujian yang lebih jelas serta penambahan paparan skrin digital pada meter voltan dan arus bagi memudahkan pengukuran.

Sebagai maklumat tambahan, Jadual 4 menunjukkan Item 6 (keperluan bahan pengajaran tambahan) mencatatkan min skor 4.19, iaitu tertinggi berbanding kelima-lima item teras. Walaupun item ini tidak digunakan sebagai bukti langsung keberkesanan kit, skor tinggi ini menunjukkan pelajar amat menghargai sokongan bahan rujukan tambahan untuk melengkapkan

pengalaman pembelajaran *hands-on* mereka, serta memberikan input berguna untuk penambahbaikan versi akan datang.

Jadual 4. Min skor bagi item keperluan bahan pengajaran tambahan (item 6, N=16)

Item	Aspek Penilaian	Min Skor	Tahap
6	Bahan pengajaran tambahan (manual, lembaran kerja, QR *code*) akan meningkatkan lagi pengalaman pembelajaran	4.19	Tinggi

Secara keseluruhan, majoriti besar responden (melebihi 80%) memberikan respons Setuju atau Sangat Setuju bagi setiap item penilaian, membuktikan penerimaan yang tinggi terhadap *trainer kit* ini dalam kalangan pelajar diploma pelbagai program kejuruteraan elektrik dan elektronik.

4. Kesimpulan

DC *Power Supply Training Kit* telah berjaya dibangunkan dan dilaksanakan di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, sebagai platform pembelajaran *hands-on* yang membolehkan pelajar memasang dan meneroka setiap peringkat litar bekalan kuasa, daripada pengubah dan penerus kepada penapis dan pengatur voltan [10]. Dapatan kajian keberkesanan yang melibatkan 16 orang pelajar diploma mengesahkan bahawa *trainer kit* ini berkesan pada tahap Tinggi (min keseluruhan bagi lima item teras = 4.00) dalam meningkatkan pemahaman konsep litar bekalan kuasa DC, penglibatan pembelajaran, dan kualiti pengalaman praktikal di makmal.

Cadangan penambahbaikan utama yang perlu dipertimbangkan untuk versi akan datang termasuk penambahan paparan digital voltan/arus, pelabelan titik ujian yang lebih jelas, serta penyediaan manual pengguna yang lebih komprehensif lengkap dengan lembaran kerja dan tutorial kod QR — selaras dengan skor tinggi yang dicatatkan bagi keperluan bahan sokongan tambahan (Item 6, min = 4.19). Secara keseluruhan, kit latihan ini berfungsi sebagai alat pendidikan yang berkesan dalam menghubungkan teori dan praktikal, melengkapkan pelajar dengan kemahiran praktikal, keyakinan teknikal, dan pemahaman yang jelas tentang operasi litar bekalan kuasa DC, selaras dengan peranan *trainer kit hands-on* dalam merapatkan jurang antara pengetahuan teori dan aplikasi praktikal dalam pendidikan kejuruteraan [2].

Rujukan

[1] S. Kanapathy and A. M. Azhari, “Exploration of the experience of hands-on learning and its impacts on STEM learning,” *Pedagogika*, vol. 155, no.3, pp.104–125, 2024.

[2] B. Sumanth, J. Neha, R. Sneha, C. K. Prasad, and K. Viswanathan, “Programmable Logic Controller (PLC) trainer kit for various power system applications,” *International Journal of Innovative Research in Electrical, Electronics, Instrumentation and Control Engineering*, vol. 12, no. 7, pp.103–113, 2024.

[3] J. Bayona, N. Gélvez, and H. Espitia, “Design and implementation of a module for teaching and research on SCRs for power electronics,” *HardwareX*, vol. 22, e00640, 2025.

[4] N. A. M. Yusof, J. Sulaiman, and S. Yusof, “Development of DC power supply for electronic laboratory purposes,” In *Proceedings of Liga Ilmu Serantau (LIS2024)*. Universitas Ibnu Sina, Batam, Indonesia, 2024.

[5] H. Darus, S. Abu Seman, and N. Othman, “Study on the effectiveness of using the Power Supply Trainer Learning Kit among students of the Electrical Engineering Department, Tuanku Syed Sirajuddin Polytechnic during hands-on practical work,” *International Journal of Research and Innovation Management*, vol. 10, no.1, pp. 1–13, 2024.

[6] K. Landell, *Management by menu.* Wiley and Sons Inc. 1997.

[7] W. Mustakim, H. Effendi, Aswardi, M. Giatman, Hariyadi, and W. D. Pratiwi, “Development of Internet of Things trainer kit as a learning media for digital circuit subjects in higher education,” *International Journal of Online and Biomedical Engineering*, vol. 20, no. 9, pp. 4–16, 2024.

[8] H. Jambari, I. Taman, N. H. Mohamad, R. Abu, N. H. Ismail, J. Ahmad, N. Sapuan, and S. Osman, “Effectiveness of educational trainer kits to enhance the technical skills for students,” *Advanced Science Letters*, vol. 24, no.4, pp.2195–2198, 2018.

[9] M. A. Hamid, E. Permata, D. Aribowo, I. A. Darmawan, M. Nurtanto, and S. Laraswati, “Development of cooperative learning-based electric circuit kit trainer for basic electrical and electronics practice,” *Journal of Physics: Conference Series*, vol. 1456, no. 1, 012047, 2020.

[10] Z. Mokhtar, N. Mat Hussein, and S. H. Mohd Jamaai, “DC power supply training kit module”, In *Proceedings of the International Education Research and Innovation Carnival (InERIC 2026)*. Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah / Politeknik Ungku Omar, 2026.

[11] F. Eliza, O. Candra, R. Mukhaiyar, R. Fadli, and Y. E. Wibowo, “Development of a microcontroller training kit to increase student learning motivation. *Engineering,” Technology and Applied Science Research*, vol. 15, no. 13, pp. 22319–22326.

[12] A. F. Mahmood, K. A. Ahmed, and H. A. Mahmood, “Design and implementation of a microcontroller training kit for blended learning,” *Computer Applications in Engineering Education*, vol. 30, no.4, pp.1236–1247, 2022.

KERANGKA KONSEPTUAL BAGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UKUR KEJURUTERAAN DI POLITEKNIK MALAYSIA

Nurul Amira binti Din*

Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah

*Corresponding author e-mail address: amira@ptsb.edu.my

Abstrak

Mempelajari cara membina sesuatu dan memahami struktur adalah sangat penting, dan kejuruteraan merupakan sebahagian besar daripadanya. Dalam konteks pengajaran di Politeknik Malaysia, mengajar kemahiran teknikal boleh menjadi sukar kerana pelajar tidak mendapat latihan praktikal yang mencukupi, peralatan moden tidak mencukupi, dan apa yang mereka pelajari di dalam kelas tidak selalunya sepadan dengan pekerjaan sebenar. Artikel ini mencadangkan rancangan mudah untuk meningkatkan kemahiran pengukuran dalam pengajaran di politeknik. Ia melihat bagaimana pengajaran dirancang, penglibatan tenaga pengajar, proses kerja lapangan yang dijalankan serta penggunaan teknologi oleh tenaga pengajar dan pelajar itu sendiri. Artikel ini menerangkan cara bahagian ini berfungsi bersama-sama untuk mengekalkan minat pelajar, membantu mereka mempelajari kemahiran sebenar dan mendorong mereka untuk bekerja dalam bidang kejuruteraan selepas tamat pengajian. Matlamatnya adalah untuk membantu tenaga pengajar dan perancang kurikulum menjadikan pembelajaran lebih praktikal serta menyediakan pelajar dengan lebih baik untuk dunia pekerjaan sebenar. Lebih banyak penyelidikan diperlukan untuk menilai sama ada kerangka ini berkesan di Politeknik Malaysia.
Kata Kunci: kejuruteraan; pengajaran dan pembelajaran; Politeknik Malaysia.

1. Pengenalan

Sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia memainkan peranan penting dalam melahirkan tenaga kerja mahir yang akan menyokong kepada pembangunan sektor pembinaan dan infrastruktur negara. Politeknik Malaysia, sebagai salah satu institusi utama TVET, bertanggungjawab melahirkan graduan yang kompeten dalam pelbagai bidang kejuruteraan, termasuk kejuruteraan awam. Antara kursus teras dalam program pengajian kejuruteraan awam ialah Ukur Kejuruteraan (*Engineering Survey*), yang melengkapkan pelajar dengan pengetahuan asas dan kemahiran teknikal berkaitan pengukuran tanah, pemetaan, dan aplikasi teknologi ukur moden seperti *Total Station*, *Global Positioning System* (GPS), dan perisian *Building Information Modelling* (BIM).

Walau bagaimanapun, pengajaran dan pembelajaran (PdP) kejuruteraan di Politeknik Malaysia masih berdepan pelbagai cabaran. Antaranya ialah pendedahan kerja lapangan yang terhad akibat kekangan masa dan sumber, kekurangan peralatan ukur yang mencukupi dan terkini, serta jurang antara pengetahuan teori yang diajar di dalam kelas dengan keperluan praktikal industri sebenar. Cabaran ini turut disokong oleh dapatan hasil kajian lepas yang mendapati bahawa pelajar sering mengalami kesukaran dalam mengaplikasikan konsep teori ukur dalam situasi lapangan yang sebenar, sekali gus menjejaskan tahap kesediaan mereka untuk memasuki alam pekerjaan.

Sehubungan itu, kertas konsep ini bertujuan untuk mencadangkan satu kerangka konseptual bagi PdP ukur kejuruteraan di Politeknik Malaysia. Kerangka ini dibangunkan berdasarkan sorotan literatur berkaitan teori pembelajaran, amalan pedagogi TVET, serta cabaran semasa yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar dalam bidang kejuruteraan ukur.

Objektif utama penulisan ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan PdP ukur kejuruteraan, menerangkan kaedah penganalisisan literatur dan pembentukan kerangka secara sistematik, serta membentangkan kerangka konseptual yang menghubungkan input pengajaran, proses pengajaran dan pembelajaran, serta hasil pembelajaran pelajar.

2. Sorotan Literatur

2.1 Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia

TVET sangat penting untuk negara kerana ia membantu orang ramai mempelajari kemahiran dan bersedia untuk teknologi baharu yang dipanggil Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0). Politeknik ialah institusi pengajian khas yang merupakan sebahagian daripada TVET; mengajar pelajar secara teori dan Kemahiran secara *hands-on*. Untuk disiplin ukur kejuruteraan, integrasi amali yang kukuh adalah kritikal kerana ketepatan data pengukuran memerlukan kefahaman konsep pengiraan serta kemahiran psikomotor semasa mengendalikan alatan di lapangan perlu selari.

2.2 Cabaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Ukur Kejuruteraan

Kajian-kajian lepas secara konsisten mendapati bahawa pelbagai cabaran dari segi struktur dan pedagogi dalam bidang ukur kejuruteraan ini antaranya adalah:

(i) Kekangan dari segi sumber dan peralatan

Ketiadaan peralatan moden yang mencukupi seperti alat *Total Station* yang berkejituan tinggi dan alat *Terrestrial Laser Scanner* menuntut pelajar berkongsi peralatan tersebut dalam jumlah kumpulan pelajar yang ramai bagi satu-satu kumpulan amali, sekali gus mengurangkan masa latihan bagi setiap individu.

(ii) Kekangan dari segi tempoh masa di lapangan

Masa yang diperuntukkan untuk latihan amali di lapangan adalah terhad, menyebabkan proses simulasi projek ukur sebenar tidak dapat dijalankan secara komprehensif dan berkesan.

(iii) Jurang kompetensi digital pensyarah

Perkembangan teknologi dalam bidang geomatik ini juga memberi impak terhadap kompetensi tenaga pengajar. Pensyarah perlu meningkatkan kemahiran secara berterusan, terutamanya dalam mengaplikasikan perisian pemprosesan data dan pemodelan 3D.

Di sini dapat dinyatakan bahawa akan berlaku jurang perbezaan dari segi teknik dan aplikasi yang digunakan antara pelajar di institusi dan di alam pekerjaan, yang menyebabkan graduan kadangkala tidak dapat menguasai kemahiran praktikal yang mencukupi dan terkini apabila mereka mula bekerja.

2.3 Teori dan Model Pembelajaran yang Relevan

Dalam mengukuhkan struktur asas kerangka ini, tiga (3) teori utama digabungkan iaitu:

(i) *Teori Pembelajaran Pengalaman oleh Kolb* [1] menerangkan bagaimana pembelajaran berlaku melalui pengalaman: melakukan sesuatu, memikirkan apa yang telah dilakukan, memahami idea baharu, dan mencuba semula. Cara pembelajaran ini berjalan dengan baik melalui kerja lapangan. Teori ini menekankan kepada empat peringkat kitaran pembelajaran iaitu, pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptualisasi abstrak dan eksperimentasi aktif. Dalam bidang ukur kejuruteraan ini, kerja amali lapangan membolehkan pelajar melalui empat kitaran ini dengan menukarkan data ukuran yang sebenar kepada pemahaman secara teori.

(ii) *Rangka kerja Technological Pedagogical Content Knowledge* (TPACK) oleh Mishra dan Koehler [2] pula membincangkan bagaimana tenaga pengajar boleh menggunakan teknologi seperti *Building Information Modeling* (BIM) dan alatan digital untuk membantu pelajar belajar dengan lebih baik. Teori ini menjelaskan bahawa gabungan antara pengetahuan teknologi, pengetahuan pedagogi serta pengetahuan kandungan pembelajaran amat penting dalam membantu menguasai penggunaan peralatan ukur untuk menyampaikan konsep pembelajaran dalam bidang geomatik melalui penyampaian pedagogi amali yang berkesan.

(iii) *Teori Konstruktivisme Sosial yang diilhamkan oleh Vygotsky* [3] pula mengatakan bahawa pelajar belajar dengan baik apabila mereka bekerjasama dan mendapat bantuan daripada tenaga pengajar semasa aktiviti di lapangan. Teori ini menekankan peranan secara interaksi sosial antara pelajar dan tenaga pengajar perlu berjalan seiring untuk membolehkan penerokaan secara kolaboratif terhadap pengetahuan dan kemudahan yang disediakan sereta inisiatif tenaga pelajar dalam menyampaikan pengajaran.

2.4 Integrasi Teknologi dalam Pendidikan Ukur

Transisi atau perkembangan teknologi setiap hari dalam industri pembinaan ke arah digitalisasi memerlukan integrasi teknologi moden seperti *Building Information Modelling* (BIM), *Geographic Information System* (GIS), peralatan ukur digital, dan kemajuan dalam fotogrametri berasaskan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV). Penguasaan teknologi ini membolehkan pelajar memahami aliran kerja geospatial semasa, dari pengumpulan data asas hingga pemodelan digital. Integrasi ini bergantung pada sejauh mana kurikulum, pelajar dan tenaga pengajar bersedia mengadaptasinya untuk menjayakannya.

3. Metodologi Pembentukan Kerangka Konseptual

Dalam proses pembentukan kerangka yang kukuh dan sistematik, bahagian ini menerangkan tentang kaedah analisis literatur dan proses pembentukan kerangka konseptual yang digunakan.

3.1 Kaedah Analisis Tematik dan Sintesis Dokumentasi Literatur

Melalui pendekatan ini, kerangka konseptual ini dibentuk. Proses ini merangkumi empat fasa utama iaitu:

(i) *Kenal pasti Literatur yang Berfokus*: Meliputi carian dokumen dasar (seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia), kurikulum ukur kejuruteraan TVET, serta jurnal

ilmiah (2015–2026) berkaitan pedagogi ukur kejuruteraan, integrasi teknologi (BIM/GIS/UAV), dan teori pembelajaran yang berkaitan

(ii) *Tapisan dan Penilaian Kualiti:* Literatur disaring dan dikelaskan mengikut kesesuaian dan relevan berdasarkan isu dan cabaran PdP ukur kejuruteraan di politeknik/institusi teknikal.

(iii) *Penentuan Kategori*: Pemboleh ubah utama diasingkan kepada pemboleh ubah tidak bersandar (Input), pemboleh ubah perantara (Proses), dan pemboleh ubah bersandar (Hasil/Output).

(iv) *Sintesis untuk Mengukuhkan Kerangka*: Hasil penemuan literatur dipetakan untuk membuktikan bagaimana elemen input bertindak secara sinergi dalam mempengaruhi proses dan seterusnya keberkesanan hasil pembelajaran.

3.2 Kaedah Pembentukan Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual ini dibentuk berdasarkan konsep Model Input-Proses-Output (IPO). Kerangka ini menstrukturkan fenomena PdP Ukur Kejuruteraan kepada tiga tahap saling berkait iaitu:

(i) Fasa Input: Mengenal pasti empat (4) elemen teras yang dikenal pasti melalui literatur sebagai penentu utama keberkesanan PdP.

(ii) Fasa Proses: Pelaksanaan PdP Ukur Kejuruteraan yang menggabungkan teori dan amali di bilik kuliah serta kerja di lapangan.

(iii) Fasa Output: Keberkesanan pembelajaran diukur melalui tiga domain utama (Penglibatan, Kemahiran, dan Kesediaan Industri).

4. Kerangka Konseptual

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, penulisan ini mengemukakan Kerangka Konseptual Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Ukur Kejuruteraan yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.

INPUT		PROSES		OUTPUT
• Reka Bentuk Kurikulum • Kompetensi Pensyarah • Integrasi dalam Kerja Lapangan • Penggunaan Teknologi dalam Pembelajaran	➡	Pengajaran dan Pembelajaran Ukur Kejuruteraan (Integrasi Teori dan Amali)	➡	• Penglibatan Pelajar • Penguasaan Kemahiran Praktikal • Kesediaan Memasuki Industri

Rajah 1. Kerangka konseptual pengajaran dan pembelajaran Ukur Kejuruteraan di Politeknik Malaysia

4.1 Perincian dan Peranan Komponen Kerangka

(i) *Reka Bentuk Kurikulum (Input*): keselarasan silibus ukur kejuruteraan dengan standard keperluan industri pembinaan semasa serta penstrukturan kandungan teori dan amali secara seimbang. Analisis literatur menunjukkan bahawa kurikulum yang berorientasikan projek atau *project-based learning* dapat mengimbangi nisbah teori dan amali secara optimum.

(ii) *Kompetensi Pensyarah (Input):* tahap pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman pensyarah dalam mengendalikan peralatan ukur serta menyampaikan pengajaran secara

berkesan. Berdasarkan Model TPACK menyatakan bahawa pensyarah bukan sahaja perlu menguasai ilmu ukur itu sendiri tetapi mesti berupaya dalam mengintegrasikan alatan ukur yamg moden dan kaedah pedagogi secara interaktif.

(iii) *Integrasi Kerja Lapangan (Input):* Berdasarkan Teori *Experiential Learning* Kolb dan Konstruktivisme Vygotsky, kerja lapangan ini menyatakan bahawa ia memberikan pengalaman yang konkrit dan mampu mengukuhkan pemahaman secara teori.

(iv) *Penggunaan Teknologi dalam Pembelajaran (Input*): penerapan dan penggunaan alat digital seperti BIM, GIS, UAV, *Total Station*, dan GPS dapat membiasakan pelajar dengan aliran proses kerja digital dalam industri pembinaan masa kini.

Keempat-empat komponen ini saling berkait dan mempengaruhi proses PdP secara keseluruhan, yang seterusnya membawa kepada tiga hasil utama, iaitu peningkatan penglibatan pelajar (*student engagement),* penguasaan kemahiran praktikal (*practical skill acquisition*), dan kesediaan pelajar untuk memasuki industri (*industry readiness*).

5. Perbincangan

Kerangka konseptual yang dicadangkan menunjukkan bahawa keberkesanan PdP ukur kejuruteraan tidak bergantung pada satu faktor tunggal, sebaliknya memerlukan interaksi harmonis antara kurikulum yang relevan, kompetensi tenaga pengajar, peluang kerja lapangan yang mencukupi, serta penggunaan teknologi yang sesuai. Sekiranya salah satu komponen ini lemah, ia berpotensi menjejaskan keseluruhan proses PdP dan seterusnya menyebabkan hasil pembelajaran pelajar tidak dicapai dengan berkesan.

Pengukuhan terancang ke atas keempat-empat komponen input tersebut menerusi penganalisisan literatur didapati memberi sumbangan langsung seperti berikut:

(i) Penglibatan Pelajar (*Student Engagement*): Penggunaan teknologi interaktif dan amali lapangan secara kolaboratif meningkatkan motivasi serta penglibatan aktif pelajar [3].
(ii) Penguasaan Kemahiran Praktikal (*Practical Skill Acquisition*): Latihan amali berulang berteraskan kitaran pembelajaran pengalaman Kolb [1] memastikan pelajar menguasai kemahiran psikomotor pengendalian alat ukur.
(iii) Kesediaan Memasuki Industri (*Industry Readiness*): Kurikulum yang dikemas kini selaras dengan piawaian industri dan pemodenan teknologi memastikan graduan mengurangkan jurang kebolehpasaran.

Implikasi kerangka ini kepada pihak pentadbir politeknik ialah keperluan untuk menyediakan latihan berterusan kepada pensyarah, terutamanya berkaitan teknologi ukur terkini seperti BIM dan peralatan digital. Selain itu, semakan kurikulum secara berkala perlu dilakukan bagi memastikan keselarasan dengan keperluan industri semasa. Peruntukan sumber yang mencukupi terutamanya bagi bajet penyelenggaraan dan pembelian alatan digital amatlah diperlukan. Ini penting dalam memastikan pelajar mendapat pendedahan praktikal yang mencukupi sebelum menamatkan pengajian.

Kerangka ini juga membuka ruang untuk kajian empirikal lanjutan, khususnya kajian kuantitatif atau kualitatif yang dapat mengesahkan hubungan antara komponen-komponen yang dicadangkan dengan hasil pembelajaran pelajar secara statistik atau melalui persepsi pensyarah dan pelajar politeknik di seluruh Malaysia.

6. Kesimpulan dan Cadangan

Kertas konsep ini telah mencadangkan dan memaparkan penambahbaikan kerangka konseptual bagi PdP ukur kejuruteraan di Politeknik Malaysia dengan menggabungkan empat faktor utama, iaitu reka bentuk kurikulum, kompetensi pensyarah, integrasi kerja lapangan, dan penggunaan teknologi dalam pembelajaran. Diharapkan, kerangka yang disediakan melalui analisis literatur yang sistematik dapat menjadi panduan kepada pensyarah dan pembangun kurikulum dalam usaha menambah baik keberkesanan PdP serta merapatkan jurang antara teori dan amali dalam bidang ukur kejuruteraan.

Adalah dicadangkan untuk memasukkan pemboleh ubah tambahan ke dalam kerangka ini. Sebagai contoh, memasukkan faktor luaran seperti sokongan rakan industri (*industry linkage*), motivasi kendiri para pelajar, sokongan pengurusan tertinggi serta sokongan infrastruktur di dalam institusi itu sendiri bagi memperkukuhkan lagi kerangka yang dicadangkan.

Rujukan

[1] D. A. Kolb, *Experiential learning: Experience as the source of learning and development*. Prentice-Hall, 1984.

[2] P. Mishra and M. J. Koehler, Technological pedagogical content knowledge: A framework for teacher knowledge. *Teachers College Record*, vol. 108, no. 6, pp. 1017-1054, 2006.

[3] L. S. Vygotsky, *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press, 1978.

[4] Kementerian Pendidikan Malaysia. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025*. Putrajaya: KPM, 2015.

[5] Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). *Hala Tuju Pendidikan TVET di Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020.

KERANGKA KONSEPTUAL GAMIFIKASI DALAM SESI TEORI SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS): KE ARAH PENINGKATAN PENGLIBATAN PELAJAR KURSUS GIS DI POLITEKNIK MALAYSIA

Norhayati binti Ahmad*

Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah

*Corresponding author e-mail address: norhayati_ahmad@ptsb.edu.my

Abstrak

Sistem Maklumat Geografi (GIS) merupakan kursus teras dalam kurikulum Geomatik di Politeknik Malaysia, namun sesi teorinya masih kurang interaktif dan penilaiannya bergantung pada kuiz serta ujian bertulis yang konvensional, sekali gus mencabar penglibatan dan motivasi pelajar terhadap konsep GIS yang bersifat abstrak. Kertas konseptual ini bertujuan membangunkan kerangka konseptual untuk menerangkan bagaimana elemen gamifikasi dapat diintegrasikan ke dalam sesi teori GIS bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam kursus GIS di politeknik. Menerusi sintesis literatur bersistem berpandukan prosedur Jabareen, kajian ini mengintegrasikan Teori Determinasi Kendiri, model penglibatan pelajar berbilang dimensi, serta elemen reka bentuk gamifikasi. Kerangka yang dicadangkan merangkumi empat komponen utama, iaitu elemen reka bentuk gamifikasi, *mediator* psikologi (autonomi, kompetensi, perkaitan sosial), dimensi penglibatan pelajar (tingkah laku, kognitif, emosi, agentik), serta impak pembelajaran dan kesediaan kerjaya, dengan faktor penyederhana seperti kompleksiti perisian GIS dan kesediaan digital pensyarah. Kajian ini menyumbang kerangka rujukan teoretis bagi penyelidikan empirikal akan datang serta panduan praktikal kepada pensyarah GIS dalam merancang pembelajaran teori yang lebih interaktif dan berpusatkan pelajar.
Kata Kunci: gamifikasi; kerangka konseptual; penglibatan pelajar.

1. Pengenalan

1.1 Latar Belakang dan Motivasi Kajian

Sistem Maklumat Geografi (GIS) merupakan salah satu kursus teras dalam bidang geomatik yang membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran untuk memperoleh, mengurus, menganalisis serta memvisualisasikan data geospatial bagi menyokong pelbagai aplikasi seperti perancangan bandar, pengurusan tanah, pemetaan infrastruktur dan bidang-bidang lain yang berkaitan.

Di Politeknik Malaysia, kursus GIS lazimnya dilaksanakan melalui dua komponen utama, iaitu sesi teori (kuliah) dan sesi amali (makmal). Komponen teori memberi fokus kepada pemahaman konsep asas dan prinsip operasi GIS, merangkumi aspek pengurusan data geospatial, pemodelan data spatial, analisis ruang serta peranan GIS dalam menyokong proses membuat keputusan berasaskan lokasi. Sementara itu, komponen amali memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan konsep yang dipelajari melalui penggunaan perisian GIS seperti QGIS dan ArcGIS. Walaupun sesi amali secara semula jadinya lebih interaktif kerana melibatkan aktiviti hands-on, komponen teori GIS masih banyak bergantung kepada penerangan konsep oleh pensyarah. Walaupun elemen interaksi seperti sesi soal jawab dan pembentangan turut dilaksanakan, keperluan untuk pendekatan pembelajaran yang lebih interaktif dan berpusatkan

pelajar masih wujud bagi meningkatkan pemahaman pelajar terhadap konsep GIS yang kompleks dan abstrak.

Cabaran dalam pembelajaran teori GIS menjadi lebih ketara kerana sifat kandungannya yang bersifat konseptual dan teknikal. Sesetengah konsep GIS memerlukan keupayaan pelajar untuk memahami hubungan antara persembahan data, lokasi dan ruang yang sukar dibayangkan sekiranya tidak disokong oleh elemen visual atau pengalaman praktikal yang bersesuaian. Selain itu, penilaian bagi komponen teori GIS masih banyak bergantung kepada kaedah konvensional seperti kuiz dan peperiksaan bertulis yang bersifat sumatif. Walaupun kaedah ini penting dalam mengukur tahap penguasaan pelajar, pendekatan tersebut mempunyai keterbatasan dari segi penyediaan maklum balas segera atau ganjaran kepada usaha pembelajaran, serta sokongan terhadap pembelajaran berterusan. Keadaan ini boleh menyebabkan pelajar lebih menumpukan kepada penguasaan fakta berbanding membina pemahaman konseptual yang lebih mendalam.

Sehubungan itu, kertas ini memfokuskan kepada pelajar yang mengikuti kursus GIS, dalam Program Diploma Geomatik di Politeknik Malaysia. Tumpuan kajian diberikan kepada komponen teori (kuliah) kerana komponen ini masih memperlihatkan cabaran dari segi penglibatan pelajar, keabstrakan kandungan, serta pendekatan penilaian yang belum sepenuhnya menyokong penguasaan konsep secara mendalam. Walaupun kajian terdahulu, seperti DeMers [1], telah membincangkan pelaksanaan gamifikasi struktural dalam komponen amali GIS di peringkat universiti, penerapan gamifikasi yang memfokuskan kepada komponen teori GIS masih kurang diberi perhatian dalam literatur, khususnya dalam konteks Politeknik Malaysia.

Fenomena penglibatan pelajar yang rendah bukanlah isu unik kepada GIS semata-mata, tetapi turut menjadi cabaran meluas dalam pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat global [2]. Sebagai respons, gamifikasi iaitu penerapan elemen reka bentuk permainan seperti mata, lencana, papan pendahulu, dan misi berperingkat ke dalam konteks bukan permainan [3] telah muncul sebagai satu pendekatan pedagogi yang semakin mendapat perhatian dalam pendidikan tinggi kerana potensinya meningkatkan motivasi intrinsik, penglibatan, dan pencapaian akademik pelajar [4], [5]. Elemen seperti kuiz bergamifikasi berpemarkahan segera, naratif senario dunia sebenar untuk menjelaskan konsep abstrak, serta lencana pencapaian penguasaan konsep berpotensi mengubah penyampaian teori GIS yang sehala kepada pengalaman pembelajaran yang lebih aktif dan bermakna kepada pelajar.

Walau bagaimanapun, kebanyakan bukti empirikal berkaitan gamifikasi dalam pendidikan GIS masih tertumpu kepada institusi pengajian tinggi di negara Barat dan peringkat universiti. Kajian yang memfokuskan kepada konteks Politeknik Malaysia masih terhad, sedangkan institusi ini mempunyai profil pelajar, struktur kurikulum dan matlamat pendidikan yang berbeza, khususnya yang berorientasikan pembangunan kemahiran vokasional. Oleh itu, sebelum sesuatu intervensi gamifikasi bagi pembelajaran teori GIS dilaksanakan dan diuji secara empirikal dalam konteks Politeknik Malaysia, adalah penting untuk membangunkan satu kerangka konseptual yang menghubungkan elemen reka bentuk gamifikasi, mekanisme psikologi yang mendasarinya serta dimensi penglibatan pelajar secara sistematik dan koheren.

1.2 Sorotan Literatur

1.2.1 Konsep dan Teori Gamifikasi

Gamifikasi ditakrifkan secara meluas sebagai penggunaan elemen reka bentuk permainan dalam konteks bukan permainan [3], berbeza daripada pembelajaran berasaskan permainan (game-based learning) yang menggunakan permainan lengkap sebagai medium pembelajaran.

Werbach dan Hunter [6] mengklasifikasikan elemen gamifikasi kepada tiga lapisan, iaitu dinamik (matlamat keseluruhan seperti naratif dan perkembangan), mekanik (proses seperti cabaran, peluang, dan maklum balas), dan komponen (elemen konkrit seperti mata, lencana, papan pendahulu, dan misi). Kapp [7] turut menekankan bahawa gamifikasi berkesan bukan sekadar menambah unsur permainan secara kosmetik, tetapi perlu direka bentuk berdasarkan prinsip pembelajaran dan motivasi yang mantap.

Asas teoretis yang paling kerap digunakan untuk menerangkan keberkesanan gamifikasi ialah Teori Determinasi Kendiri (*Self-Determination Theory*). Teori ini menjelaskan bahawa motivasi individu dipengaruhi oleh sokongan terhadap tiga keperluan psikologi asas, iaitu autonomi, kompetensi dan perkaitan sosial [8]. Autonomi merujuk kepada keupayaan individu untuk mempunyai kawalan terhadap pilihan dan tindakan sendiri, kompetensi berkaitan dengan kepercayaan terhadap kebolehan diri dalam menguasai sesuatu tugasan, manakala perkaitan sosial merujuk kepada keperluan untuk berasa terhubung dan berinteraksi dengan individu lain.

Dalam konteks gamifikasi, elemen reka bentuk permainan boleh menyokong pemenuhan keperluan psikologi tersebut. Sebagai contoh, penyediaan pilihan laluan pembelajaran dapat menyokong aspek autonomi, manakala maklum balas segera dan sistem lencana pencapaian dapat meningkatkan persepsi kompetensi pelajar. Selain itu, ciri kolaboratif dan kompetitif seperti papan pendahulu berpasukan berpotensi mengukuhkan aspek perkaitan sosial melalui interaksi dan penglibatan bersama.

Selaras dengan perspektif ini, kajian meta-analisis oleh Sailer dan Homner [5] menunjukkan bahawa gamifikasi berpotensi meningkatkan motivasi dan menyokong pengekalan pembelajaran jangka panjang apabila elemen gamifikasi direka bentuk berdasarkan prinsip psikologi yang bersesuaian. Dapatan tersebut turut disokong oleh kajian meta-analisis terkini, iaitu Li et al. [9] yang menganalisis 41 kajian melibatkan lebih 5,000 peserta dan melaporkan kesan positif gamifikasi terhadap hasil pembelajaran. Selain itu, Zeng et al. [10] turut mengesahkan bahawa gamifikasi memberikan kesan positif terhadap prestasi akademik pelajar merentasi pelbagai peringkat pendidikan dan disiplin berdasarkan analisis terhadap 22 kajian eksperimental yang diterbitkan antara tahun 2008 hingga 2023.

1.2.2 Penglibatan Pelajar: Model Berbilang Dimensi

Penglibatan pelajar dikonsepsualisasikan oleh Fredricks et al. [11] sebagai konstruk multidimensi yang merangkumi tiga aspek utama, iaitu tingkah laku, kognitif dan emosi. Penglibatan tingkah laku merujuk kepada penyertaan aktif pelajar dalam aktiviti pembelajaran, penglibatan kognitif melibatkan pelaburan mental serta penggunaan strategi pembelajaran yang mendalam, manakala penglibatan emosi berkaitan dengan perasaan minat, keseronokan dan rasa kepunyaan terhadap proses pembelajaran.

Kerangka konseptual ini kemudiannya diperluas oleh Kahu [12] melalui model bersepadu yang mengambil kira pengaruh konteks institusi dan faktor sosio-politik terhadap perkembangan penglibatan pelajar, di samping menghubungkannya dengan hasil pembelajaran seperti pencapaian akademik dan kesejahteraan pelajar. Selaras dengan perkembangan literatur kontemporari, dimensi agentik, iaitu sumbangan proaktif pelajar dalam membentuk dan membina pengalaman pembelajaran mereka sendiri, turut dicadangkan sebagai dimensi keempat dalam memahami penglibatan pelajar [13], [14].

Dalam konteks kertas konseptual ini, keempat-empat dimensi tersebut digunakan sebagai asas teoretikal untuk memahami secara holistik bagaimana penerapan gamifikasi berpotensi mempengaruhi penglibatan pelajar dalam pembelajaran Sistem Maklumat Geografi (GIS).

1.2.3 Gamifikasi dalam Pendidikan GIS dan TVET

Dalam konteks pendidikan GIS, DeMers [1] menghuraikan perubahan reka bentuk kursus makmal GIS peringkat universiti daripada pendekatan pembelajaran konvensional yang berstruktur secara linear kepada persekitaran pembelajaran berasaskan misi (*quest-based learning*). Pendekatan ini menghubungkan ganjaran lencana secara jelas dengan model kompetensi industri geospatial, sekali gus memberikan pelajar pilihan laluan pembelajaran serta peluang untuk belajar melalui proses percubaan dan kesilapan tanpa dikenakan hukuman berat. Walau bagaimanapun, kajian tersebut lebih memfokuskan kepada komponen amali (makmal) kursus GIS, manakala penerapan gamifikasi dalam komponen teori atau kuliah GIS, khususnya untuk menyokong penyampaian konsep abstrak dan pelaksanaan penilaian formatif, masih kurang mendapat perhatian dalam literatur sedia ada. Pendekatan reka bentuk gamifikasi yang berstruktur ini turut selari dengan dapatan literatur gamifikasi dalam pendidikan tinggi secara umum, di mana Hanus dan Fox [4] mendapati bahawa elemen kompetitif seperti papan pendahulu (*leaderboard*) perlu dilaksanakan secara berhati-hati kerana berpotensi menjejaskan motivasi sesetengah pelajar sekiranya tidak diseimbangkan dengan elemen kerjasama dan pengiktirafan terhadap usaha individu. Bagi komponen teori khususnya, penggunaan kuiz bergamifikasi dengan maklum balas segera serta naratif berasaskan senario turut didapati berkesan dalam membantu menjelaskan konsep abstrak dan meningkatkan pengekalan pembelajaran dalam kajian berkaitan gamifikasi dalam pendidikan tinggi [15].

Dalam konteks Malaysia, Ong et al. [16] mendapati bahawa penerapan gamifikasi dalam sistem pendidikan tertiar tempatan mempunyai potensi yang signifikan untuk meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar. Selain itu, agenda pendigitalan TVET turut menekankan kepentingan pelaksanaan pedagogi interaktif berasaskan teknologi bagi memastikan kualiti latihan kemahiran kekal selaras dengan keperluan industri [2]. Kajian empirikal terkini oleh Hmoud et al. [17] yang dijalankan di universiti di Jordan dan Palestin turut mendapati bahawa faktor seperti infrastruktur ICT, sokongan pihak pengurusan, dan ketersediaan sumber kewangan merupakan antara penentu utama kejayaan pelaksanaan gamifikasi dalam pendidikan tinggi di negara membangun. Dapatan ini turut relevan dalam konteks politeknik Malaysia yang berhadapan dengan kepelbagaian tahap kesiapsiagaan infrastruktur digital antara institusi.

1.2.4 Jurang Kajian Khusus dalam Persekitaran Pembelajaran Spatial

Sorotan literatur bersistem oleh Das et al. [18] menunjukkan bahawa penerapan gamifikasi dalam persekitaran pembelajaran digital berciri spatial (*spatial digital learning environments*) masih terhad. Daripada 849 artikel yang disaring, hanya 11 kajian dikenal pasti mengaplikasikan gamifikasi dalam konteks pembelajaran spatial, manakala daripada 49 mekanisme gamifikasi yang dianalisis, hanya dua yang memanfaatkan dimensi keruangan (*spatiality*) secara khusus. Dapatan ini menunjukkan bahawa penerapan gamifikasi yang mengambil kira ciri-ciri spatial, termasuk dalam domain GIS, masih kurang diterokai dalam kajian-kajian terdahulu di peringkat antarabangsa. Keadaan ini menjadi lebih ketara dalam konteks pendidikan TVET di Malaysia yang masih kekurangan kajian yang mengintegrasikan elemen gamifikasi, pembelajaran GIS dan penglibatan pelajar dalam satu kerangka konseptual yang menyeluruh. Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk membangunkan sebuah kerangka konseptual yang berasaskan teori bagi menjelaskan hubungan antara elemen gamifikasi dengan penglibatan pelajar dalam pembelajaran GIS, sekali gus menjadi asas kepada penyelidikan empirikal pada masa hadapan.

1.2.5 Jurang Kajian Keseluruhan

Berdasarkan sorotan literatur, tiga jurang utama dapat dikenal pasti. Pertama, jurang kontekstual, iaitu kebanyakan kajian berkaitan gamifikasi dalam pendidikan GIS tertumpu kepada institusi pendidikan tinggi bukan TVET di negara maju, manakala konteks politeknik Malaysia yang mempunyai ciri pelajar, kurikulum dan persekitaran pembelajaran vokasional yang tersendiri masih kurang diterokai. Kedua, jurang teoretis, di mana kebanyakan kajian gamifikasi dalam pendidikan lebih memfokuskan kepada kesan langsung terhadap motivasi atau prestasi pembelajaran tanpa menghuraikan dengan jelas mekanisme psikologi yang menghubungkan elemen gamifikasi dengan dimensi penglibatan pelajar, termasuk aspek autonomi, kompetensi dan perkaitan sosial. Ketiga, jurang metodologi, iaitu ketiadaan kerangka konseptual yang bersepadu menyukarkan pembangunan instrumen penyelidikan empirikal yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik bagi konteks pembelajaran GIS di politeknik.

Sehubungan itu, kertas konseptual ini bertujuan menangani ketiga-tiga jurang tersebut melalui pembangunan kerangka konseptual yang bersepadu dan berasaskan teori. Kerangka ini diharapkan dapat menjadi asas kepada penyelidikan empirikal pada masa hadapan serta menyumbang kepada pemahaman yang lebih komprehensif tentang hubungan antara elemen gamifikasi dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran GIS di politeknik Malaysia.

1.3 Permasalahan Kajian

Berdasarkan sorotan literatur dan keperluan konteks pendidikan GIS di politeknik, tiga permasalahan utama dikenal pasti sebagai asas kajian ini. Pertama, sesi teori atau kuliah GIS di politeknik masih banyak bergantung pada pendekatan penyampaian kandungan secara berstruktur, di mana aktiviti interaktif seperti sesi soal jawab dan pembentangan pelajar dilaksanakan sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran, namun belum sepenuhnya menyokong pembelajaran aktif yang berterusan. Keadaan ini menjadi lebih mencabar kerana kandungan teori GIS merangkumi pelbagai konsep asas dan prinsip operasi GIS yang melibatkan pengurusan data, pemodelan spatial, analisis ruang serta aplikasi GIS dalam menyokong proses membuat keputusan berasaskan lokasi. Konsep-konsep tersebut melibatkan pemahaman abstrak dan penaakulan spatial yang kompleks, yang memerlukan sokongan visual, simulasi atau aplikasi praktikal untuk membantu pelajar membina pemahaman yang lebih mendalam. Kekangan dalam penyampaian konsep teori yang kompleks ini berpotensi mempengaruhi tahap penglibatan pelajar dari segi tingkah laku, kognitif dan emosi.

Kedua, kaedah penilaian bagi pembelajaran teori GIS yang lazimnya bergantung kepada kuiz dan peperiksaan bertulis masih kurang menyediakan maklum balas segera serta pengiktirafan terhadap usaha pembelajaran secara berterusan. Keadaan ini berpotensi mengehadkan motivasi pelajar untuk meneroka dan menguasai konsep GIS dengan lebih mendalam. Walaupun gamifikasi telah dilaporkan berkesan dalam meningkatkan penglibatan pelajar dalam pelbagai bidang STEM dan persekitaran pembelajaran digital [5], [10], kajian yang mengintegrasikan elemen gamifikasi secara khusus dalam penyampaian dan penilaian teori GIS bagi pelajar di institusi TVET Malaysia masih terhad. Kekurangan kajian dalam konteks ini menyebabkan keperluan untuk rujukan teoretis dan kerangka panduan yang sesuai bagi membantu pensyarah GIS mereka bentuk intervensi gamifikasi yang selari dengan ciri-ciri pembelajaran GIS.

Ketiga, ketiadaan kerangka konseptual yang bersepadu untuk menjelaskan hubungan antara elemen reka bentuk gamifikasi, mekanisme psikologi, dan dimensi penglibatan pelajar menyebabkan pembangunan pendekatan gamifikasi dalam pembelajaran GIS berpotensi dilaksanakan secara tidak sistematik. Tanpa asas teori yang kukuh, pelaksanaan gamifikasi

berisiko tertumpu kepada penggunaan elemen permukaan seperti mata, lencana dan papan pendahulu semata-mata, tanpa mengambil kira faktor yang menyokong penglibatan pelajar secara bermakna. Oleh itu, terdapat keperluan untuk membangunkan kerangka konseptual berasaskan teori bagi menjelaskan bagaimana elemen gamifikasi dapat menyokong penglibatan pelajar dalam pembelajaran GIS secara menyeluruh, khususnya dalam konteks pendidikan politeknik di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

(i) Mengenal pasti elemen gamifikasi yang sesuai dalam pembelajaran GIS di politeknik Malaysia.
(ii) Mengenal pasti mekanisme psikologi dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran GIS berasaskan gamifikasi.
(iii) Membangun kerangka konseptual gamifikasi untuk pembelajaran GIS.

1.5 Persoalan Kajian

(i) Apakah elemen gamifikasi yang sesuai untuk pembelajaran GIS di politeknik Malaysia?
(ii) Bagaimanakah gamifikasi mempengaruhi mekanisme psikologi dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran GIS?
(iii) Bagaimana kerangka konseptual gamifikasi dapat menjelaskan hubungan antara elemen gamifikasi, mekanisme psikologis, dan keterlibatan pelajar?

1.6 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan pada pembangunan kerangka konseptual, bukan pada pengujian empirikal, dalam konteks pembelajaran GIS di politeknik Malaysia. Skop kajian melibatkan pelajar yang mengikuti kursus GIS merentasi pelbagai program berkaitan yang menawarkan GIS sebagai kursus teras atau elektif. Unit analisis kajian adalah pengalaman pembelajaran pelajar dalam kursus GIS secara khusus, bukan pengalaman pembelajaran pelajar politeknik secara umum.

Perbincangan kajian tertumpu kepada komponen teori atau kuliah GIS, meliputi penyampaian konsep, kandungan pembelajaran dan penilaian formatif, manakala komponen amali atau makmal tidak menjadi fokus utama kerana lazimnya telah melibatkan aktiviti pembelajaran yang lebih interaktif. Kajian ini turut merangkumi elemen gamifikasi yang berkaitan dengan pembelajaran teori GIS, aspek motivasi dan penglibatan pelajar dalam pendidikan tinggi/TVET, serta hubungannya dengan konteks pendidikan teknikal dan vokasional di Malaysia. Pengujian empirikal terhadap kerangka konseptual yang dicadangkan sebagai kajian lanjutan pada masa hadapan.

2. Metodologi

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini ialah kertas konseptual (*conceptual paper*) yang menggunakan pendekatan sintesis dan analisis literatur bersistem, bukan reka bentuk kuantitatif, kualitatif, atau kaedah campuran yang melibatkan pengumpulan data primer daripada responden. Pendekatan ini dipilih kerana matlamat kajian adalah untuk membina hujah teoretis yang koheren dan kerangka rujukan

baharu, selaras dengan hasrat objektif kajian yang menumpukan pembangunan model konseptual berbanding pengujian hipotesis secara empirikal.

2.2 Prosedur Pembinaan Kerangka Konseptual

Kajian ini mengguna pakai prosedur pembinaan kerangka konseptual yang dicadangkan oleh Jabareen [19], yang merangkumi lapan langkah, iaitu: (i) pemetaan pelbagai sumber data yang terdiri daripada kajian teori dan empirikal berkaitan gamifikasi, penglibatan pelajar serta pendidikan GIS dan TVET; (ii) bacaan dan pengkategorian sumber literatur yang dipilih; (iii) pengenalpastian dan penamaan konsep-konsep utama; (iv) penemuan hubungan antara konsep-konsep yang dikenal pasti; (v) pengesahan awal kesesuaian konsep berdasarkan bukti daripada literatur; (vi) penyepaduan konsep-konsep tersebut ke dalam sebuah kerangka konseptual yang bersepadu; (vii) semakan semula kerangka konseptual; dan (viii) penambahbaikan kerangka secara berterusan.

Sumber literatur diperoleh melalui carian sistematik dalam pangkalan data akademik seperti Scopus, Web of Science, Google Scholar, dan repositori jurnal TVET tempatan, menggunakan gabungan kata kunci seperti *gamification*, *GIS education*, *student engagement*, TVET, *polytechnic*, dan *self-determination theory*. Pemilihan literatur memberi keutamaan kepada sumber primer dan artikel berwasit yang membincangkan teori gamifikasi, teori motivasi, model penglibatan pelajar serta pelaksanaan gamifikasi dalam pendidikan GIS dan TVET. Bagi karya teori asas, tiada had tahun penerbitan ditetapkan, manakala bagi kajian empirikal, keutamaan diberikan kepada penerbitan terkini bagi memastikan kerangka konseptual yang dibangunkan mencerminkan perkembangan penyelidikan semasa.

2.3 Konteks dan Populasi Sasaran Kajian

Walaupun kajian ini berbentuk konseptual, kerangka yang dibangunkan dirangka untuk konteks pelajar yang mengikuti kursus atau modul GIS di politeknik di Malaysia. Bagi tujuan pengesahan empirikal pada masa hadapan, populasi sasaran dicadangkan terdiri daripada pelajar yang sedang mengikuti kursus GIS di politeknik terpilih, dengan rangka persampelan merujuk kepada senarai pelajar aktif yang berdaftar pada semester semasa. Pendekatan ini bertujuan memastikan responden mempunyai pengalaman pembelajaran yang relevan dengan konteks kajian serta mengurangkan risiko pemilihan responden yang tidak memenuhi skop kajian. Pengesahan empirikal terhadap kerangka konseptual ini dicadangkan sebagai agenda penyelidikan pada masa hadapan.


2.4 Kaedah Analisis Konseptual

Analisis dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif-interpretatif melalui teknik analisis tematik terhadap literatur terpilih untuk mengenal pasti konsep, hubungan, dan pola yang konsisten antara elemen gamifikasi, mekanisme psikologi, dan dimensi penglibatan pelajar. Dapatan analisis kemudiannya disintesis dan dipersembahkan dalam bentuk kerangka konseptual (Rajah 1) serta jadual proposisi kajian (Jadual 1) bagi menyediakan asas kepada pembentukan hipotesis yang boleh diuji secara empirikal dalam penyelidikan akan datang.

3. Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan sintesis literatur dalam Bahagian 1.2, satu kerangka konseptual bersepadu dibangunkan bagi menggambarkan hubungan antara elemen reka bentuk gamifikasi, *mediator* psikologi, dimensi penglibatan pelajar, impak pembelajaran, dan faktor penyederhana dalam

konteks sesi teori/kuliah GIS bagi pelajar kursus GIS di Politeknik Malaysia, seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.



Nota. Garisan penuh (—) menunjukkan hubungan utama yang dicadangkan dalam kerangka konseptual (P1–P3).
Garisan putus-putus (- - -) menunjukkan bahawa faktor penyederhana berpotensi mempengaruhi keberkesanan hubungan antara konstruk (P4).
** Penggunaan papan pendahulu perlu dilakukan secara berhati-hati bagi mengelakkan persaingan tidak sihat (Hanus & Fox, 2015).*

Rajah 1. Kerangka konseptual gamifikasi dalam sesi teori/kuliah GIS di Politeknik Malaysia

3.1 Huraian Komponen Kerangka

Komponen pertama, elemen reka bentuk gamifikasi, merangkumi mata dan lencana berasaskan penguasaan konsep teori GIS, papan pendahulu bagi kuiz teori berkumpulan, misi/quest berperingkat yang menggantikan susunan bab kuliah yang linear dan sehala, naratif dan senario dunia sebenar untuk menjelaskan konsep abstrak, serta maklum balas segera melalui kuiz digital interaktif semasa atau selepas kuliah.

Komponen kedua, *mediator* psikologi, berperanan menghubungkan elemen gamifikasi dengan hasil penglibatan melalui pemenuhan keperluan autonomi, kompetensi, dan perkaitan sosial, selaras dengan Teori Determinasi Kendiri [8].

Komponen ketiga, dimensi penglibatan pelajar, mengaplikasikan model berbilang dimensi Fredricks et al. [11] dan Kahu [12] yang merangkumi penglibatan tingkah laku (kekerapan penyertaan aktif dalam sesi kuliah dan kuiz teori GIS), kognitif (usaha memahami dan menguasai konsep spatial yang abstrak seperti sistem koordinat dan model data), emosi (minat dan keseronokan terhadap pembelajaran teori GIS berbanding rasa bosan terhadap kuliah sehala), serta agentik (inisiatif pelajar mencadangkan atau meneroka penjelasan konsep GIS mengikut cara mereka sendiri). Komponen keempat, impak, menjangkakan kesan langsung terhadap penguasaan konsep teori GIS (pemikiran spatial dan kefahaman konseptual) serta kesediaan kerjaya dalam industri geospatial. Akhir sekali, kerangka ini turut mengambil kira faktor penyederhana yang berpotensi mengukuhkan atau melemahkan hubungan tersebut, iaitu kompleksiti perisian GIS yang digunakan, tahap literasi digital pelajar, kesediaan dan kompetensi pedagogi digital pensyarah, serta infrastruktur ICT di politeknik.

3.2 Proposisi Kajian

Berdasarkan kerangka konseptual di atas, beberapa proposisi kajian dicadangkan untuk memandu pengesahan empirikal pada masa akan datang, seperti yang dirumuskan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Proposisi kajian berdasarkan kerangka konseptual

Proposisi	Pernyataan Proposisi	Asas Teori/Literatur
P1	Elemen reka bentuk gamifikasi (mata, lencana, misi, naratif) yang diterapkan dalam sesi teori/kuliah GIS berhubung secara positif dengan pemenuhan keperluan autonomi, kompetensi, dan perkaitan sosial dalam kalangan pelajar kursus GIS.	Deterding et al. [3]; Ryan dan Deci [8]; Werbach dan Hunter [6]
P2	Pemenuhan keperluan psikologi asas (autonomi, kompetensi, perkaitan sosial) berkait secara positif dengan dimensi penglibatan tingkah laku, kognitif, emosi dan agentik pelajar semasa sesi teori GIS.	Ryan dan Deci [8]; Fredricks et al. [11]; Kahu [12]
P3	Penglibatan pelajar yang lebih tinggi menerusi gamifikasi sesi teori berkait secara positif dengan penguasaan konsep teori GIS dan kesediaan kerjaya dalam bidang geospatial.	Fredricks et al. [11]; Hanus dan Fox [4]; Sailer dan Homner [5]; Li et al. [9]; Zeng et al. [10]
P4	Hubungan antara gamifikasi sesi teori dan penglibatan pelajar disederhanakan oleh kompleksiti perisian GIS, literasi digital pelajar, dan kesediaan pedagogi digital pensyarah.	DeMers [1]; UNESCO-UNEVOC [2]; Hmoud et al. [17]; Das et al. [18]

3.3 Sumbangan Teori

Kerangka konseptual yang dibangunkan menyumbang kepada pengembangan literatur sedia ada dengan mengintegrasikan secara sistematik tiga aliran teori yang lazimnya dibincangkan secara berasingan, iaitu teori reka bentuk gamifikasi [3], [6], Teori Determinasi Kendiri [8], dan model penglibatan pelajar berbilang dimensi [11], [12], ke dalam sebuah model bersepadu yang khusus untuk konteks pendidikan GIS di institusi TVET. Kerangka ini menyediakan asas teoretis yang lebih kukuh untuk menjelaskan hubungan antara elemen gamifikasi, mekanisme psikologi, dan penglibatan pelajar, berbanding pendekatan gamifikasi yang hanya menumpukan pada elemen permukaan, seperti mata dan lencana, tanpa mengambil kira mekanisme psikologi yang mendasari.

3.4 Sumbangan Praktikal

Kerangka konseptual yang dicadangkan menyediakan panduan kepada pensyarah dalam mereka bentuk dan melaksanakan strategi gamifikasi untuk pembelajaran teori GIS di politeknik. Kerangka ini turut menyokong amalan pedagogi yang lebih interaktif dan menjadi rujukan untuk pelaksanaan gamifikasi dalam konteks pendidikan TVET.

3.5 Limitasi Kajian

Sebagai kertas konseptual, kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Pertama, kerangka yang dicadangkan belum disahkan secara empirikal menerusi data lapangan sebenar, sekali gus hubungan yang digambarkan bersifat hipotesis berasaskan sorotan literatur dan belum tentu mencerminkan realiti sepenuhnya di semua politeknik Malaysia yang mempunyai kepelbagaian konteks infrastruktur dan demografi pelajar. Kedua, sorotan literatur yang digunakan turut bergantung kepada kajian gamifikasi pendidikan tinggi dan TVET dari konteks antarabangsa

memandangkan kajian khusus gamifikasi GIS di politeknik Malaysia masih sangat terhad, yang mungkin membataskan kesesuaian budaya sepenuhnya

3.6 Cadangan Kajian Akan Datang

(i) Menguji kerangka konseptual yang dicadangkan secara empirikal dalam kalangan pelajar kursus GIS di politeknik terpilih bagi mengesahkan proposisi yang dikemukakan.
(ii) Menilai keberkesanan intervensi gamifikasi dalam pembelajaran teori GIS terhadap penguasaan konsep dan penglibatan pelajar melalui kajian eksperimen atau kuasi-eksperimen.
(iii) Meneroka pengalaman pelajar dan pensyarah dalam pelaksanaan gamifikasi dalam pembelajaran teori GIS menggunakan pendekatan kaedah campuran.

4. Kesimpulan

Kertas konseptual ini membangunkan sebuah kerangka konseptual bersepadu yang menghubungkan elemen reka bentuk gamifikasi, *mediator* psikologi berasaskan Teori Determinasi Kendiri, dimensi penglibatan pelajar yang pelbagai, serta impaknya terhadap penguasaan konsep dan kesediaan kerjaya dalam konteks sesi teori/kuliah GIS bagi pelajar yang mengambil kursus GIS di politeknik Malaysia. Kerangka ini menawarkan asas teoretis yang koheren untuk mengatasi jurang dalam kajian sedia ada serta menyediakan garis panduan praktikal kepada pensyarah GIS di politeknik dalam merancang penyampaian teori GIS yang lebih interaktif dan berpusatkan pelajar. Pengesahan empirikal kerangka ini melalui kajian lapangan yang akan datang dijangka dapat memperkukuh sumbangan kajian ini kepada bidang pendidikan geomatik dan GIS di politeknik Malaysia.

Rujukan

[1] M. N. DeMers, *Structural gamification of a university GIS course*. In O. Ahlqvist and C. Schlieder (Eds.), *Geogames and geoplay: Game-based approaches to the analysis of geo-information*, pp. 195–208, Springer, 2018 (DOI: 10.1007/978-3-319-22774-0_10).

[2] UNESCO-UNEVOC. *Digital transformation in TVET: Supporting TVET providers for a digital world*. UNESCO-UNEVOC International Centre for Technical and Vocational Education and Training, 2023.

[3] S. Deterding, D. Dixon, R. Khaled, and L. Nacke, “From game design elements to gamefulness: Defining ‘gamification’,” in Proceedings *of the 15th International Academic MindTrek Conference: Envisioning Future Media Environments,* pp. 9–15, Association for Computing Machinery, 2011 (DOI: 10.1145/2181037.2181040).

[4] M. D. Hanus and J. Fox, “Assessing the effects of gamification in the classroom: A longitudinal study on intrinsic motivation, social comparison, satisfaction, effort, and academic performance,” *Computers and Education*, vol. 80, pp.152–161, 2015 (DOI: 10.1016/j.compedu.2014.08.019).

[5] M. Sailer and L. Homner, “The gamification of learning: A meta-analysis,” *Educational Psychology Review*, vol. 32, no.1, pp. 77–112, 2020 (DOI: 10.1007/s10648-019-09498-w).

[6] K. Werbach and D. Hunter, *For the win: How game thinking can revolutionize your business*. Wharton Digital Press, 2012.

[7] K. M. Kapp, *The gamification of learning and instruction: Game-based methods and strategies for training and education*. Pfeiffer, 2012

[8] R. M. Ryan and E. L. Deci, “Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being,” *American Psychologist*, vol. 55, no. 1, pp. 68–78, 2000 (DOI: 10.1037/0003-066X.55.1.68).

[9] M. Li, S. Ma, and Y. Shi, “Examining the effectiveness of gamification as a tool promoting teaching and learning in educational settings: A meta-analysis,” *Frontiers in Psychology*, 14, Article 1253549, 2023 (DOI: 10.3389/fpsyg.2023.1253549).

[10] J. Zeng, D. Sun, C.-K. Looi, and A. C. W. Fan, “Exploring the impact of gamification on students' academic performance: A comprehensive meta-analysis of studies from the year 2008 to 2023” *British Journal of Educational Technology*, vol. 55, no.6, pp. 2478–2502, 2024 (DOI: 10.1111/bjet.13471).

[11] J. A. Fredricks, P. C. Blumenfeld, and A. H. Paris, “School engagement: Potential of the concept, state of the evidence,” *Review of Educational Research*, vol. 74, no. 1, pp. 59–109, 2004 (DOI: 10.3102/00346543074001059).

[12] E. R. Kahu, “Framing student engagement in higher education,” *Studies in Higher Education*, vol. 38, no.5, pp. 758–773, 2013 (DOI: 10.1080/03075079.2011.598505).

[13] J. Reeve and C.-M. Tseng, “Agency as a fourth aspect of students' engagement during learning activities,” *Contemporary Educational Psychology*, vol. 36, no.4, pp. 257–267, 2011 (DOI: 10.1016/j.cedpsych.2011.05.002).

[14] G. M. Sinatra, B. C. Heddy, and D. Lombardi, “The challenges of defining and measuring student engagement in science,” Educational Psychologist, vol. 50, no. 1, pp. 1–13, 2015 (DOI: 10.1080/00461520.2014.1002924).

[15] D. Paľová and M. Vejačka, “Implementation of gamification principles into higher education,” *European Journal of Educational Research*, vol. 11, no. 2, pp.763–779, 2022 (DOI: 10.12973/eu-jer.11.2.763).

[16] D. Ong, Y. Y. Chan, W. H. Cho, and T. Y. Koh, “Motivation of learning: An assessment of the practicality and effectiveness of gamification within a tertiary education system in Malaysia,” *World Academy of Researchers, Educators, and Scholars in Business, Social Sciences, Humanities and Education Conference Proceedings*, vol. 1, no.1, pp. 131–146, 2013.

[17] A. Y. R. Hmoud, O. H. Salah, and R. A. H. Altalib, “The adoption of gamification in higher education and its impact on academic performance: Empirical evidence from Jordan and Palestine,” *Cogent Education*, vol. 11, no. 1, Article 2428907, 2024 (DOI: 10.1080/2331186X.2024.2428907).

[18] S. Das, S. V. Nakshatram, H. Söbke, J. Baalsrud Hauge, and C. Springer, “Towards gamification for spatial digital learning environments,” *Entertainment Computing*, vol. 52, Article 100893, 2025 (DOI: 10.1016/j.entcom.2024.100893).

[19] Y. Jabareen, “Building a conceptual framework: Philosophy, definitions, and procedure,” *International Journal of Qualitative Methods*, vol. 8, no. 4, pp. 49–62, 2009 (DOI: 10.1177/160940690900800406).

KONSEP BATAS SENTUHAN DALAM KELUARGA MUSLIM: KE ARAH PEMBINAAN KERANGKA PENDIDIKAN SENTUHAN SELAMAT BERASASKAN MAQASID SYARIAH

Mazlina binti Omar*, Nurul Asma binti Effendi, Wan Nor Hasnah binti Wan Yunus

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah

*Corresponding author e-mail address: lina@ptsb.edu.my

Abstrak

Sentuhan fizikal dalam institusi keluarga merupakan medium penting bagi pembentukan kasih sayang dan keselamatan emosi kanak-kanak, namun ia turut membawa risiko penyalahgunaan sekiranya batasnya tidak difahami dengan tepat. Islam melalui konsep mahram dan bukan mahram telah menggariskan batas sentuhan yang halal dan haram, namun kefahaman masyarakat mengenainya sering kali bersifat terpisah-pisah dan tidak disusun dalam satu kerangka pendidikan yang sistematik. Kertas konsep ini bertujuan untuk menganalisis konsep batas sentuhan dalam keluarga Muslim serta membina kerangka pendidikan sentuhan selamat (*safe touch education*) yang berteraskan Maqasid Syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian naratif (*narrative review*) terhadap nas-nas syarak, pandangan fuqaha dan literatur akademik berkaitan keluarga Islam dan perlindungan kanak-kanak. Dapatan kajian naratif mengenal pasti lima tema utama yang membentuk asas batas sentuhan, iaitu konsep mahram dan bukan mahram, sentuhan sebagai fitrah kasih sayang, sentuhan sebagai risiko penderaan, kepelbagaian pandangan mazhab, serta jurang dalam pendidikan sentuhan selamat yang sedia ada. Berdasarkan tema tersebut, kertas ini membangunkan satu kerangka konseptual yang memetakan lima objektif utama Maqasid Syariah iaitu hifz al-din, hifz al-nafs, hifz al-nasl wa al-'ird, dan hifz al-'aql, serta prinsip sadd al-dhara'i', kepada komponen-komponen praktikal pendidikan sentuhan selamat untuk kanak-kanak Muslim mengikut peringkat umur. Kerangka yang dibina ini diharapkan dapat menjadi rujukan asas kepada ibu bapa, pendidik dan pembuat dasar dalam membangunkan modul pendidikan sentuhan selamat yang selaras dengan syariah, sekali gus menyumbang kepada usaha pencegahan penderaan seksual kanak-kanak dalam institusi keluarga Islam.

Kata Kunci: batas sentuhan; keluarga Muslim; maqasid syariah; pendidikan sentuhan selamat; perlindungan kanak-kanak.

1. Pengenalan

Sentuhan fizikal merupakan salah satu keperluan fitrah manusia yang penting dalam membentuk ikatan kasih sayang, keselamatan emosi dan kesejahteraan psikologi, khususnya dalam kalangan kanak-kanak. Dalam institusi keluarga, sentuhan seperti pelukan, dukungan dan belaian kasih sayang ibu bapa terhadap anak merupakan sebahagian daripada tarbiah yang dianjurkan dalam Islam. Namun begitu, sentuhan turut merupakan salah satu medium utama yang disalahgunakan dalam kes-kes penderaan seksual kanak-kanak, termasuk sumbang mahram yang berlaku dalam kalangan ahli keluarga sendiri.

Islam sebagai agama yang syumul telah menggariskan batas sentuhan yang jelas melalui konsep mahram dan bukan mahram, yang disokong oleh dalil-dalil al-Quran dan hadis yang mengatur pergaulan antara lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun, kefahaman masyarakat mengenai batas sentuhan ini sering bersifat umum dan tidak disusun dalam bentuk kerangka

pendidikan yang sistematik untuk diajarkan kepada kanak-kanak mengikut peringkat umur dan tahap keupayaan kognitif mereka. Kekurangan ini menyebabkan ibu bapa sering keliru dalam menentukan sejauh mana sentuhan dibenarkan dalam kalangan ahli keluarga dan, pada masa yang sama, tidak mempunyai panduan yang jelas untuk mendidik anak-anak mengenal pasti sentuhan yang selamat dan tidak selamat.

Pendekatan pendidikan sentuhan selamat (*safe touch education*) yang berkembang dalam bidang psikologi kanak-kanak Barat lazimnya tidak mengambil kira kerangka nilai dan hukum syarak yang menjadi asas kehidupan keluarga Muslim. Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk membina satu kerangka pendidikan sentuhan selamat yang bukan sahaja berteraskan pendekatan psikologi kanak-kanak, tetapi turut berakar umbi kepada objektif-objektif Maqasid Syariah, iaitu falsafah perundangan Islam yang menekankan pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sebagai matlamat utama sesuatu hukum syarak.

Kertas konsep ini bertujuan untuk: (i) menganalisis konsep batas sentuhan dalam keluarga Muslim berdasarkan nas syarak dan pandangan fuqaha melalui kajian naratif; (ii) mengenal pasti tema-tema utama yang membentuk asas batas sentuhan tersebut; dan (iii) membina satu kerangka konseptual pendidikan sentuhan selamat berasaskan Maqasid Syariah yang boleh dijadikan panduan oleh ibu bapa, pendidik dan pembuat dasar. Kertas ini diharapkan dapat mengisi jurang antara kefahaman fiqh tradisional mengenai sentuhan dengan keperluan praktikal pendidikan perlindungan kanak-kanak pada masa kini.

2. Kajian Literatur

Bahagian ini menyorot literatur berkaitan konsep batas sentuhan dalam Islam, kerangka Maqasid Syariah dan pendekatan pendidikan sentuhan selamat sedia ada, sama ada daripada perspektif Islam mahupun perspektif sains sosial Barat, bagi membina asas kepada pembinaan kerangka konseptual dalam kertas ini.

2.1 Konsep Mahram, Bukan Mahram dan Batas Sentuhan

Konsep mahram merujuk kepada individu yang haram dinikahi secara kekal disebabkan pertalian nasab, musaharah atau radaah. Status mahram membenarkan pergaulan dan sentuhan tanpa perlu menutup aurat secara ketat, sebagaimana yang dituntut bagi bukan mahram. Kajian dalam kalangan sarjana Mazhab Syafi'i menegaskan bahawa walaupun hubungan mahram membenarkan interaksi yang lebih dekat, ia tetap tertakluk kepada garis panduan etika bagi menjaga hifz al-'ird, terutamanya apabila melibatkan bahagian tubuh badan yang termasuk dalam kategori aurat sesama mahram. Sebaliknya, sentuhan dengan bukan mahram secara umumnya diharamkan berdasarkan hadis yang menyatakan bahawa lebih baik kepala seseorang lelaki ditusuk dengan jarum besi daripada menyentuh perempuan yang tidak halal baginya, serta larangan berkhalwat sebagaimana disebutkan dalam hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim. Konsep asas ini menjadi titik tolak kepada seluruh perbincangan batas sentuhan dalam kertas ini, kerana ia menentukan sempadan hukum antara sentuhan yang dituntut, yang diharuskan dan yang diharamkan sama sekali.

2.2 Maqasid Syariah sebagai Kerangka Teori

Maqasid Syariah merujuk kepada matlamat dan hikmah di sebalik pensyariatan hukum Islam, yang secara klasik dirumuskan oleh al-Syatibi sebagai lima keperluan asasi (al-dharuriyyat al-khamsah): pemeliharaan agama (hifz al-din), nyawa (hifz al-nafs), akal (hifz al-'aql), keturunan (hifz al-nasl) dan harta (hifz al-mal). Ibn 'Asyur turut memperluaskan perbincangan Maqasid

Syariah dengan mentakrifkannya sebagai makna dan hikmah yang tertumpu kepada syarak secara menyeluruh dan menegaskan bahawa sesuatu hukum tidak sah melainkan ia membawa kepada pemenuhan maslahah atau mengelakkan mafsadah. Sarjana kontemporari turut memperluaskan hifz al-nasl untuk merangkumi hifz al-'ird, iaitu pemeliharaan maruah dan kehormatan diri, yang amat relevan dalam konteks perbincangan sentuhan dan pencegahan penderaan seksual. Kajian oleh Zaim [1] mengenal pasti tiga prinsip pencegahan dalam Islam untuk menangani penderaan seksual kanak-kanak di rumah, iaitu prinsip sadd al-dhara'i' (menutup jalan kepada kemudaratan), al-darar yuzal (kemudaratan wajib dihapuskan), serta prinsip dalam Maqasid Syariah yang merangkumi hifz al-din dan hifz al-nasb wa al-'ard. Kajian tersebut turut mendapati bahawa tuntutan hak kanak-kanak dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1989, khususnya hak mendapat perlindungan dan pemeliharaan sebaiknya, tidak mempunyai perbezaan yang jauh dengan tuntutan Maqasid Syariah, sekali gus mengukuhkan hujah bahawa kerangka Maqasid Syariah selari dengan piawaian antarabangsa hak kanak-kanak. Dapatan-dapatan ini menyokong hujah bahawa Maqasid Syariah bukan sahaja relevan sebagai kerangka teori perundangan Islam, tetapi juga sesuai dijadikan asas kepada pembangunan modul pendidikan perlindungan kanak-kanak yang praktikal.

2.3 Sentuhan sebagai Fitrah Kasih Sayang dalam Keluarga

Dari sudut psikologi kanak-kanak, sentuhan kasih sayang ibu bapa terhadap anak memainkan peranan penting dalam membentuk keterikatan emosi (*bonding*) yang sihat serta perkembangan sosioemosi yang seimbang. Kajian pendidikan anak dalam Islam turut menegaskan bahawa sentuhan kasih sayang seperti mendukung dan mencium anak-anak kecil merupakan sebahagian daripada sunnah Rasulullah SAW dalam mendidik anak-anak, sekali gus menunjukkan bahawa sentuhan dalam kalangan mahram bukan sahaja dibenarkan malah dituntut sebagai sebahagian daripada pembentukan kasih sayang dan keharmonian keluarga. Ulwan [2] dalam Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam turut menggariskan bahawa kaedah tarbiah perlu dilaksanakan secara berperingkat mengikut usia dan kematangan kanak-kanak, termasuk dalam aspek pendidikan yang melibatkan adab pergaulan dan sentuhan. Namun begitu, tuntutan kasih sayang ini perlu diimbangi dengan adab dan etika tertentu supaya tidak disalahtafsirkan sebagai kebebasan mutlak tanpa batas, khususnya apabila anak mula meningkat usia baligh.

2.4 Sentuhan sebagai Faktor Risiko Penderaan Seksual Kanak-Kanak

Kajian oleh Zaim et al. [3] yang meneliti elemen kesejahteraan keluarga Islam dalam menangani penderaan seksual kanak-kanak mendapati bahawa kepincangan institusi keluarga, termasuk kes penderaan seksual dan sumbang mahram dalam kalangan ahli keluarga, merupakan isu yang membimbangkan dalam masyarakat masa kini. Kajian tersebut turut mengenal pasti bahawa amalan nilai moral oleh ahli keluarga, hubungan baik antara ibu bapa, serta teladan yang baik daripada ibu bapa merupakan elemen tertinggi bagi mencegah gejala penderaan seksual dalam keluarga. Kajian lanjutan oleh Zaim [1] turut mengesahkan bahawa kebanyakan kes penderaan seksual kanak-kanak berlaku di rumah dan dilakukan oleh individu yang dikenali oleh mangsa, termasuk ahli keluarga sendiri, menjadikan isu batas sentuhan dalam kalangan keluarga sebagai keutamaan pencegahan yang tidak boleh dipandang ringan. Dapatan-dapatan ini menunjukkan bahawa isu batas sentuhan bukan sekadar persoalan fiqh semata-mata, tetapi juga merupakan mekanisme perlindungan sosial yang signifikan dalam konteks kesejahteraan keluarga Islam.

2.5 Kepelbagaian Pandangan Mazhab mengenai Sentuhan dengan Bukan Mahram

Dalam isu sentuhan dan jabat tangan dengan bukan mahram, terdapat kepelbagaian pandangan dalam kalangan mazhab fiqh. Mazhab Syafi'i secara umumnya mengharamkan berjabat tangan dengan bukan mahram, tanpa mengecualikan golongan yang lebih tua. Kajian komparatif oleh Al Fursan et al. [4] yang membandingkan Mazhab Hanafi dan Mazhab Syafi'i mendapati bahawa Mazhab Hanafi mengecualikan wanita lanjut usia daripada larangan tersebut sekiranya tiada unsur syahwat, manakala Mazhab Syafi'i kekal mengharamkannya secara mutlak tanpa pengecualian. Sebahagian ulama kontemporari seperti Yusuf al-Qaradhawi pula, sebagaimana dianalisis oleh Ramdani dan Sutisna [5] dalam kajian perbandingan pemikiran Imam Nawawi dan al-Qaradhawi, berpandangan bahawa larangan tersebut bersifat pencegahan (sadd al-dzari'ah) dan bukan pengharaman mutlak dalam semua keadaan, manakala pandangan yang lebih keras tanpa pengecualian turut dipegang oleh sebahagian fuqaha lain. Kepelbagaian pandangan ini menunjukkan bahawa isu sentuhan dengan bukan mahram, walaupun disepakati haram pada asasnya, mempunyai ruang ijtihad dalam menentukan tahap dan pengecualiannya berdasarkan illah pencegahan fitnah dan ruang ijtihad ini turut memberi implikasi kepada fleksibiliti dalam merangka kandungan pendidikan yang sesuai dengan konteks sosial semasa tanpa menggadaikan prinsip asas syarak.

2.6 Model Pendidikan Sentuhan Selamat dalam Literatur Antarabangsa

Pendekatan pendidikan sentuhan selamat (*safe touch education*) telah berkembang pesat dalam literatur sains sosial Barat sebagai strategi pencegahan primer terhadap penderaan seksual kanak-kanak. Program seperti *Safe Touches*, yang dibangunkan oleh New York Society for the Prevention of Cruelty to Children, mengajar kanak-kanak mengenal pasti bahagian tubuh peribadi, membezakan sentuhan selamat dan tidak selamat, serta membezakan antara "rahsia" dan "kejutan" melalui sesi interaktif menggunakan boneka dan main peranan. Kajian rawak berkelompok oleh Pulido et al. [6] ke atas pelajar bandar mendapati program sedemikian berjaya meningkatkan pengetahuan kanak-kanak berkaitan penderaan seksual secara signifikan. Kajian susulan berskala besar oleh Guastaferro et al. [7] turut mengesahkan bahawa peningkatan pengetahuan tersebut kekal dikekalkan sehingga dua belas bulan selepas program dijalankan, dengan lebih 14,000 orang murid tahun dua terlibat dalam kajian kohort tersebut. Program lain seperti *Talk PANTS* yang diperkenalkan oleh National Society for the Prevention of Cruelty to Children (NSPCC) di United Kingdom turut menggunakan pendekatan mudah dan mesra kanak-kanak untuk mengajarkan konsep badan milik sendiri kepada kanak-kanak prasekolah dan sekolah rendah.

Walau bagaimanapun, program-program ini pada umumnya dibangunkan berasaskan kerangka sekular dan tidak mengambil kira nilai-nilai keagamaan, konsep mahram atau batas aurat yang menjadi asas kehidupan keluarga Muslim. Sebagai contoh, konsep "badan milik sendiri" (*my body belongs to me*) yang digunakan secara meluas dalam program Barat, walaupun pada dasarnya selari dengan konsep hifz al-nafs dalam Islam, tidak menghubungkannya secara eksplisit dengan konsep mahram, aurat atau tanggungjawab agama, sekali gus berpotensi menimbulkan kekeliruan sekiranya diguna pakai secara terus tanpa penyesuaian dalam konteks keluarga Muslim. Perbezaan pendekatan ini menegaskan keperluan untuk membangunkan kerangka pendidikan sentuhan selamat yang tersendiri, yang menggabungkan kekuatan bukti empirikal daripada kajian sains sosial dengan asas nilai dan hukum syarak yang sahih.

2.7 Jurang dalam Pendidikan Sentuhan Selamat Sedia Ada di Malaysia

Sorotan literatur turut mendapati bahawa modul pendidikan sentuhan selamat yang sedia ada di Malaysia, sama ada di sekolah atau dalam komuniti, lazimnya diadaptasi daripada model antarabangsa tanpa penyesuaian menyeluruh kepada kerangka nilai syarak yang menjadi asas kehidupan keluarga Muslim. Kajian oleh Nabilah Huda [8] yang membangunkan model pencegahan penderaan seksual kanak-kanak dalam keluarga Islam turut mengesahkan wujudnya keperluan mendesak untuk model pencegahan yang lebih menyeluruh dan berasaskan pendekatan bersepadu antara syarak, undang-undang dan sains sosial. Ketiadaan kerangka bersepadu yang menghubungkan konsep fiqh mahram dengan pendekatan pedagogi sentuhan selamat moden menjadi jurang utama yang cuba diisi oleh kertas konsep ini.

3. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian konsep (*conceptual paper*) yang menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian naratif (*narrative review*). Kajian naratif dipilih kerana ia sesuai untuk mensintesis pelbagai sumber rujukan yang berbeza sifat meliputi nas al-Quran dan hadis, pandangan fiqh klasik dan kontemporari, serta kajian akademik empirikal berkaitan keluarga Islam dan perlindungan kanak-kanak bagi membina satu kerangka konseptual baharu yang koheren.

Data primer kajian ini diperoleh daripada nas al-Quran dan hadis yang berkaitan dengan hukum sentuhan, aurat dan pergaulan antara mahram dan bukan mahram. Data sekunder pula diperoleh daripada kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari merangkumi pandangan empat mazhab utama, serta artikel jurnal berwasit, prosiding dan tesis berkaitan Maqasid Syariah, kesejahteraan keluarga Islam dan pencegahan penderaan seksual kanak-kanak. Carian sumber sekunder dijalankan menerusi pangkalan data Google Scholar, Scopus dan repositori tesis institusi pengajian tinggi tempatan (contohnya e-tesis UKM, UIS dan UISI), dengan tumpuan kepada bahan yang diterbitkan dalam tempoh 2015 hingga 2026 bagi memastikan kesegaran dapatan, di samping rujukan kitab fiqh klasik yang bersifat kekal relevan tanpa had tempoh.

Pemilihan sumber sekunder tertakluk kepada kriteria kemasukan dan pengecualian tertentu. Kriteria kemasukan meliputi: (i) artikel jurnal berwasit, tesis, buku ilmiah atau prosiding yang membincangkan secara langsung konsep mahram, aurat, sentuhan, Maqasid Syariah atau pendidikan sentuhan selamat kanak-kanak; (ii) diterbitkan dalam bahasa Melayu, Indonesia, Arab atau Inggeris; dan (iii) daripada sumber akademik atau kitab muktabar yang boleh disahkan pengarang dan penerbitnya. Kriteria pengecualian pula meliputi laman sedar umum, blog, atau bahan fatwa tanpa rujukan ilmiah yang jelas, kecuali digunakan semata-mata sebagai contoh amalan masyarakat dan bukan sebagai hujah hukum utama.

Proses analisis dilakukan melalui tiga peringkat, mengadaptasi kerangka analisis tematik oleh Braun dan Clarke [9] yang lazim digunakan dalam kajian kualitatif berbentuk sorotan naratif. Pertama, peringkat pengumpulan dan penyaringan sumber berdasarkan kata kunci seperti "sentuhan", "mahram", "maqasid syariah" dan "pendidikan sentuhan selamat", diikuti penapisan mengikut kriteria kemasukan dan pengecualian yang dinyatakan di atas. Kedua, peringkat analisis tematik, iaitu pengkaji membaca berulang kali setiap sumber terpilih (*familiarization*), menghasilkan kod awal bagi idea atau hujah utama yang berulang (*initial coding*), sebelum kod-kod tersebut dikelompokkan dan disemak secara berterusan sehingga terbentuk lima tema utama yang stabil merentasi sumber-sumber yang dikaji. Ketiga, peringkat sintesis dan pembangunan kerangka, iaitu memetakan tema-tema yang diperoleh kepada lima objektif utama Maqasid Syariah bagi membentuk satu kerangka konseptual pendidikan sentuhan selamat yang tersusun.

4. Penemuan Utama Daripada Kajian Naratif

Hasil kajian naratif mengenal pasti lima tema utama yang membentuk asas kepada konsep batas sentuhan dalam keluarga Muslim, sebagaimana dibincangkan dalam Kajian Literatur di atas: (i) konsep mahram dan bukan mahram sebagai penentu status halal-haram sentuhan; (ii) sentuhan sebagai fitrah kasih sayang yang dituntut dalam kalangan mahram; (iii) sentuhan sebagai faktor risiko penderaan seksual apabila batasnya tidak difahami; (iv) kepelbagaian pandangan mazhab yang membuka ruang ijtihad kontekstual; dan (v) jurang antara kefahaman fiqh tradisional dengan pendekatan pedagogi sentuhan selamat moden.

Kelima-lima tema ini terbentuk melalui proses pengekodan berulang seperti dihuraikan dalam Metodologi: setiap sumber yang lulus penapisan dibaca dan dikodkan berdasarkan idea utama yang dibawa; kod-kod yang berkongsi makna kemudiannya dikelompokkan menjadi sub-tema; dan sub-tema yang saling berkait digabungkan menjadi tema utama. Sebagai contoh, kod-kod seperti hukum menyentuh bukan mahram, larangan berkhalwat dan illah pencegahan fitnah dikelompokkan di bawah tema kepelbagaian pandangan mazhab, manakala kod-kod seperti sunnah mendukung anak dan *bonding* ibu bapa-anak dikelompokkan di bawah tema sentuhan sebagai fitrah kasih sayang. Proses ini disemak secara berulang oleh pengkaji bagi memastikan setiap tema disokong secara konsisten oleh sekurang-kurangnya dua kategori sumber yang berbeza, iaitu nas atau pandangan fiqh dan kajian akademik empirikal, sebelum dianggap stabil dan dibawa ke peringkat sintesis.

Penemuan penting daripada kajian naratif ini ialah kelima-lima tema tersebut, apabila dianalisis secara bersepadu, menunjukkan keselarasan yang jelas dengan objektif-objektif Maqasid Syariah. Sentuhan halal dalam kalangan mahram menyokong hifz al-nafs (keselamatan emosi dan psikologi kanak-kanak) dan hifz al-din (pembentukan akhlak dan tarbiah); manakala larangan sentuhan dengan bukan mahram dan pencegahan penderaan seksual secara langsung menyokong hifz al-nasl wa al-'ird. Keupayaan kanak-kanak menilai dan bertindak wajar terhadap sentuhan yang diterima pula berkait rapat dengan hifz al-'aql, sementara pendekatan pencegahan awal melalui pemantauan dan pendidikan menyokong prinsip sadd al-dhara'i'.

Penemuan ini membawa kepada kesimpulan bahawa Maqasid Syariah bukan sahaja relevan sebagai asas teori perundangan Islam, tetapi juga berpotensi besar dijadikan kerangka rujukan bersepadu bagi membina modul pendidikan sentuhan selamat yang khusus untuk keluarga Muslim. Jadual 1 merumuskan pemetaan antara objektif Maqasid Syariah dengan komponen praktikal pendidikan sentuhan selamat yang dicadangkan berdasarkan sintesis kajian naratif ini.

5. Pembangunan Cadangan: Kerangka Pendidikan Sentuhan Selamat Berasaskan Maqasid Syariah

Berdasarkan pemetaan dalam Jadual 1, kertas ini mencadangkan satu kerangka pendidikan sentuhan selamat yang terdiri daripada tiga peringkat utama, iaitu prinsip asas, kandungan mengikut peringkat umur dan pihak berkepentingan pelaksana.

Jadual 1. Pemetaan objektif Maqasid Syariah kepada komponen pendidikan sentuhan selamat

Objektif Maqasid Syariah	Dalil/Sumber Rujukan Utama	Prinsip Panduan Batas Sentuhan	Komponen dalam Pendidikan Sentuhan Selamat
Hifz al-Din (Pemeliharaan Agama)	Surah al-Nur 24:30-31; konsep aurat dan mahram dalam fiqh klasik	Sentuhan dikawal oleh status halal-haram berdasarkan konsep mahram dan bukan mahram	Pengenalan asas akidah dan hukum aurat; kaitan sentuhan dengan ibadah dan akhlak
Hifz al-Nafs (Pemeliharaan Nyawa/Diri)	Hadis riwayat al-Thabarani mengenai larangan menyentuh bukan mahram	Sentuhan tidak boleh membawa kemudaratan fizikal atau psikologikal kepada kanak-kanak	Latihan mengenal pasti sentuhan yang menyakitkan atau tidak selesa; kemahiran melapor
Hifz al-Nasl wa al-'Ird (Pemeliharaan Keturunan dan Maruah)	Larangan khalwat (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim); prinsip hifz al-nasb wa al-'ard [1]	Larangan sentuhan yang membuka ruang fitnah, zina, sumbang mahram dan penderaan seksual	Modul mengenal bahagian tubuh peribadi; konsep sentuhan baik dan sentuhan buruk
Hifz al-'Aql (Pemeliharaan Akal)	Prinsip tarbiah berperingkat mengikut kematangan akal kanak-kanak [2]	Kanak-kanak perlu berkemampuan menilai dan membuat keputusan wajar terhadap sentuhan yang diterima	Pembangunan kemahiran berfikir kritis dan membuat keputusan mengikut peringkat umur
Sadd al-Dhara'i' (Menutup Jalan Kemudaratan)	Kaedah fiqhiyyah sadd al-dhara'i' dan al-darar yuzal [1]	Langkah pencegahan awal diutamakan berbanding tindakan selepas berlaku kemudaratan	Pemantauan ibu bapa, adab pergaulan dalam rumah dan sekatan ruang berkhalwat

5.1 Prinsip Asas Kerangka

Kerangka yang dicadangkan berpaksikan tiga prinsip asas. Pertama, prinsip kesepaduan syarak dan sains, iaitu kandungan pendidikan sentuhan selamat perlu menggabungkan hukum fiqh mahram dan bukan mahram dengan pendekatan psikologi perkembangan kanak-kanak yang telah terbukti berkesan. Kedua, prinsip kesesuaian peringkat umur (*age-appropriateness*), iaitu penyampaian kandungan perlu disesuaikan dengan tahap kognitif dan kematangan kanak-kanak, selaras dengan kaedah tarbiah berperingkat yang dianjurkan dalam hadis mengenai pendidikan solat kanak-kanak. Ketiga, prinsip pencegahan berterusan (sadd al-dhara'i'), iaitu pendidikan ini perlu dilaksanakan secara berterusan dan bukan sebagai satu sesi tunggal, disokong oleh pemantauan aktif ibu bapa dalam kehidupan seharian.

5.2 Kandungan Mengikut Peringkat Umur

Kandungan pendidikan sentuhan selamat perlu disusun secara berperingkat mengikut tahap kognitif dan kematangan kanak-kanak, selaras dengan kaedah tarbiah berperingkat yang dianjurkan dalam hadis mengenai pendidikan solat kanak-kanak. Jadual 2 merumuskan struktur kandungan yang dicadangkan mengikut tiga peringkat umur utama.

Jadual 2. Struktur kandungan pendidikan sentuhan selamat mengikut peringkat umur

Peringkat Umur	Fokus Kandungan	Kaedah Penyampaian Dicadangkan
Awal Kanak-Kanak (4-6 tahun)	Nama anggota badan; konsep "bahagian badan peribadi"; kemahiran mengucapkan "tidak" dan melaporkan sentuhan tidak selesa kepada ibu bapa	Bercerita, lakonan boneka, nyanyian dan aktiviti bergambar sesuai fitrah bermain kanak-kanak
Pertengahan Kanak-Kanak (7-9 tahun)	Pengenalan ringkas konsep mahram dan bukan mahram; adab meminta izin masuk bilik ibu bapa; pengukuhan hukum asas menutup aurat	Perbincangan interaktif, buku aktiviti, main peranan (*role-play*) situasi harian
Akhir Kanak-Kanak/Pra-Remaja (10-12 tahun)	Hukum sentuhan dengan bukan mahram secara lebih terperinci; adab pergaulan dengan sepupu dan ipar; pendedahan awal risiko penderaan seksual dan langkah melindungi diri	Modul bengkel berstruktur, sesi soal jawab, kaunseling kelompok kecil bersama ibu bapa/guru

5.3 Pihak Berkepentingan dan Peranan Pelaksanaan

Pelaksanaan kerangka ini memerlukan kerjasama pelbagai pihak. Ibu bapa berperanan sebagai penyampai utama dan teladan dalam mengamalkan adab sentuhan yang betul dalam kehidupan seharian. Institusi pendidikan Islam seperti sekolah agama dan tadika Islam berperanan mengintegrasikan modul sentuhan selamat ke dalam kurikulum pendidikan Islam sedia ada. Agensi kerajaan yang berkaitan kebajikan keluarga dan kanak-kanak pula berperanan menyediakan latihan kepada ibu bapa dan guru, serta membangunkan bahan rujukan rasmi berasaskan kerangka Maqasid Syariah ini. Institusi masjid dan surau turut boleh memainkan peranan sebagai pusat penyebaran kesedaran kepada komuniti setempat.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kertas konsep ini mencadangkan agar kerangka yang dibina ini disahkan secara empirikal pada peringkat seterusnya, contohnya melalui kaedah *Fuzzy Delphi* atau Teknik Kumpulan Nominal (NGT) dengan melibatkan pakar dalam bidang fiqh, psikologi kanak-kanak dan pendidikan awal kanak-kanak, bagi memastikan kesahan dan kebolehgunaan kerangka ini sebelum diaplikasikan secara meluas dalam modul pendidikan keluarga Islam.

6. Kesimpulan

Kertas konsep ini telah menganalisis konsep batas sentuhan dalam keluarga Muslim melalui kajian naratif terhadap nas syarak dan literatur akademik yang berkaitan, serta membina kerangka konseptual pendidikan sentuhan selamat yang berteraskan Maqasid Syariah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa batas sentuhan halal dan haram dalam Islam, yang berasaskan konsep mahram dan bukan mahram, selari sepenuhnya dengan objektif-objektif utama Maqasid Syariah, iaitu hifz al-din, hifz al-nafs, hifz al-nasl wa al-'ird, hifz al-'aql, dan prinsip sadd al-dhara'i'. Kerangka yang dicadangkan, yang memetakan objektif-objektif tersebut kepada komponen praktikal pendidikan mengikut peringkat umur, diharapkan dapat mengisi jurang antara kefahaman fiqh tradisional dan keperluan pendidikan perlindungan kanak-kanak pada masa kini. Sumbangan utama kertas ini ialah menawarkan satu model rujukan awal yang boleh dikembangkan lebih lanjut oleh penyelidik, pendidik dan pembuat dasar dalam usaha membina keluarga Muslim yang lebih selamat, sejahtera dan patuh syariah.

Rujukan

[1] N. H. Zaim, “Prinsip pencegahan Islam bagi menangani penderaan seksual kanak-kanak,” *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED),* vol. 9, no.63, pp.679–694, 2024.

[2] A. N. Ulwan, *Tarbiyat al-awlad fi al-Islam*. Batu Caves: PTS Publishing House, 2015.

[3] N. H. Zaim, N. Mohd Salleh, and Z. Mohd Kusrin, “Elemen kesejahteraan keluarga Islam dalam menangani penderaan seksual kanak-kanak,” *Jurnal Pengajian Islam*, vol. 13, no. 2, pp. 35–49, 2020, https://jpi.uis.edu.my/index.p

[4] U. Al Fursan, M. Ikhsan, and M. Istiqamah, “Hukum berjabat tangan dengan wanita lansia non-mahram (studi komparatif Mazhab Hanafi dan Mazhab Syafi'i),” AL-MABSUTH: *Jurnal Studi Islam dan Bahasa Arab*, vol. 1, no. 2, pp. 612–639, 2025 (DOI: 10.36701/mabsuth.v1i2.2552).

[5] D. A. Ramdani and S. Sutisna, “Studi komparatif pemikiran Imam Nawawi dan Yusuf al-Qardhawi tentang berjabat tangan dengan bukan mahram dalam Islam,” *Mizan: Journal of Islamic Law*, vol. 2, no. 1, pp. 47–58, 2018.

[6] M. L. Pulido, S. Dauber, B. A. Tully, P. Hamilton, M. J. Smith, and K. Freeman, “Knowledge gains following a child sexual abuse prevention program among urban students: A cluster-randomized evaluation,” *American Journal of Public Health*, vol. 105, no.7, 1344–1350, 2015.

[7] K. Guastaferro, S. L. Shipe, C. M. Connell, E. J. Letourneau, and J. G. Noll, “Implementation of a universal school-based child sexual abuse prevention program: A longitudinal cohort study,” *Journal of Interpersonal Violence*, vol. 38, no.15-16, pp. 8785–8802, 2023 (DOI: 10.1177/08862605231158765).

[8] Z. Nabilah Huda, “Pembangunan model pencegahan penderaan seksual kanak-kanak dalam keluarga Islam,” Tesis PhD tidak diterbitkan, Universiti Islam Selangor, 2022.

[9] V. Braun and V. Clarke, “Using thematic analysis in psychology,” *Qualitative Research in Psychology*, vol. 3, no. 2, pp. 77–101, 2006 (DOI: 10.1191/1478088706qp063oa).

[10] Al-Quran al-Karim

[11] M. I. Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, t.t.

[12] I. al-Syatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah*, al-Thabarani, S. (t.t.). al-Mu'jam al-Kabir, 2003.

[13] M. T. Ibn 'Asyur, Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah. Amman: Dar al-Nafais, 2004.

[14] Mahkamah: Jurnal Riset Ilmu Hukum, Pandangan dan sentuhan antar mahram menurut Mazhab Syafi'i, vol. 3, no. 1, 2026, https://ejournal.appihi.or.id/index.php/Mahkamah/article/download/1450/1229/7492

[15] I. H. Muslim, Sahih Muslim, t.t.

[16] National Society for the Prevention of Cruelty to Children (NSPCC), *Talk PANTS: Keeping children safe from abuse*, 2024, https://www.nspcc.org.uk/keeping-children-safe/support-for-parents/pants-underwear-rule/

[17] United Nations, *Convention on the Rights of the Child*, 1989, https://www.ohchr.org/en/instruments-mechanisms/instruments/convention-rights-child

METODOLOGI TAFSIR HAMKA TERHADAP AYAT-AYAT SAINTIFIK DALAM TAFSIR AL-AZHAR: ANALISIS AYAT PILIHAN

Iruwan bin Idris*, Siti Aishah binti Othman, Mazlina binti Omar

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah

*Corresponding author e-mail address: iruwan@ptsb.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan menganalisis metodologi tafsir HAMKA terhadap ayat-ayat al-Quran yang mengandungi unsur saintifik dalam kitab Tafsir Al-Azhar. Sembilan ayat al-Quran yang dipilih akan dianalisis bagi mengenal pasti pendekatan, fokus dan kaedah yang digunakan oleh HAMKA ketika menghuraikan ayat serta hubungannya dengan penemuan sains moden sebagai satu cara untuk memahami ayat dan tuntutannya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk analisis kandungan ke atas teks primer iaitu Tafsir Al-Azhar, disokong oleh sumber sekunder daripada kajian-kajian lepas berkaitan tafsir saintifik. Sampel ayat dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan yang mewakili beberapa bidang sains. Dapatan kajian menunjukkan bahawa HAMKA mengamalkan pendekatan tafsir saintifik yang berhati-hati dan seimbang, iaitu mengutamakan kaedah bahasa Arab sebagai asas tafsiran, menerima dapatan sains yang muktamad sahaja, menolak teori sains yang bercanggah dengan akidah seperti evolusi Darwin, serta sentiasa mengarahkan tafsirannya kepada matlamat utama al-Quran iaitu pendidikan, peneguhan iman dan pengiktirafan kekuasaan Allah SWT. Kajian ini merumuskan bahawa HAMKA tidak menjadikan sains sebagai penentu mutlak untuk memahami makna ayat, sebaliknya dapatan sains digunakan secara selektif untuk mengukuhkan kefahaman terhadap ayat-ayat saintifik yang ada di dalam al-Quran tanpa mengorbankan prinsip-prinsip akidah dan kaedah tafsir yang muktabar.
Kata Kunci: HAMKA; Tafsir Al-Azhar; tafsir saintifik; metodologi tafsir.

1. Pengenalan

Al-Quran sebagai kitab panduan hidup umat Islam turut mengandungi pelbagai ayat yang menyentuh fenomena alam semula jadi yang dikenali sebagai ayat *al-Kauniyyah*. Ayat-ayat ini menjadi bukti kepada mukjizat ilmiah al-Quran kerana turut selari dengan penemuan sains moden walaupun diturunkan lebih daripada 14 abad yang lalu. Justeru, bidang tafsir saintifik wujud sebagai satu disiplin ilmu yang menghubungkan pentafsiran ayat al-Quran dengan penemuan sains, bertujuan untuk memahami keserasian antara wahyu dan akal, serta mengukuhkan keimanan umat terhadap kebenaran al-Quran sebagai kalam Allah SWT.

HAMKA, iaitu Haji Abdul Malik Karim Amrullah, merupakan salah seorang tokoh ulama Nusantara yang terkenal dengan karya tafsirnya, Tafsir Al-Azhar, yang menjadi rujukan penting dalam dunia pentafsiran al-Quran di rantau Alam Melayu. Dalam tafsirnya, HAMKA turut menyentuh pelbagai ayat *al-Kauniyyah* dan cuba menghubungkannya dengan dapatan sains semasa [1]. Namun begitu, pendekatan HAMKA dalam mentafsirkan ayat-ayat saintifik ini mempunyai ciri dan kaedah tersendiri yang membezakannya daripada tokoh-tokoh tafsir yang lain, khususnya dari segi keseimbangan antara penerimaan sains dan pemeliharaan prinsip akidah.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti dan menganalisis secara mendalam metodologi, fokus dan kaedah yang digunakan oleh HAMKA ketika mentafsirkan ayat-ayat

saintifik terpilih di dalam Tafsir Al-Azhar. Sembilan ayat pilihan yang merangkumi pelbagai bidang sains seperti biologi, astronomi, geologi dan fisiologi manusia dianalisis untuk tujuan ini.

1.1 Permasalahan Kajian

Kajian-kajian lepas berkaitan tafsir saintifik sering menumpukan kepada pengesahan fakta sains semata-mata tanpa menganalisis secara khusus metodologi dan pendirian seorang ahli tafsir terhadap teori-teori sains yang masih diperdebatkan. Sehubungan itu, wujud jurang kajian dalam memahami secara terperinci bagaimana HAMKA menyeimbangkan antara kaedah bahasa, dapatan sains dan prinsip akidah ketika mentafsirkan ayat-ayat yang menyentuh fenomena saintifik, serta bagaimana beliau menangani isu-isu sains yang bercanggah dengan tauhid seperti teori evolusi.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

(i) Mengenal pasti fakta saintifik yang terkandung dalam sembilan ayat pilihan di dalam Tafsir Al-Azhar.

(ii) Menganalisis pendekatan dan kaedah tafsir HAMKA terhadap ayat-ayat saintifik tersebut.

(iii) Merumuskan metodologi keseluruhan HAMKA dalam mentafsirkan ayat-ayat saintifik di dalam Tafsir Al-Azhar.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk analisis kandungan atau analisis dokumen sebagai pendekatan utama. Analisis kandungan dipilih kerana kesesuaiannya untuk mengkaji teks tafsir secara mendalam bagi mengenal pasti tema, pola dan kaedah tafsir yang digunakan oleh HAMKA ketika mentafsirkan ayat-ayat saintifik yang terdapat dalam Tafsir al-Azhar.

2.1 Sumber Data

Sumber data primer kajian ini ialah kitab Tafsir al-Azhar karangan HAMKA, manakala sumber data sekunder terdiri daripada kajian-kajian lepas berkaitan tafsir saintifik dan ayat-ayat saintifik, termasuklah kajian oleh Kasmo [2], Zainal Abidin [1], Ismail [3] dan Sempo [4] yang digunakan sebagai bahan perbandingan dan sokongan dapatan.

2.2 Persampelan Ayat

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan memilih sembilan ayat al-Quran yang mengandungi unsur saintifik dan telah ditafsirkan secara khusus oleh HAMKA dalam Tafsir al-Azhar. Pemilihan ayat mewakili semua bidang sains utama, meliputi bidang fisiologi seperti kulit dan cap jari manusia, bidang astronomi seperti matahari dan bulan, bidang zoologi seperti lebah dan semut, bidang geologi seperti perihal bumi, langit dan gunung, bidang geografi seperti perihal tanah rendah, serta bidang biologi seperti reproduksi manusia dan penentuan jantina bayi.

2.3 Kaedah Analisis Data

Setiap ayat dianalisis melalui tiga peringkat: pertama, mengenal pasti fakta saintifik dan kalimah kunci dalam ayat; kedua, membandingkan tafsiran HAMKA dengan pandangan pengkaji tafsir saintifik yang lain seperti Kasmo [2], Zainal Abidin [1] dan Sempo [4]; dan ketiga, merumuskan pendirian serta kaedah yang digunakan oleh HAMKA dalam setiap tafsirannya. Hasil analisis sembilan ayat tersebut kemudian disintesis untuk menghasilkan rumusan metodologi keseluruhan yang digunakan oleh HAMKA dalam mentafsirkan ayat-ayat saintifik.

3. Dapatan dan Perbincangan

3.1 Analisis 9 Ayat Pilihan oleh HAMKA

3.1.1 Ayat 1: Kulit adalah reseptor deria

Allah berfirman: “Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar kepada ayat-ayat keterangan Kami. Kami akan membakar mereka di dalam api neraka. Tiap kali kulit mereka masak hangus, kami gantikan dengan kulit yang lain supaya mereka merasai azab sengsara itu. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah adalah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana”. [al-Quran, 4:56]

Analisis ayat:

Fakta saintifik di dalam ayat ini berkisar kepada potongan ayat “*Tiap-tiap kali kulit mereka masak hangus, Kami gantikan untuk mereka kulit yang lain supaya mereka merasa azab sengsara itu*”. Kasmo [2] mengiktiraf ayat ini sebagai isyarat daripada Allah bahawa kulit adalah organ deria yang mengesan ransangan termasuklah rasa sakit. Manakala, HAMKA pula ketika menafsirkan ayat ini menyatakan bahawa sesiapa yang kafir kepada Allah akan dimasukkan ke dalam neraka, kulit mereka akan dimasak hangus kemudian kulit itu akan diganti dengan kulit yang lain supaya mereka akan terus merasai sakit. Namun, oleh kerana peristiwa ini berkaitan neraka yang termasuk di dalam perkara ghaib, beliau tidak berlebihan dalam mentafsirkannya bahkan melarang untuk mengkaji bagaimana proses pertukaran kulit itu berlaku. Bahkan HAMKA sering meninggalkan perbincangan saintifik melibatkan perkara ghaib yang dikaitkan dengan teori-teori sains seumpama firman Allah “*Jangan sesekali berlaku derhaka! Demi sesungguhnya jika ia tidak berhenti (dari perbuatan yang buruk itu) nescaya Kami menyentap ubun-ubunnya. (iaitu) ubun-ubun orang yang berdusta, yang bersalah*” [al-Quran, 96:15-16]. Sebaliknya, fokus HAMKA adalah kepada peringatan untuk mengelakkan diri daripada kulit dibakar di Neraka angkara kafir kepada Allah. Kesimpulannya, HAMKA mengakui ayat ini menjadi hujah bahawa al-Quran menjelaskan fungsi kulit sebagai organ deria kepada manusia yang berfungsi untuk merasa sakit dan kepanasan. Namun, oleh kerana peristiwa ini termasuk di dalam perkara ghaib yang tidak mampu difahami sepenuhnya, maka HAMKA tidak berlebihan dalam mentafsirkannya tetapi berpada dengan dapatan sains yang diyakini sahaja untuk memahami ayat saintifik ini.

3.1.2 Ayat 2: Matahari itu bersinar, bulan itu bercahaya

Allah berfirman: “Dialah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dialah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (tanda-tanda kebesaran-Nya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikan-Nya)”. [al-Quran, 10:5]

Analisis ayat:

Fokus utama fakta saintifik dalam ayat ini ialah pada penggunaan kalimah "*Diya'an*" yang bermaksud bersinar terang untuk menggambarkan sifat matahari dan kalimah "*Nuuran*" yang bermaksud bercahaya untuk mewakili sifat bulan. Zainal Abidin [1] menjelaskan bahawa ayat ini sebagai isyarat bahawa matahari itu sifatnya seperti pelita atau lampu yang menyala, mengeluarkan cahaya dan membakar manakala bulan pula sifatnya seperti cermin yang memantulkan cahaya dan menyilau tanpa memiliki cahaya sendiri. HAMKA pula ketika menafsirkan ayat ini menyatakan bahawa kalimah "*Diya'an*" bermaksud sinar terang yang timbul daripada diri sendiri yang mampu memancarkan cahaya seumpama lampu atau pelita dan kalimah "*Nuuran*" bermaksud cahaya sebuah bekas yang memantulkan semula cahaya terang yang menimpa dirinya seperti sifatnya berlian. Selanjutnya HAMKA menerangkan bahawa perkara ini terjadi kerana sifat matahari dan bulan itu sendiri. Matahari adalah objek yang seluruhnya adalah bahan bakar sahaja dan cahayanya terdiri daripada susunan tujuh warna sebaliknya bulan pula ialah objek yang menjadi bercahaya kerana memantulkan cahaya terang matahari yang terkena padanya serta hanya memiliki satu warna sahaja. Semua perbahasan HAMKA dikaitkan dengan makna bahasa dan sains. Ini menunjukkan bahawa HAMKA telah menggunakan ketelitian gaya bahasa Arab dan dapatan sains berkaitan fenomena alam seperti *manazil* bulan, sifat matahari, jenis cahaya dan seumpamanya ketika mentafsirkan kalimah "*Diya'an*" yang menjadi sifat khusus bagi matahari dan "*Nuuran*" bagi bulan. Kesimpulannya, HAMKA mengakui ayat ini menjadi hujah bahawa al-Quran menjelaskan Matahari adalah bersinar seperti pelita dan bulan pula bercahaya seperti berlian. Selain itu, boleh difahami juga bahawa HAMKA ketika mentafsirkan konsep sinar matahari dan cahaya bulan telah menyesuaikan tafsirnya dengan dapatan sains dan makna bahasa.

3.1.3 Ayat 3: Koloni lebah diketuai oleh seekor ratu

Allah berfirman: "Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: 'Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-gunung dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia.' Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bungaan dan buah-buahan (yang engkau sukai) serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu. (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warna, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir". [al-Nahl, 16:68-69]

Analisis ayat:

Ayat ini menerangkan bahawa Allah telah memberi ilham dan memerintahkan lebah untuk membuat sarang, mencari makan, mengikut perintah dan peraturan Allah ketika menjalani kehidupan mereka di alam ini sehingga mereka boleh menghasilkan madu yang sangat bermanfaat kepada manusia. Fokus utama fakta saintifik dalam pengkhabaran ini ialah pada penggunaan kalimah "*Ittakhizi*" yang bermaksud ambillah, "*Kuli*" yang bermaksud makanlah, "*Fasluki*" yang bermaksud turutilah, "*Rabbiki*" yang bermaksud Tuhanmu dan "*Butuniha*" yang bermaksud abdomennya. Semua lima kalimah ini secara bahasa dirujuk sebagai arahan atau ditujukan kepada perempuan. Kasmo [2] mengiktiraf ayat ini sebagai isyarat daripada Allah bahawa lebah yang membuat sarang dan mencari madu adalah lebah betina. Manakala, HAMKA pula ketika menafsirkan ayat ini menyatakan bahawa ayat ini sangat menakjubkan dan menjadi bukti bahawa koloni lebah diketuai oleh seekor lebah betina yang paling dominan dan berkuasa yang digelar Ratu. Ini sesuai dengan kaedah bahasa tentang kalimah yang digunakan oleh Allah ketika memberikan ilham kepada lebah tersebut. Ini menunjukkan bahawa HAMKA ketika

menentukan jantina lebah yang dirujuk dalam ayat ini sebagai betina adalah berdasarkan kaedah bahasa dan telah memilih pendapat yang muktamad. Perkara ini boleh difahami ketika HAMKA tidak menentukan jantina semut bahkan hanya menyatakan bahawa semut ini adalah semata-mata seekor semut peninjau ketika mentafsirkan firman Allah "(*Maralah angkatan itu) hingga apabila mereka sampai di Waadin-Naml (lembah semut) berkatalah seekor semut: 'Wahai sekalian semut, masuklah ke sarang kamu masing-masing, jangan Sulaiman dan tenteranya memijak serta membinasakan kamu, sedang mereka tidak menyedari'" [al-Naml, 27:18]*. Ini kerana para ahli tafsir berbeza pendapat dalam menentukan jantina semut yang disebut di dalam ayat ini kerana perbezaan kaedah bahasa semasa menentukan makna kalimah "*Namlatun*" adakah merujuk kepada semut betina secara khusus atau semut jantan dan betina secara umum [4]. Kesimpulannya, HAMKA ketika mentafsirkan ayat ini bersetuju bahawa jantina lebah di dalam ayat ini adalah betina kerana sesuai dengan makna muktamad menurut kaedah bahasa dan disesuaikan dengan dapatan sains.

3.1.4 Ayat 4: Bumi dan langit asalnya bercantum

Allah berfirman: "Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?" [al-Anbiyaa, 21:30]

Analisis ayat:

Secara asasnya, fakta saintifik dalam ayat ini berkisar pada dua kalimah, iaitu "Ratqan" yang bermaksud "bercantum" dan "Fataqna" yang bermaksud "kami pisahkan", yang terdapat dalam potongan ayat "*Sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya*". Kasmo [2] menyatakan bahawa bercantum dan dipisahkan ini bermaksud pada mulanya langit dan bumi adalah satu unit, berganding satu sama lain, berlapis, dan kemudian Allah SWT memisahkannya serta menjadikan tujuh langit dan bumi. HAMKA, ketika mentafsirkan ayat ini, telah menerangkan bahawa ahli tafsir pada zaman dahulu bersetuju bahawa langit dan bumi pada mulanya adalah sekepal, bersatu padu, lekat, dan tidak terpisah; lama-kelamaan, kedua-duanya terpisah satu sama lain. Namun, mereka berbeza pendapat dalam menghuraikan proses pemisahan antara langit dan bumi sesuai dengan perkembangan ilmu iaitu, pertama, pemisahan ini melibatkan pemisahan langit menjadi tujuh lapis, bumi menjadi tujuh lapis, langit berfungsi untuk menurunkan hujan, bumi berfungsi menumbuhkan tumbuhan, kedua, pemisahan ini adalah berkait dengan kejadian matahari, bintang-bintang, kewujudan alam di dalam sistem matahari, serta teori orbit bumi dan matahari dan ketiga, berita percantuman dan pemisahan ini adalah ayat renungan semata-mata dan proses memahaminya akan sentiasa berubah dan berkembang kerana perkembangan ilmu sains. Seterusnya, HAMKA menegaskan bahawa usaha untuk memahami proses pemisahan ini sehingga memaksa dan mengaitkannya dengan sebarang teori sains yang tidak tetap dan sentiasa berubah adalah tindakan yang salah serta terpesong daripada tujuan asal ayat. Bahkan, HAMKA menjadikan ayat ini sebagai sanggahan kepada orang yang berilmu tetapi tidak mahu beriman dengan ilmunya. Kesimpulannya, HAMKA mengakui bahawa ayat ini menjadi hujah bahawa al-Quran telah mengkhabarkan satu fakta yang hebat iaitu langit dan bumi asalnya adalah satu unit yang berpadu kemudiannya dipisahkan oleh Allah SWT. Namun, HAMKA tidak mengaitkan ayat ini secara pasti dengan sebarang teori terperinci berkaitan proses pemisahan langit dan bumi, seumpama teori "*Big Bang*", kerana ia termasuk dalam teori sains yang sentiasa berkembang dan mungkin berubah.

3.1.5 Ayat 5: Haiwan darat berasal daripada air

Allah berfirman: "Dan Allah menciptakan tiap-tiap haiwan yang bergerak itu dari air; maka sebahagian di antara mereka menjalar atas perutnya, dan sebahagian di antaranya berjalan dengan dua kaki, dan sebahagian lagi berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa sahaja yang Ia kehendaki (selain dari yang tersebut), kerana sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu". [al-Nuur, 24:45]

Analisis ayat:

Secara khususnya fakta saintifik di dalam ayat ini merujuk kepada pengkhabaran daripada Allah SWT tentang asal kejadian haiwan yang bergerak iaitu "*Dan Allah menciptakan tiap-tiap haiwan yang bergerak itu dari air*". Kasmo [2] menyatakan ayat ini memberikan isyarat bahawa evolusi untuk semua organisme hidup telah benar-benar berlaku yang bermula dan berasal daripada air. Manakala HAMKA ketika mentafsirkan ayat ini telah menyatakan bahawa semua haiwan yang melata semuanya adalah diciptakan oleh Allah yang berasal daripada air dan ia tidak berlaku secara kebetulan. HAMKA juga bersetuju bahawa semua ini berlaku secara evolusi tapi tidak bersetuju dan menolak teori evolusi yang dikemukan oleh Darwin kerana ia ditunjangi oleh teori naturalisme alam dan penolakan terhadap kuasa Allah. Seterusnya, HAMKA mengaitkan ayat ini dengan proses perubahan evolusi alam dengan kuasa penciptaan Allah sebagai pengatur alam dan meminta supaya penyelidikan tentang alam tetap diteruskan sehingga akhirnya. Pendapat yang sama dikemukakan oleh Zainal Abidin [1] yang menyatakan bahawa ayat ini adalah bukti semua organisme hidup adalah diciptakan, tetapi beliau telah menolak semua teori yang dikaitkan dengan evolusi kerana asasnya ialah kuasa semula jadi atau kuasa kebetulan dan menafikan kekuasaan Allah sebagai pengatur. Kesimpulannya, HAMKA bersetuju ayat ini menjadi bukti bahawa haiwan darat berasal daripada air dan ia berlaku secara evolusi yang diatur oleh Allah. Namun, HAMKA menolak kaitan ayat ini dengan teori yang tidak saintifik dan mengelirukan seperti Teori Evolusi Darwin. Sebaliknya, HAMKA ketika mentafsirkan ayat ini menfokuskan kepada pengiktirafan kekuasaan Allah sebagai pengatur alam dan pengawal seluruh perubahan alam termasuklah evolusi alam.

3.1.6 Ayat 6: Bumi yang paling dekat atau paling rendah

Allah berfirman: "Orang-orang Rom telah dikalahkan. Di negeri yang dekat sekali, dan mereka sesudah kekalahannya itu akan mengalahkan lawannya". [al-Quran, 30:2-3]

Analisis ayat:

Ayat ini menerangkan bahawa bangsa Rom telah dikalahkan di suatu tempat yang disebut "*adna al-Ard*", namun akan kembali menang dalam beberapa tahun akan datang. Fokus utama fakta saintifik dalam pengkhabaran ini ialah pada kalimah "*adna al-Ard*". Kalimah ini secara bahasa mempunyai dua makna iaitu paling dekat dan paling rendah. Ibn Kathir mentafsirkan kalimah ini dengan makna paling dekat iaitu paling dekat dengan wilayah jordan, syria dan palestin [5]. Namun, perkataan '*adna*' juga bermaksud paling rendah yang berasal dari perkataan '*daniy*' yang bermaksud rendah [2]. Justeru, perkataan '*adna al-ard*' juga memberi erti kawasan yang paling rendah di muka bumi. Tafsiran ini dikira bertepatan dengan catatan sejarah dan peristiwa yang berlaku semasa peperangan antara rom dan parsi yang telah berlaku di sekitar Laut Mati yang memiliki ketinggian 260-meter dibawah aras laut. Ini bererti "*adna al-Ard*" yang disebut dalam ayat ini menjelaskan kedudukan geografi kawasan sekitar peperangan itu yang merupakan lembah terendah di muka bumi [2]. Walau bagaimanapun, HAMKA ketika mentafsirkan kalimat "*adna al-Ard*" telah memilih makna "bumi yang paling dekat" iaitu wilayah syam dan Palestin yang

bermaksud dekat dengan wilayah Nabi Muhammad SAW iaitu Mekah. HAMKA juga ketika membicarakan peristiwa kemenangan Rom ke atas Parsi ini lebih memfokuskan kepada fakta sejarah melibatkan bila dan bagaimana peristiwa ini berlaku. Bahkan, beliau sama sekali tidak mengaitkan kalimat "*adna*" dengan maksud paling rendah. Kesimpulannya, HAMKA ketika mentafsirkan kalimah "*adna al-Ard*" lebih mengutamakan makna yang selari dengan fakta-fakta sejarah iaitu "paling dekat" berbanding makna dari sudut geografi iaitu "paling rendah" walaupun kedua-dua makna adalah boleh diterima dari sudut bahasa. Ini bermakna, HAMKA tidak mengaitkan ayat ini sebagai bukti keberadaan tapak paling rendah di muka bumi.

3.1.7 Ayat 7: Kewujudan gunung yang berwarna-warni

Allah berfirman: "Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupanya, dan di antara gunung-ganang pula ada yang mempunyai jalur-jalur serta lorong-lorong putih dan merah, yang berlainan warnanya (tua dan muda), dan ada juga yang hitam legam". [al-Quran, 35:27]

Analisis ayat:

Fakta saintifik dalam ayat ini berkisar pada potongan ayat "*Dan di antara gunung-ganang pula ada yang mempunyai jalur-jalur serta lorong-lorong putih dan merah, yang berlainan warnanya (tua dan muda) dan ada juga yang hitam legam*". Ketika menjelaskan ayat ini, HAMKA mengaitkan garis putih, merah dan hitam yang terdapat pada gunung berwarna-warni dengan keadaan fizikal setiap gunung, meliputi perbezaan jenis tanah, perbezaan mineral dan logam yang terdapat di dalam gunung, termasuk emas, besi, perak, timah dan lain-lain. HAMKA seterusnya mengajak pembaca memahami konsep gunung warna-warni dengan keadaan muka bumi yang berbeza lokasi dan fenomena alam seperti gunung hijau kerana tumbuhan hijau, gunung berapi merah dan hitam kerana lahar dan api sebagaimana di Indonesia, gunung hitam pekat kerana batu granit di tanah Arab, gunung putih kerana salji di Eropah dan fenomena ketika tenggelamnya matahari yang menyebabkan gunung kelihatan berwarna-warni di Grand Canyon, Amerika. HAMKA menegaskan bahawa ayat ini merupakan seruan kepada kajian ilmu pengetahuan yang mendalam dan perbagai. Ayat ini juga merupakan ayat motivasi untuk para pengkaji bilamana beliau merumuskan ayat dengan tajuk "Ulama Merenung Alam". Kesimpulannya, HAMKA mengiktiraf ayat ini sebagai bukti saintifik kewujudan gunung berwarna-warni di bumi, serta bukti keagungan penciptaan Allah di alam ini. Seterusnya, HAMKA menyatakan ayat ini menjadi pendorong kepada kajian mendalam yang melibatkan semua ilmu pengetahuan, khususnya geologi dan geografi.

3.1.8 Ayat 8: Benih lelaki adalah penentu jantina bayi

Allah berfirman: "Dan bahawa sesungguhnya Dialah yang menciptakan pasangan – lelaki dan perempuan, Dari (setitis) air mani ketika dipancarkan (ke dalam Rahim)". [al-Najm, 53:45-46]

Analisis ayat:

Fakta saintifik di dalam ayat ini berkisar kepada sebaris ayat "*Dari (setitis) air mani ketika dipancarkan (ke dalam Rahim)*" yang telah digunakan oleh Allah SWT ketika mengkhabarkan proses kejadian dan pembentukan jantina bayi. Ketika mentafsirkan fenomena ini, HAMKA hanya menyatakan secara ringkas dengan satu penyataan "*Daripada nuthfah apabila dia menimbulkan mani*" tanpa membicarakan apakah yang dimaksudkan dengan "apabila dipancarkan", sama ada ia dikaitkan dengan lelaki atau wanita. Seterusnya, HAMKA menjelaskan bahawa *Nuthfah* ialah percampuran antara mani lelaki yang berasal daripada *Sulbi* iaitu tulang punggung lelaki dan

mani wanita yang berasal daripada *Taraib* iaitu tulang dada wanita sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dalam ayat 6 surah al-Tariq. Manakala, Kasmo [2] mengiktiraf ayat ini sebagai bukti bahawa lelaki adalah penentu jantina kerana perkataan "*Iza Tumna*" yang bermaksud "apabila dipancarkan" menunjukan bahawa penentuan jantina berlaku melalui proses pancaran yang hanya melibatkan benih lelaki sahaja iaitu sperma. Perkara ini disokong Zainal Abidin [1] yang menegaskan bahawa proses penentuan ini bukan semata-mata kerana hujah "apabila dipancarkan" tetapi juga pada kalimah "*Nufhfah*" yang memiliki tiga makna berbeza tetapi maksudnya saling melengkapi iaitu air mani yang sedikit atau air mani lelaki atau sperma. Kesimpulannya, HAMKA ketika mentafsirkan ayat ini tidak menyatakan adakah benih lelaki menjadi penentu kepada pembentukan jantina bayi. Sebaliknya HAMKA hanya menjelaskan secara ringkas bahawa bayi terbentuk melalui perpaduan antara benih lelaki dan wanita bersesuaian dengan kaedah tafsir ayat dengan ayat dan disesuaikan pula dengan pengetahuan semasa yang beliau miliki pada zamannya. Bahkan, fokus utama HAMKA ketika mentafsirkan ayat ini ialah seruan kepada ilmu dan kekuasaan Allah Yang Maha Luas.

3.1.9 Ayat 9: Cap jari adalah perekod khas untuk diri manusia

Allah berfirman: "Patutkah manusia (yang kafir) menyangka bahawa Kami tidak akan dapat mengumpulkan tulang-tulangnya (dan menghidupkannya semula)? Bukan sebagaimana yang disangka itu, bahkan Kami berkuasa menyusun (dengan sempurnanya segala tulang) jarinya (tulang yang lebih halus dari yang lain)". [al-Qiyamah, 75:3-4]

Analisis ayat:

Ayat ini menerangkan bahawa Allah akan menghidupkan semula manusia dengan mengumpulkan tulang belulang termasuklah jari jemari mereka. Fokus utama fakta saintifik dalam pengkhabaran ini ialah pada potongan ayat "*bahkan Kami berkuasa menyusun (dengan sempurnanya segala tulang) jarinya, (tulang yang lebih halus dari yang lain)" yang menggambarkan* hujung jari menjadi asas dalam proses menghidupkan semula manusia secara sempurna. Kasmo [2] mengiktiraf ayat ini sebagai bukti bahawa hujung jari mempunyai fungsi pengenalan diri yang sangat baik, melebihi tulang yang lain. HAMKA pula, ketika menafsirkan ayat ini, menyatakan bahawa hujung jari manusia tersusun, sangat halus ciptaannya, sempurna, dan berbeza. Setiap manusia, dahulu hingga sekarang akan memiliki rekod peribadi tersendiri yang berbeza berdasarkan keunikan hujung jari masing-masing yang dikenali sebagai "Sidiq Jari". Namun, ketika membicarakan bagaimana keunikan ini boleh berlaku, HAMKA menyatakan ini adalah sebahagian daripada rahsia Allah yang tidak mampu difahami oleh manusia. Bahkan HAMKA meletakkan ayat ini secara bersama dibawah tajuk "*Kekuasaan Allah Yang Maha Berkuasa*" sebagai fokus ayat dan seruan kembali kepada Allah sebagai pengatur hidup. Kesimpulannya, HAMKA mengakui bahawa ayat ini menjadi hujah bahawa hujung jari manusia memiliki fungsi yang tersendiri dan unik berkait dengan rekod peribadi manusia. Oleh kerana hujung jari manusia merupakan rahsia dan tanda keagungan ciptaan Allah SWT tidak mampu difahami sepenuhnya, maka HAMKA ketika mentafsirkan ayat ini berpada dengan dapatan sains yang sesuai dan muktamad sahaja.

Secara keseluruhannya, kajian terhadap Metodologi Tafsir HAMKA ke atas sembilan ayat-ayat saintifik ini menunjukkan bahawa beliau mengamalkan pendekatan tafsir saintifik yang berhati-hati, seimbang dan tidak melampaui kaedah yang muktamad. Beberapa ciri metodologi, fokus dan kaedah utama yang digunakan oleh HAMKA ketika mentafsirkan ayat-ayat saintifik ini dapat dirumuskan seperti berikut:

(i) Keutamaan makna menurut bahasa (linguistik Arab) sebagai asas tafsiran

HAMKA sering menjadikan makna menurut bahasa Arab, sebagaimana yang boleh dilihat pada analisis kalimah “Diya'an” dan “Nuuran” perihal sifat matahari dan bulan, kalimah “Ittakhizi”, “Fasluki” dan “Butuniha” yang dikaitkan dengan jantina lebah, serta kalimah “adna al-Ard” yang membicarakan perihal kedudukan muka bumi dalam peristiwa peperangan Rom dan Parsi, sebagai asas utama sebelum menyesuaikannya dengan dapatan sains. Ini menunjukkan bahawa sains bagi HAMKA bersifat menyokong dan mengukuhkan makna bahasa, bukan sebaliknya.

(ii) Sikap berhati-hati dan tidak berlebihan terhadap perkara ghaib atau tidak pasti

Ketika mentafsirkan ayat yang melibatkan perkara ghaib atau ayat yang mengandungi teori saintifik yang tidak boleh difahami secara nyata seperti proses pertukaran kulit di neraka, proses terperinci pemisahan langit dan bumi, dan rahsia keunikan cap jari, HAMKA secara konsisten mengelakkan spekulasi berlebihan. Beliau lebih memilih untuk berpada dengan dapatan sains yang muktamad sahaja dan menyerahkan perkara yang tidak mampu difahami akal kepada kekuasaan dan rahsia Allah SWT.

(iii) Penolakan terhadap teori sains yang bercanggah dengan akidah

HAMKA meletakan syarat penerimaan teori sains untuk dikaitkan dengan mana-mana ayat saintifik adalah tidak bercanggah dengan tauhid. Perkara ini boleh dilihat ketika beliau menerima konsep evolusi haiwan daripada air, namun menolak secara tegas teori evolusi Darwin kerana ia berteraskan naturalisme dan menafikan peranan Allah sebagai Pencipta dan Pengatur.

(iv) Memilih makna ayat atau kalimah dengan mengutamakan konteks, tujuan dan fokus ayat

Perkara ini boleh dilihat apabila HAMKA memilih makna “paling dekat”, iaitu konteks sejarah yang dikira lebih utama berbanding “paling rendah”, iaitu konteks geografi, ketika mentafsirkan peristiwa peperangan antara Rom dan Parsi kerana ia lebih sesuai dengan tujuan dan fokus ayat tersebut.

(v) Fokus dan orientasi tafsir adalah berpaksikan pendidikan dan peneguhan akidah

Semua sembilan ayat yang dianalisis menunjukkan fokus akhir HAMKA bukan sekadar mengesahkan ayat dengan teori atau fakta sains, tetapi menjadikan tafsir saintifik sebagai wasilah untuk mengagungkan kekuasaan Allah, menyeru manusia kepada keimanan, serta menggalakkan penerokaan ilmu pengetahuan.

Secara kesimpulannya, metodologi tafsir HAMKA boleh dirumuskan sebagai satu pendekatan integratif yang menggabungkan ketelitian bahasa, penerimaan sains yang selektif dan muktamad, kewaspadaan terhadap perkara ghaib, penolakan terhadap teori yang bercanggah dengan akidah, serta penekanan kepada matlamat pendidikan, peneguhan iman dan pengiktirafan kekuasaan Allah SWT berbanding sekadar pengesahan fakta sains semata-mata.

4. Cadangan Kajian

Akhir sekali, adalah dicadangkan satu kajian lanjutan dilakukan untuk membandingkan pandangan HAMKA dan tokoh lain dalam bidang tafsir saintifik antaranya ialah Dr. Mahmud Yunus menerusi kitab beliau iaitu tafsir Qur’an Karim yang menfokuskan kepada tajuk “Metodologi tafsir saintifik HAMKA dan Mahmud Yunus: Satu analisis perbandingan terhadap ayat-ayat al-Kauniyyah”.

Rujukan

[1] D. Zainal Abidin, *Quran saintifik*. PTS Publication, 2014.

[2] M. A. Kasmo, *Pengukuhan akidah menerusi penghayatan sains dalam al-Quran*. Penerbitan Awan Biru, 2007.

[3] M. R. Ismail, *Bicarawara Sains Islam*. Karya Bestari, 2016.

[4] M. W. Sempo, *Tafsir saintifik al-Quran*. Penerbit USIM, 2019.

[5] Hamka. *Tafsir al-Azhar*. Pustaka Nasional, 1982.

[6] A. H. Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Darul Fikir, 2010.

OPERATIONAL AMPLIFIERS: A CONCEPTUAL OVERVIEW FOR ELECTRONIC ENGINEERING EDUCATION

Sharipah binti Daud*, Zunainah binti Hamid

Electrical Engineering Department, Tuanku Sultanah Bahiyah Polytechnic, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah

*Corresponding author e-mail address: sharipah@ptsb.edu.my

Abstract

This paper presents a comprehensive conceptual overview of operational amplifiers (op-amps) within electronic engineering practice and education. Fundamental principles of op-amp operation, core circuit configurations including amplification, summation, integration, and differentiation, as well as their diverse applications in signal conditioning, control systems, medical instrumentation, audio engineering, precision measurement, and industrial sectors are discussed. The paper emphasises practical understanding suitable for polytechnic-level instruction while maintaining theoretical rigour and relevance to contemporary engineering challenges. The applications highlighted encompass Malaysia's manufacturing industry, automotive systems, renewable energy, medical devices, environmental monitoring, smart instrumentation, and communications engineering.
Keywords: engineering; operational amplifiers; manufacturing; polytechnic.

1. Introduction

The operational amplifier represents one of the most versatile building blocks in modern electronic engineering [1], [2], [3]. Since its introduction in the 1960s, the operational amplifier has evolved from discrete transistor implementations to highly integrated circuits, fundamentally shaping analogue electronics design practice across diverse fields [4]. In polytechnic curricula, understanding operational amplifiers is essential because their principles apply across process control, power conversion, signal processing, medical instrumentation, and industrial automation —industries critical to global and Malaysian economic development.

This conceptual survey covers the core theoretical foundations of op-amp behaviour, practical circuit configurations, and applications in biomedical engineering, audio signal processing, precision measurement, environmental monitoring, and power systems [1], [5]. The paper targets electronics engineering instructors and advanced technical students, providing frameworks for classroom instruction while maintaining sufficient depth for practical problem-solving in laboratories, research, and industrial environments.

2. Operational Amplifier Fundamentals

2.1 Basic Operating Principle

An operational amplifier is a differential voltage amplifier integrated circuit with very high voltage gain (typically 100,000 to 1,000,000 V/V in open-loop configuration) [1]. The device has two input terminals—the inverting input (−) and non-inverting input (+)—and one output terminal. In practical applications, negative feedback is applied to establish a closed-loop configuration with well-defined gain characteristics.

The fundamental input-output relationship for an ideal op-amp is expressed as:

$V_{out} = A_{OL} (V^+ - V^-)$

where V_out is the output voltage, A_{OL} is the open-loop voltage gain, V+ is the non-inverting input voltage, and V− is the inverting input voltage. This equation represents the ideal open-loop relationship of an operational amplifier [1].

2.2 Ideal Op-Amp Characteristics

For pedagogical purposes, the ideal op-amp model possesses: (1) infinite voltage gain; (2) infinite input impedance; (3) zero output impedance; (4) zero input offset voltage; and (5) infinite bandwidth. While real op-amps deviate from these ideals, the model provides accurate analysis for most practical circuits operating below bandwidth limitations. However, finite gain-bandwidth product (GBP) also affects practical performance, particularly in high-frequency amplifier and integrator circuits [6]. The virtual short concept—where the voltage difference between inputs approaches zero under negative feedback—greatly simplifies circuit analysis and enables systematic design of complex analogue functions [2], [4].

3. Circuit Configurations and Applications

3.1 Inverting Amplifier Configuration

In the inverting configuration (Fig. 1), the signal is applied to the inverting input through resistor R_{in}, while the non-inverting input is grounded. The feedback resistor R_f connects from the output to the inverting input, yielding:




Fig. 1. Circuit configuration and phase relationship of an inverting amplifier

The gain for this amplifier is: Gain, $A_v = -R_f / R_{in}$

The gain depends only on resistor ratios, making the configuration robust for analogue signal processing. Applications include sensor signal conditioning, audio mixing consoles, and precision measurement systems [1].

3.2 Non-Inverting Amplifier Configuration

The non-inverting configuration (Fig. 2) applies input to the non-inverting terminal, yielding:




Fig. 2.

Circuit configuration and phase relationship of a non-inverting amplifier

The gain for this amplifier is: $A_v = 1 + (R_f / R_{in})$

Higher input impedance makes this configuration preferable when loading effects must be minimised. The voltage follower (unity-gain buffer) uses this topology to provide impedance isolation in multi-stage signal-conditioning chains [1].

3.3 Summing Amplifier Configuration

The summing amplifier processes multiple input signals, producing a weighted sum:

$$V_{out} = -(R_f/R_1 \times V_1 + R_f/R_2 \times V_2 + R_f/R_3 \times V_3 + ...) \text{ [4]}$$

Applications include multi-sensor data fusion, audio mixing, signal combining in measurement systems, and digital-to-analogue conversion (DAC) implementations. In biomedical engineering, summing amplifiers combine multiple physiological sensor outputs for integrated vital sign monitoring.

3.4 Integrator Circuit

The integrator replaces the feedback resistor with a capacitor, producing output proportional to the integral of the input:

$V_{out} = -(1/(R_{in} \times C_f)) \int V_{in}\, dt$ [2].

Integrators are critical in control systems (implementing the integral term in PID controllers), cumulative charge measurement, motion tracking from acceleration sensors, and charge-mode sensor interfaces. In environmental monitoring, integrators accumulate pollutant measurements over time. Medical devices employ integrators in electrocardiograph (ECG) signal processing and oxygen saturation monitoring [7].

3.5 Differentiator Circuit

The differentiator swaps resistor and capacitor positions, producing output proportional to the rate of change:

$V_{out} = -(R_f \times C_{in})\ (dV_{in}/dt)$

Differentiators enable edge detection, motion sensing from position data, and transient monitoring. In audio engineering, differentiators shape instrument responses. Practical implementations include a series input capacitor and a parallel feedback resistor to limit bandwidth and suppress noise amplification [2].

Table 1. Comparison of common operational amplifier configurations

Configuration	Voltage Gain	Phase Relationship	Typical Applications
Inverting	−Rf/Rin	180° phase shift	Signal conditioning, audio amplifiers
Non-inverting	1 + (Rf/Rin)	In phase	Buffer amplifier, impedance matching
Summing	Weighted sum	180° phase shift	Audio mixer, sensor fusion
Integrator	Output proportional to ∫Vin dt	90° lag	PID controllers, waveform generation
Differentiator	Output proportional to dVin/dt	90° lead	Edge detection, pulse shaping

Note. Compiled and adapted by the authors based on Sedra and Smith [1], Jung [4], and Horowitz and Hill [2].

The configurations summarised in Table 1 are fundamental building blocks for numerous analogue circuit applications across engineering disciplines discussed in the following section.

4. Applications Across Engineering Disciplines

4.1 Biomedical and Medical Engineering

Operational amplifiers form the analogue front-end of virtually all patient monitoring equipment [7]. In electrocardiography (ECG), precision instrumentation amplifiers (which employ op-amps as core building blocks) amplify millivolt-scale cardiac signals while rejecting common-mode noise and powerline interference. Integrators accumulate ECG derivatives to compute rates [8], [9]. In pulse oximetry, op-amps condition photodiode signals from red and infrared light-emitting diodes. Blood pressure monitors use op-amps to condition signals from pressure transducers. Implantable medical devices—pacemakers, neurostimulators, drug delivery pumps—use ultra-low-power op-amp variants (such as the OPAx333 family) [10] that consume microamps during standby. Neural recording systems employ specialised high-impedance op-amp input stages to interface with microelectrode arrays.

4.2 Audio Engineering and Acoustics

Professional audio systems depend extensively on op-amp circuit design. Microphone preamplifiers use non-inverting configurations with carefully selected devices (such as the NE5532) that have very low noise floors, which are essential for recording applications [4]. Audio mixing consoles employ summing amplifiers to combine signals from multiple microphone channels. Equalisation circuits [2] use active filters that shape first-, second-, and higher-order responses, with op-amps as core elements. Compressors and limiters employ op-amps in signal path and control circuitry. Phase shifters, delay lines, and spatial processing effects rely on op-amp integrators and differentiators. Modern digital audio interfaces employ precision op-amps in anti-aliasing filters before analogue-to-digital conversion and reconstruction filters after digital-to-analogue conversion.

4.3 Precision Measurement and Instrumentation

Laboratory and industrial instrumentation systems demand precision op-amps with very low input offset voltage (microvolts), extremely low input bias currents (picoamps), and high gain-bandwidth products. Bridge amplifiers employing instrumentation amplifier topologies (built from precision op-amps) interface with resistance temperature detectors (RTDs), strain gauges, and pressure transducers [9]. Precision current-to-voltage converters (transimpedance amplifiers) employ very high-value feedback resistors with op-amps, enabling measurement of picoamp-scale photodiode currents in optical instruments. Integrating analogue-to-digital converters employ op-amp integrators for accurate charge integration [11]. Lock-in amplifiers use precision op-amps in synchronous demodulation stages to extract small signals buried in noise. High-resolution digital multimeters use op-amp-based signal conditioning stages before delta-sigma analogue-to-digital converters.

4.4 Environmental and Industrial Monitoring Systems

Environmental monitoring networks employ distributed sensor nodes with op-amp signal conditioning. pH sensors require logarithmic amplifier stages that use op-amps with diodes in feedback paths to convert millivolt-scale electrochemical potentials into digital-friendly signal levels [12]. Dissolved oxygen sensors, conductivity probes, and turbidity sensors all employ op-amp-based transducer interfaces. Air quality monitoring stations use op-amp signal conditioning for electrochemical gas sensors that detect nitrogen oxides, ozone, and particulate matter. Water quality monitoring systems integrate op-amp summing amplifiers to combine outputs from multiple sensor elements. Long-distance transmitter circuits use current-mode op-amp outputs to drive four-to-twenty mA loops standard in industrial process control.

4.5 Power Supply and Voltage Regulation

Op-amps serve critical functions in power supply design beyond simple linear regulators. Error amplifiers in switching power supplies compare the feedback voltage to a reference and drive PWM (pulse-width modulation) circuits [5]. Programmable power supplies employ op-amp digital-to-analogue converter (DAC) output stages and summing feedback networks to implement precision voltage and current programming. Battery management systems employ op-amp current-sense amplifiers to monitor charge and discharge currents, enabling accurate state-of-charge estimation. Precision current sources employ op-amps with precision current-setting resistors to implement Howland pump circuits and related topologies. Uninterruptible power supply (UPS) systems use op-amps in inverter feedback control circuits and voltage-regulation loops.

4.6 Communications and Signal Processing

In communications systems, op-amps perform critical analogue signal-processing functions. Baseband filter circuits employ active filters (Sallen-Key topology and multiple-feedback configurations) built from op-amps for channel selection and anti-aliasing [13]. Transceiver circuits use op-amp front-end stages for received-signal amplification and automatic gain control (AGC). Quadrature mixers use summing amplifiers and integrators to generate and demodulate I/Q (in-phase/quadrature) signals. Phase-locked loops (PLLs) use op-amps in voltage-controlled oscillator (VCO) integrator stages and loop-filter implementations. Software-defined radio (SDR) systems use precision op-amps in anti-aliasing and reconstruction filter stages that interface with analogue-to-digital and digital-to-analogue converters.

4.7 Malaysian Industrial and Manufacturing Applications

Malaysia's manufacturing and technology sectors extensively employ op-amp-based circuits. Semiconductor fabrication facilities use precision analogue front-ends with summing amplifiers for wafer inspection and process-parameter monitoring. Automotive component suppliers use op-amps in engine control units and advanced driver assistance systems for sensor signal conditioning, integrators that compute cumulative acceleration, and differentiators that detect velocity changes. Renewable energy systems (solar inverter control and energy management) utilise op-amps for voltage/current sensing and feedback regulation, with integrators tracking cumulative charge transfer and differentiators monitoring instantaneous power flow. Industrial IoT applications use op-amp signal-conditioning stages integrated with microcontroller analogue-to-digital conversion, reflecting the continuing importance of analogue front-end circuits in modern sensing and data-conversion systems [14], [3]. Chemical and petrochemical facilities use op-amp instrumentation for pH sensing, temperature measurement, and flow-rate computation, with integrators performing mass-balance calculations in continuous production systems.

5. Practical Considerations and Limitations

Real operational amplifiers deviate from ideal models in several important ways. Finite bandwidth limits frequency response; slew rate limitations affect high-frequency signal fidelity; input offset voltage produces output errors (particularly problematic in integrators and precision measurement applications); output impedance creates loading effects; input bias currents cause drift in integrators requiring compensation [4]. Instructors should guide students to consult device datasheets and evaluate whether ideal assumptions hold for specific applications [8].

Device selection [8], [10] depends critically on application requirements. Single-supply op-amps (LM358, TL072, OPA2333 families) suit low-power and portable applications. Precision op-amps (OPA2277, OP07, LT1013) with microvolt offset voltage enable high-accuracy measurement. Rail-to-rail input/output devices maximise dynamic range in single-supply systems. Chopper-stabilised amplifiers (OPA2333, ADA4051) eliminate offset-voltage drift with temperature. Very low noise amplifiers (NE5532, OPA2134) serve audio and sensitive measurement applications. Transimpedance amplifiers (OPA128, TIA topology devices) interface with photodiodes and other high-impedance sensors. Instrumentation amplifiers (INA128, AD8221) provide integrated precision differential amplification with common-mode rejection [8], [10].

6. Conclusion

Operational amplifiers remain fundamental building blocks across electronic engineering disciplines [1], [2]. From biomedical instrumentation to audio processing, from precision

measurement to power systems, from environmental monitoring to communications—op-amp circuits provide essential analogue signal processing functionality. A comprehensive understanding of op-amp fundamentals, circuit configurations, and practical device characteristics prepares polytechnic graduates for technical careers spanning diverse industries.

This survey outlined theoretical frameworks and identified key application domains across biomedical, audio, measurement, environmental, power, communications, and manufacturing engineering sectors. Students progressing from introductory instruction should engage in hands-on laboratory work to validate theoretical predictions through measurement, optimise circuit performance through component selection, and develop intuition for real-device behaviour. Such grounded technical education aligns polytechnic missions with industry needs and supports career development across multiple engineering specialisations [4], [5].

References

[1] A. S. Sedra and K. C. Smith, *Microelectronic circuits* (8th ed.). Oxford University Press, 2020.

[2] P. Horowitz and W. Hill, *The art of electronics* (3rd ed.). Cambridge University Press, 2015.

[3] Y. Chae, C. Mora Lopez, K. A. A. Makinwa, M. Ortmanns, and W. Sansen, “A glimpse of the history of analog ICs: A tale of amplifiers, data converters, and sensor interfaces,” *IEEE Solid-State Circuits Magazine,* vol. 15, no. 3, pp. 43–52, 2023 (DOI: 10.1109/MSSC.2023.3282557).

[4] W. Jung, *Op amp applications handbook* (2nd ed.). Butterworth-Heinemann, 2018.

[5] M. H. Rashid, *Power electronics handbook* (3rd ed.). Butterworth-Heinemann, 2017

[6] P. V. A. Mohan, “On the effect of operational amplifier gain-bandwidth product on the performance of basic building blocks,” *IETE Journal of Education,* vol. 63, no, 1, pp. 38–49, 2022 (DOI: 10.1080/09747338.2021.2008276).

[7] J. Grout and D. Donovan, “Medical device design and biomedical signal processing,” *IEEE Biomedical Engineering Magazine,* vol. 23, no. 4, pp. 34–48, 2019.

[8] Texas Instruments. *LM358 low power dual operational amplifier* (Datasheet No. SNOSC27J, Rev. J), 2018, October, https://www.ti.com/lit/ds/symlink/lm358.pdf

[9] C. Kitchin and L. Counts, *A designer's guide to instrumentation amplifiers* (3rd ed.). Analog Devices, 2026.

[10] Analog Devices, *OPA2333 precision, rail-to-rail input/output operational amplifier* (Rev. D), 2019, https://www.analog.com/media/en/technical-documentation/data-sheets/opa2333.pdf

[11] Analog Devices, *Op amp signal conditioning for photodiode transimpedance amplifiers* (Application Note MT-057, Rev. B), 2017 https://www.analog.com/media/en/training/tutorials/MT-057.pdf

[12] B. U. Perera, “Smart sensor networks for environmental monitoring: Design and implementation challenges,” *International Journal of Environmental Science and Technology,* vol. 16, no.12, pp. 7891–7906, 2019.

[13] L. D. Paarmann, *Design and analysis of analog filters: A signal processing perspective* (2nd ed.). Kluwer Academic Publishers, 2001.

[14] A. Srivastava and R. Trivedi, “Sensor signal conditioning with op-amps for industrial IoT applications,” *IEEE Industrial Electronics Magazine,* vol. 14, no. 2, pp.45–56, 2020.

PEMBANGUNAN SISTEM KAWALAN HIBRID IOT–PLC MENGGUNAKAN RASPBERRY PI IRIV DAN PLC OMRON BAGI RUMAH PENGERINGAN Q-DRY

Khairul Azhar bin Abd Aziz[1]*, Ahmad Sabri bin Mohamed[1], Imran bin Ismail[1], Muhd Muslim bin Abu Bakar[2], Mohamad Hafaif bin Murad[2]

[1]Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah
[2]Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Seberang Perai, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

*Corresponding author e-mail address: khairulazhar@ptsb.edu.my

Abstrak

Naskhah Al-Quran yang rosak akibat banjir perlu dikeringkan dalam keadaan bersih dan terkawal sebelum pelupusan mengikut prosedur taharah. Kertas ini menumpukan sistem kawalan hibrid IoT–PLC bagi Rumah Pengeringan Q-DRY yang telah dilaksanakan di Maahad Tahfiz Ibnu Sina. Pi Industrial Controller (IRIV) mengesan suhu dan kelembapan melalui penderia *Humid-Temp* perindustrian serta menjalankan Node-RED, yang mengalirkan bacaan melalui HTTP ke perkhidmatan awan/web dan pangkalan data SQL (jadual Sensors dan Setpoints); satu peringkat pemprosesan AI membaca pangkalan data dan menghantar arahan, manakala PLC Omron melaksanakan kawalan berketentuan menerusi logik tangga bagi memacu dua pemanas 800 W, dua kipas 60 W dan satu kipas ekzos keselamatan. Titik set (System_Enabled, Heater1/2_Enabled, Fan1_Enabled, Exhaust_fan, Fan_On_After, Threshold) boleh ditetapkan melalui papan pemuka IoT. Data eksperimen daripada lima penderia menunjukkan sistem meningkatkan suhu purata ruang daripada 28.07 °C kepada 37.99 °C dan menurunkan kelembapan relatif daripada 73.36 % kepada 46.40 %, seterusnya melanjutkan jam pengeringan berkesan daripada 4.39 kepada 9.43 jam/hari (+115 %; ujian-t Welch, $t = 6.441$, $p < 0.001$, $d = 1.76$). Seni bina ini menggabungkan penyeliaan IoT yang telus dengan penggerakan PLC yang berketentuan dan boleh diulang.
Kata Kunci: *Internet of Things*; kawalan; PLC; pengeringan.

1. Pengenalan

Bencana banjir kerap merosakkan naskhah Al-Quran, meninggalkan helaian yang basah, tercemar dan rapuh. Undang-undang Islam membenarkan pelupusan naskhah yang rosak tidak dapat dipulihkan melalui pengebumian atau pembakaran terkawal, tetapi pengeringan yang menyeluruh diperlukan terlebih dahulu bagi memastikan pengendalian yang selamat dan menepati prinsip kebersihan (taharah). Kaedah pengeringan tradisional yang bergantung pada dedahan udara terbuka terdedah kepada perubahan cuaca dan tidak mempunyai kawalan terhadap suhu serta kelembapan.


Kemajuan dalam penderiaan dan kawalan berasaskan Internet Benda (IoT) telah banyak diterapkan dalam pengeringan suria. Kebanyakan sistem sedia ada menumpukan pemantauan dan pengelogan data melalui protokol seperti MQTT dan Node-RED [1], pemantauan kualiti bersepadu PV [2], serta pemantauan jarak jauh menggunakan pengawal mikro dan LoRa [3]. Sebahagiannya turut memodelkan kandungan lembapan bagi ramalan proses [4] dan memilih titik set menerusi pembelajaran mendalam [5]. Walaupun sistem ini menyerlahkan nilai pemantauan masa nyata, kebanyakannya menekankan pemerhatian dan bukan penggerakan berketentuan (deterministik) yang boleh dipercayai [6].

Kertas ini memfokuskan sub-sistem kawalan Rumah Pengeringan Q-DRY, iaitu seni bina hibrid yang mana Pi Industrial Controller (IRIV) bertindak sebagai pengawal penyelia untuk penderiaan, pemantauan dan pengelogan berasaskan Node-RED, manakala PLC Omron melaksanakan pensuisan geganti yang berketentuan bagi pemanas dan kipas [7]. Objektif kajian ialah untuk (i) mereka bentuk seni bina kawalan hibrid IoT–PLC serta aliran datanya; (ii) melaksanakan strategi kawalan berasaskan ambang suhu dan kelembapan menerusi logik tangga PLC; (iii) menilai keupayaan sistem meregulasi suhu dan kelembapan serta melanjutkan jam pengeringan berkesan; dan (iv) mengesahkan penambahbaikan prestasi secara statistik.

2. Metodologi

2.1 Seni Bina Kawalan Hibrid IoT–PLC

Seni bina sistem kawalan ditunjukkan dalam Rajah 1. Pada lapisan penderiaan dan penyeliaan, penderia suhu/kelembapan perindustrian (*Humid-Temp*) disambungkan kepada Pi Industrial Controller (IRIV) yang menjalankan Node-RED untuk pemerolehan, pemprosesan dan pengelogan data. Pada lapisan kawalan, PLC Omron menerima isyarat/data suhu daripada Pi Industrial Controller dan melaksanakan pensuisan geganti secara berketentuan. Pada lapisan medan, dua pemanas elektrik 800 W, dua kipas edaran dinding 16 inci (60 W) dan satu kipas ekzos keselamatan dipasang di dalam ruang bata 10 × 10 × 5 m (500 m³), dengan kuasa dibekalkan oleh penyongsang suria hibrid Anern. Sistem ini telah dilaksanakan di Maahad Tahfiz Ibnu Sina. Spesifikasi utama diringkaskan dalam Jadual 1.




Rajah 1. Seni bina kawalan hibrid IoT–PLC rumah pengeringan Q-DRY (Pi Industrial Controller/IRIV sebagai penyelia; PLC Omron sebagai pengawal berketentuan)

Jadual 1. Spesifikasi utama sistem kawalan hibrid IoT–PLC

Komponen	Spesifikasi
Pengawal penyelia dan IoT	Pi Industrial Controller (IRIV) — penderia *Humid-Temp* perindustrian, menjalankan Node-RED, pemantauan dan pengelogan data
Pengawal kawalan (PLC)	Omron — logik tangga (*ladder*), pensuisan geganti pemanas, kipas dan ekzos
Middleware dan data	Node-RED, perkhidmatan *Cloud/Web* (HTTP), pangkalan data SQL (jadual Sensors dan Setpoints), pemprosesan AI
Penderia	Penderia suhu/kelembapan perindustrian (jenis TEMP_HUMID), 5 lokasi teragih, sela rakaman 1 jam
Penggerak	2× pemanas elektrik 800 W; 2× kipas edaran 16 inci, 60 W; 1× kipas ekzos keselamatan
Kuasa	Penyongsang suria hibrid Anern (PV, bateri, sokongan grid)
Ruang pengeringan	Struktur bata, 10 × 10 × 5 m (500 m^3), bumbung melengkung
Lokasi pelaksanaan	Maahad Tahfiz Ibnu Sina
Strategi kawalan	Julat suhu 39–70 °C (FAN_ON); ambang ekzos 75 °C; *Heater Cycle* 15 min; *Fan On After Heater* 10 min; kelembapan 15–30 % (DEHUMIDIFIER_ON)
Syarat pengeringan berkesan	T ≥ 35 °C dan RH ≤ 45 %

2.2 Aliran Data dan Integrasi IoT


Aliran data sistem ditunjukkan dalam Rajah 2 dan beroperasi sebagai gelung tertutup: (1) penderia membaca suhu/kelembapan yang dibaca oleh Node-RED pada Pi Industrial Controller; (2) Node-RED mengalirkan bacaan melalui HTTP ke perkhidmatan awan/web dan menyimpannya ke pangkalan data SQL; dan (3) peringkat pemprosesan AI membaca pangkalan data dan menghantar arahan kepada perkakasan, yang dilaksanakan oleh PLC. Pangkalan data mengandungi jadual Sensors dan Setpoints seperti diringkaskan dalam Jadual 2. Titik set dan bendera kawalan — System_Enabled, Heater1_Enabled, Heater2_Enabled, Fan1_Enabled, Exhaust_fan, Fan_On_After dan Threshold — boleh dipantau dan ditetapkan dari jarak jauh melalui papan pemuka IoT. Pengaturcaraan aliran kawalan dilakukan dalam Node-RED menggunakan nod berasingan bagi *Heater #1*, *Heater #2*, Fan dan *Exhaust Fan* (Rajah 3), manakala paparan pemantauan dan penetapan titik set ditunjukkan dalam Rajah 4.



Rajah 2. Aliran data dan gelung kawalan IoT: penderia → Node-RED → *Cloud/Web* (HTTP) → pangkalan data SQL → pemprosesan AI → arahan PLC → penggerak

Jadual 2. Skema pangkalan data SQL sistem Q-DRY


Jadual	Medan utama	Keterangan
Setpoints	System_Enabled, Heater1_Enabled, Heater2_Enabled, Fan1_Enabled, Exhaust_fan, Fan_On_After, Threshold, created_at	Titik set dan bendera kawalan yang boleh ditetapkan melalui papan pemuka IoT
Sensors	sensor_id, sensor_name, sensor_location, sensor_type (TEMP_HUMID), is_active, created_at, updated_at	Metadata dan status penderia suhu/kelembapan teragih



Rajah 3. Aturcara Node-RED bagi kawalan *Heater #1*, *Heater #2*, Fan dan *Exhaust Fan*

2.2.1 Antara Muka Pemantauan dan Kawalan IoT

Antara muka atas talian dilaksanakan sebagai aplikasi web (Q Dry Smart System) yang boleh diakses melalui pelayar web. Papan pemuka pemantauan (Rajah 4) memaparkan status sistem, suhu dan kelembapan setiap penderia secara masa nyata, nilai purata, serta titik set kawalan (Max/Min Temp) bagi setiap kad penderia, dengan butang untuk memulakan, menghentikan dan menyegarkan semula pemantauan secara langsung. Enam penderia jenis TEMP_HUMIDITY digunakan (lima aktif; Sensor Temp 3 tidak aktif), diletakkan di lokasi berbeza dalam ruang pengeringan seperti disenaraikan dalam Jadual 3.



Rajah 4. Papan pemuka pemantauan IoT Q Dry Smart System (suhu/kelembapan masa nyata bagi setiap penderia)

Jadual 3. Senarai dan lokasi penderia (dari modul *admin* Sensors)


ID	Nama penderia	Lokasi	Status
1	Sensor Temp 1	*Drying Chamber* 1 – *Top Right*	Aktif
2	Sensor Temp 2	*Drying Chamber* 1 – *Centre*	Aktif
3	Sensor Temp 3	*Drying Chamber* 1 – *Bottom Left*	Tidak aktif
4	Sensor Temp 4	*Drying Chamber* 1	Aktif
5	Sensor Humidity Book 5	*Drying Chamber* 2 – *Humidity/Inside Book*	Aktif
6	Sensor Temp 6	*Drying Chamber* 1	Aktif

Jadual 4. Parameter titik set dan kawalan sebenar (dari sistem *Edit Setpoint*)

Parameter kawalan	Nilai (dari antara muka *admin*)
Julat suhu (Min–Max)	39–70 °C — FAN_ON
Julat kelembapan (Book 5)	15–30 % — DEHUMIDIFIER_ON
Ambang suhu kipas ekzos	75 °C
Kitaran pemanas (*Heater Cycle*)	15 minit
Fan Idle	5 minit
Fan Run	60 minit
Fan On After Heater	10 minit
Kawalan sistem (toggle)	*System Enabled*, *Exhaust Fan*, *Heater 1*, *Heater 2*, *Fan 1*

Modul *admin* (*Environmental Control System Admin*) membenarkan pengguna menetapkan titik set dan kawalan sistem dari jarak jauh, serta menyediakan tab AI *Optimization*. Bagi penderia

suhu, tindakan FAN_ON dicetuskan dalam julat 39–70 °C, manakala bagi penderia kelembapan (Book 5) tindakan DEHUMIDIFIER_ON dicetuskan dalam julat 15–30 %. Borang tetapan (Rajah 5) turut mendedahkan parameter masa kawalan dan suis kawalan sistem, seperti diringkaskan dalam Jadual 4.




Rajah 5. Modul *admin* — borang *Edit Setpoint* dan kawalan sistem (titik set, ambang, dan suis Heater/Fan/Exhaust)

2.3 Logik Kawalan PLC


Program tangga (*ladder*) sebenar yang dibangunkan untuk PLC (dipasang di Maahad Tahfiz Ibnu Sina) ditunjukkan dalam Rajah 7 dan diringkaskan sebagai carta alir dalam Rajah 6. Apabila butang *start* (I:0.00) ditekan dan isyarat kecemasan (EMO) bersih, *relay* dalaman int1 (10.00) dan isyarat selak-mula *interlock* (10.04) di-SET untuk memulakan urutan. Sistem beroperasi dalam dua kitaran pemanasan 4 jam yang berselang-seli: kitaran pertama dikawal oleh pemasa T000/T001 dan menghidupkan *relay* pemanas+kipas kumpulan 1 (Q:100.01) apabila isyarat suhu (I:0.01) aktif, manakala kitaran kedua dikawal oleh pemasa T002/T003 dan menghidupkan *relay* pemanas+kipas kumpulan 2 (Q:100.02). Peralihan antara kitaran diuruskan oleh *relay* dalaman int2–int4 (10.01–10.03) dan pemasa TIMX(550) berasaskan 100 ms, dengan penunjuk larian Q:100.06 dan Q:100.07 menandakan kitaran yang aktif. Isyarat suhu (I:0.01) dan cetusan kipas ekzos (I:0.05) diperoleh daripada penilaian ambang — pemanas dalam julat suhu 39–70 °C dan ekzos apabila suhu melebihi 75 °C — berdasarkan data penderia. Keselamatan dikendalikan secara bebas kitaran: menekan EMO (I:0.03) meng-SET bendera EMO (10.05) dan mematikan semua keluaran, manakala butang reset (I:0.04) meng-RSET bendera tersebut; kipas ekzos (Q:100.00) dikawal terus oleh isyarat I:0.05, dan suis auto/manual (I:0.02) menentukan sama ada kitaran diulang secara automatik. Pemetaan lengkap isyarat I/O diberikan dalam Jadual 5.

Jadual 5. Pemetaan isyarat I/O PLC Omron

Isyarat	Jenis	Alamat	Fungsi
Start system	Input	I:0.00	Mulakan kitaran kawalan
Isyarat suhu (*temp signal*)	Input	I:0.01	Benarkan pemanas+kipas apabila suhu di bawah titik set
Auto / Manual	Input	I:0.02	Pilih mod ulangan kitaran automatik
EMO (kecemasan)	Input	I:0.03	Hentikan sistem (SET emo *flag*)
Reset button	Input	I:0.04	RSET emo *flag* (mula semula)
Exhaust fan (isyarat)	Input	I:0.05	Cetus kipas ekzos apabila suhu tinggi
Heater+Fan #1 relay	Output	Q:100.01	Pemanas dan kipas kumpulan 1
Heater+Fan #2 relay	Output	Q:100.02	Pemanas dan kipas kumpulan 2
Penunjuk *Heater/Fan 1*	Output	Q:100.03	Penunjuk kumpulan 1
Penunjuk *Heater/Fan 2*	Output	Q:100.04	Penunjuk kumpulan 2
Penunjuk kitaran pertama	Output	Q:100.06	*first 4-hour run indicator*
Penunjuk kitaran kedua	Output	Q:100.07	*Other 4-hour run indicator*
Exhaust fan relay	Output	Q:100.00	Kipas ekzos keselamatan
int1 – int4	Dalaman	10.00–10.03	*Relay* dalaman urutan kitaran
interlock start signal	Dalaman	10.04	Selak permulaan (SET/RSET)
emo *flag*	Dalaman	10.05	Bendera kecemasan
T000 – T003 (TIMX 550)	Pemasa	—	Pemasa kitaran 4-jam (asas 100 ms)



Rajah 6. Carta alir logik kawalan dua-kitaran berketentuan PLC Omron (berdasarkan program tangga sebenar)



Rajah 7. Gambar rajah tangga (*ladder*) program PLC Omron — Maahad Tahfiz Ibnu Sina (dibaca kiri→kanan, atas→bawah; *rung* 0–17)


2.4 Takrif Pengeringan Berkesan dan Pemerolehan Data

Pengeringan berkesan ditakrifkan berdasarkan keadaan ambang T ≥ 35 °C dan RH ≤ 45 %; tempoh pengeringan berkesan harian dikira dengan menjumlahkan bilangan jam yang memenuhi kedua-dua syarat ini. Data suhu dan kelembapan relatif dikumpul menggunakan lima penderia yang tersebar dan direkodkan setiap jam sepanjang tempoh pemantauan pada Januari 2026. Prestasi sistem kawalan kemudian dinilai dengan membandingkan tingkah laku suhu, kelembapan dan jam pengeringan berkesan antara mod konvensional (pasif) dan mod Q-DRY (kawalan IoT–PLC).

3. Keputusan dan Perbincangan

3.1 Regulasi Suhu

Rajah 8 memaparkan profil suhu setiap jam bagi ruang Q-DRY berbanding persekitaran ambien konvensional. Dalam keadaan konvensional, suhu ambien meningkat beransur pada waktu pagi dan mencapai maksimum kira-kira 31–33 °C sebelum menurun semula, kekal dalam julat tropika biasa dan tidak mencapai paras yang sesuai untuk pengeringan cekap. Sebaliknya, apabila kitaran pemanasan diaktifkan oleh PLC, suhu ruang meningkat pantas sekitar 09:00–10:00 dan mencapai puncak antara 47 °C dan 51 °C pada tengah hari. Secara keseluruhan, sistem kawalan mengekalkan suhu purata ruang pada 37.99 ± 1.69 °C berbanding 28.07 ± 0.46 °C bagi ambien (peningkatan kira-kira 35 %), iaitu 10–20 °C lebih tinggi daripada ambien sepanjang kebanyakan tempoh pengeringan.



Rajah 8. Perbandingan profil suhu setiap jam antara ruang Q-DRY dengan kaedah konvensional

3.2 Regulasi Kelembapan

Selari dengan peningkatan suhu, sistem menurunkan kelembapan relatif kepada kira-kira 25–35 % semasa tempoh pemanasan, dengan purata 46.40 ± 3.31 % dan minimum menghampiri 23 % pada fasa pengalihudaraan, berbanding purata 73.36 ± 4.57 % dalam keadaan konvensional (penurunan kira-kira 37 %). Gabungan suhu yang lebih tinggi dan kelembapan yang lebih rendah ini mewujudkan tetingkap pengeringan yang berkesan pada waktu tengah hari, lazimnya antara 10:00 hingga 17:00.

3.3 Jam Pengeringan Berkesan


Sistem Q-DRY mencapai purata 9.43 ± 2.78 jam pengeringan berkesan sehari, berbanding hanya 4.39 ± 2.94 jam/hari dalam keadaan konvensional (peningkatan lebih 100 %). Akibatnya, anggaran jumlah masa pengeringan berkurang daripada kira-kira 48–72 jam kepada 24–30 jam (pengurangan kira-kira 50 %). Sebagai petunjuk pengeringan bahan, kandungan lembapan awal 25.6 % menurun kepada 12.87 % selepas lapan jam dalam keadaan terkawal. Ringkasan perbandingan prestasi diberikan dalam Jadual 6.

Jadual 6. Perbandingan prestasi antara kaedah konvensional dengan sistem kawalan Q-DRY

Parameter	Konvensional	Q-DRY (IoT–PLC)	Penambahbaikan
Suhu purata (°C)	28.07 ± 0.46	37.99 ± 1.69	+35.4 %
Kelembapan relatif purata (%)	73.36 ± 4.57	46.40 ± 3.31	−36.7 %
Jam pengeringan berkesan (jam/hari)	4.39 ± 2.94	9.43 ± 2.78	+115 %
Masa pengeringan berkesan (%)	≈ 18 %	≈ 39 %	+116 %
Anggaran jumlah masa pengeringan	48–72 jam	24–30 jam	≈ −50 %
Prinsip operasi	Pasif (bergantung cuaca)	Aktif (kawalan IoT–PLC)	—

3.4 Pengesahan Statistik

Ujian-t Welch dijalankan untuk membandingkan purata jam pengeringan berkesan antara kedua-dua kaedah. Keputusan menunjukkan peningkatan signifikan daripada 4.39 kepada 9.43 jam/hari, dengan $t = 6.441$, $p < 0.001$ dan saiz kesan $d = 1.76$, sebagaimana digambarkan dalam Rajah 9. Nilai-t yang jauh daripada pusat taburan dan kawasan nilai-p yang sangat kecil mengesahkan bahawa penambahbaikan yang diperhatikan adalah signifikan secara statistik. Ini menunjukkan bahawa seni bina kawalan hibrid IoT–PLC — bukan sekadar keadaan persekitaran — yang menghasilkan tetingkap pengeringan yang stabil dan boleh diulang.



Rajah 9. Perbandingan jam pengeringan berkesan dengan pengesahan statistik ujian-t Welch

3.5 Batasan

Kajian ini mempunyai beberapa batasan. Pertama, pengesahan eksperimen dijalankan dalam bilangan hari cerapan yang terhad. Kedua, prestasi dinilai berdasarkan parameter persekitaran, bukan kinetik pengeringan yang khusus untuk bahan. Ketiga, sistem diuji pada skala prototaip dan pengesahan lanjut diperlukan untuk pelaksanaan berskala besar.

4. Kesimpulan

Kertas ini membentangkan sistem kawalan hibrid IoT–PLC bagi Rumah Pengeringan Q-DRY yang dilaksanakan di Maahad Tahfiz Ibnu Sina, dengan Pi Industrial Controller (IRIV) menjalankan Node-RED untuk penderiaan, pemantauan dan pengelogan, dan PLC Omron melaksanakan kawalan berketentuan menerusi logik tangga bagi pensuisan geganti pemanas, kipas dan ekzos. Aliran data sensor → Node-RED → *Cloud/Web* (HTTP) → pangkalan data SQL → pemprosesan AI → arahan PLC membentuk gelung kawalan yang telus dan boleh ditetapkan melalui papan pemuka IoT. Melalui strategi kawalan berasaskan ambang (pemanas < 45 °C, kipas selepas Fan_On_After, ekzos > 70 °C) dan takrif pengeringan berkesan T ≥ 35 °C dan RH ≤ 45 %, sistem meningkatkan suhu purata ruang daripada 28.07 °C kepada 37.99 °C dan menurunkan kelembapan relatif daripada 73.36 % kepada 46.40 %. Jam pengeringan berkesan meningkat daripada 4.39 kepada 9.43 jam/hari (melebihi 100 %), dan jumlah masa pengeringan berkurang daripada 48–72 jam kepada 24–30 jam, dengan penambahbaikan disahkan signifikan secara statistik ($t = 6.441$, $p < 0.001$). Kerja masa hadapan boleh menumpukan kawalan ramalan lanjutan berasaskan AI dan ruang pengeringan berskala lebih besar.

Rujukan

[1] S. Choosumrong, R. Hataitara, G. Panumonwatee, V. Raghavan, C. Nualsri, T. Phasinam, and K. Phasinam, “Development of IoT based smart monitor and control system using MQTT protocol and Node-RED for parabolic greenhouse solar drying,” *International Journal of Information Technology,* vol. 15, pp. 2089–2098, 2023 (DOI: 10.1007/s41870-023-01237-3).

[2] A. Elwakeel, D. Wapet, W. Mahmoud, S. Abdallah, M. Mahmoud, S. Ardjoun, and A. Tantawy, “Design and implementation of a PV-integrated solar dryer based on Internet of Things and date fruit quality monitoring and control,” *International Journal of Energy Research, 2023*, 7425045, 2023 (DOI: 10.1155/2023/7425045).

[3] N. Ortíz-Rodríguez, J. León, M. Lucero-Tenorio, and J. Correa, “Remote monitoring and control system for solar drying based on ATMega 2560 and LoRa technology,” *EASI: Ingeniería y Ciencias Aplicadas en la Industria,* vol. 3, no. 2, 2025 (DOI: 10.53591/easi.v3i2.1901).

[4] B. López-Velasco, A. Ruiz-Garcia, J. Cebada-Reyes, and C. Villaseñor-Perea, “IoT-based environmental monitoring and prediction of banana moisture content in a solar greenhouse dryer,” *IEEE Latin America Transactions,* vol. 22, pp. 881–890, 2024 (DOI: 10.1109/tla.2024.10705969).

[5] B. Sharma, G. Gupta, P. Vaidya, S. Basheer, F. Memon, and R. Thakur, “Internet of Things-based crop classification model using deep learning for indirect solar drying,” *Wireless Communications and Mobile Computing, 2022*, 1455216, 2022 (DOI: 10.1155/2022/1455216).

[6] N. Roy, N. Tasnim, J. Khatun, and C. Saha, “A comprehensive review on solar dryers for perishable agro-products: Aspects of technological advancements, techno-economic performance, and environmental impacts,” *Comprehensive Reviews in Food Science and Food Safety,* vol.24, no.3, e70186, 2025 (DOI: 10.1111/1541-4337.70186).

[7] N. Hidra, M. Lehmad, S. Doubabi, and N. Abdenouri, “Design and implementation of an intelligent remote monitoring and control system for enhancing hybrid solar-electric dryer (HSED) performance,” Drying Technology*,* vol. *43*, pp. 1855–1878, 2025 (DOI: 10.1080/07373937.2025.2553356).

[8] B. Sharma, P. Vaidya, N. Kumar, A. Tiwari, S. Bansal, M. Faruque, and K. Al-Mugren, “Enhancing post-harvest sustainability in temperate crops through smart IoT-integrated indirect solar dryer,” *Scientific Reports,* vol.15, 2024 (DOI: 10.1038/s41598-025-13499-x).

PERANAN PASUKAN INSTITUSI PERTAHANAN AWAM (PISPA) DALAM MEMPERKASA BUDAYA KESELAMATAN KAMPUS: KAJIAN KES DI POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIYAH

Faizatulhaida binti Md Isa[1]*, Muhamad Sujairi bin Yusof[2], Muhammad Danish Aikhwan bin Muhamad Sujairi[3]

[1]Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah
[2]Unit Teknologi Penyejukan dan Penyaman Udara, Kolej Komuniti Tasek Gelugor, 13300 Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
[3]Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

*Corresponding author e-mail address: faizatul@ptsb.edu.my

Abstrak

Keselamatan kampus merupakan salah satu aspek penting yang menyokong kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Persekitaran kampus yang selamat bukan sahaja dapat mengurangkan risiko kemalangan dan kecemasan, malah membantu membentuk warga institusi yang lebih peka terhadap kepentingan keselamatan. Dalam usaha meningkatkan tahap kesiapsiagaan pelajar, Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) berperanan menyediakan latihan dan pendedahan berkaitan pertolongan cemas, pengurusan bencana serta tindakan kecemasan. Walaupun pelbagai aktiviti keselamatan telah dilaksanakan melalui PISPA, kajian yang meneliti sumbangannya terhadap pembentukan budaya keselamatan kampus masih terhad. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap penglibatan ahli PISPA dalam aktiviti keselamatan kampus serta tahap budaya keselamatan kampus dalam kalangan ahlinya. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan yang melibatkan 109 orang ahli PISPA di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik dan dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penglibatan ahli PISPA dalam aktiviti keselamatan kampus berada pada tahap sangat tinggi dengan purata skor min 4.65, manakala budaya keselamatan kampus turut mencatatkan tahap yang tinggi dengan purata skor min 4.60. Dapatan ini memberikan gambaran bahawa ahli PISPA mempunyai tahap penglibatan yang sangat tinggi dalam aktiviti keselamatan kampus serta menunjukkan amalan budaya keselamatan yang positif. Secara keseluruhannya, kajian ini menonjolkan peranan PISPA sebagai salah satu platform pembangunan kompetensi, kesedaran dan kesiapsiagaan keselamatan dalam kalangan pelajar, khususnya dalam menyokong usaha memperkukuh budaya keselamatan di peringkat institusi.
Kata Kunci: pasukan institusi pertahanan awam (PISPA); budaya keselamatan kampus; kesiapsiagaan bencana; kesedaran keselamatan.

1. Pengenalan

Budaya keselamatan kampus merupakan elemen penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang harmoni, selesa dan bebas daripada risiko yang boleh mengancam kesejahteraan warga institusi pengajian tinggi. Dalam konteks semasa, institusi pendidikan sering berhadapan dengan pelbagai ancaman seperti kebakaran, banjir, kemalangan dan kecemasan lain yang memerlukan tahap kesiapsiagaan yang tinggi dalam kalangan warga kampus. Oleh itu, budaya keselamatan perlu diterapkan secara berterusan bagi memastikan pelajar mempunyai kesedaran, pengetahuan dan kemahiran asas dalam menghadapi situasi kecemasan. Budaya

keselamatan merujuk kepada sikap, nilai dan amalan individu terhadap aspek keselamatan dalam organisasi atau institusi. Pembentukan budaya keselamatan yang positif dapat membantu mengurangkan risiko kemalangan serta meningkatkan tahap kesiapsiagaan terhadap sebarang ancaman keselamatan. Kajian oleh Dlamini dan Olanrewaju [1] mendapati bahawa kelemahan dalam sistem keselamatan dan komunikasi kecemasan boleh menjejaskan persepsi keselamatan warga institusi serta melemahkan budaya keselamatan kampus. Selain itu, Ramli et al. [2] menyatakan bahawa polisi keselamatan dan prosedur kecemasan yang jelas mampu meningkatkan tahap kesedaran keselamatan dalam kalangan warga institusi pendidikan tinggi. Oleh itu, institusi pendidikan perlu memainkan peranan aktif dalam memperkukuh budaya keselamatan melalui pelaksanaan latihan, kempen kesedaran dan program keselamatan secara sistematik dan berterusan.

Sehubungan dengan itu, Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) dilihat sebagai salah satu medium penting untuk membantu institusi pengajian tinggi memperkukuh budaya keselamatan di kampus. PISPA merupakan pasukan beruniform yang memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan pengurusan bencana, pertolongan cemas, kawad kaki dan tindakan kecemasan. Melalui penglibatan dalam latihan dan aktiviti yang dijalankan, pelajar dapat meningkatkan tahap disiplin, keyakinan diri dan kemahiran kerja berpasukan [3]. Selain itu, latihan simulasi kecemasan dan pengurusan risiko yang dilaksanakan dalam PISPA turut membantu pelajar memahami prosedur keselamatan dengan lebih berkesan. Menurut Myers [4], kajian berkaitan keselamatan kampus menunjukkan bahawa latihan keselamatan yang dijalankan secara konsisten mampu meningkatkan kesiapsiagaan individu dalam menghadapi situasi kecemasan serta membentuk sikap yang lebih bertanggungjawab terhadap keselamatan diri dan orang di sekeliling. Oleh itu, penglibatan aktif pelajar dalam PISPA bukan sahaja memberi manfaat dari segi pembangunan sahsiah dan kepimpinan, malah turut menyumbang kepada pembentukan budaya keselamatan yang lebih kukuh di persekitaran kampus.

Selain itu, penglibatan pelajar dalam aktiviti keselamatan dan pasukan beruniform juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman terhadap aspek keselamatan. Penyertaan dalam latihan simulasi, program keselamatan dan aktiviti berkumpulan memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari dalam situasi sebenar. Kajian oleh Mufimah dan Kamaludin [5] mendapati pelajar yang aktif dalam aktiviti keselamatan mempunyai tahap keyakinan dan kesiapsiagaan yang lebih tinggi berbanding pelajar yang kurang terlibat dalam latihan keselamatan. Aktiviti yang dijalankan turut membantu membentuk disiplin, semangat kerjasama dan kemahiran komunikasi yang baik dalam kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, Ibrahim dan Burhanuddin [6] menumpukan kepada aspek pembangunan sahsiah, kepimpinan dan kokurikulum secara umum, manakala penyelidikan yang meneliti secara khusus peranan PISPA dalam memperkasa budaya keselamatan kampus masih kurang mendapat perhatian, khususnya dalam konteks institusi pengajian tinggi di Malaysia. Selain itu, masih terdapat pelajar yang kurang memahami prosedur keselamatan dan tindakan sewajarnya ketika berlakunya kecemasan di kampus. Situasi ini menunjukkan bahawa terdapat jurang penyelidikan yang perlu diberi perhatian bagi menilai sejauh mana penglibatan PISPA mampu membantu memperkukuh budaya keselamatan dalam kalangan warga institusi.

Berdasarkan isu keselamatan kampus yang semakin diberi perhatian dalam institusi pengajian tinggi, kajian ini dijalankan bagi meneliti peranan PISPA dalam memperkasa budaya keselamatan kampus dalam kalangan pelajar. Penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti keselamatan dilihat penting dalam meningkatkan tahap kesiapsiagaan, kesedaran terhadap pengurusan risiko serta kefahaman berkaitan tindakan kecemasan di kampus. Sehubungan itu, kajian ini memberi fokus kepada dua objektif utama, iaitu mengenal pasti tahap penglibatan ahli PISPA dalam aktiviti

keselamatan kampus dan mengenal pasti tahap budaya keselamatan kampus dalam kalangan ahli PISPA. Melalui kajian ini, pengkaji berusaha menilai sejauh mana penglibatan dalam aktiviti keselamatan seperti latihan simulasi kecemasan, pengurusan bencana dan program keselamatan kampus dapat mempengaruhi pembentukan budaya keselamatan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak pengurusan institusi dalam merancang program keselamatan yang lebih berkesan dan sistematik. Di samping itu, dapatan kajian juga berpotensi menjadi rujukan kepada pihak berkaitan dalam usaha meningkatkan kesiapsiagaan pelajar serta memperkukuh amalan keselamatan kampus secara berterusan.

2. Sorotan Kajian

2.1 Konsep dan Kepentingan Budaya Keselamatan Kampus

Budaya keselamatan kampus merujuk kepada nilai, kepercayaan, sikap dan tingkah laku yang dikongsi oleh warga institusi dalam usaha memastikan keselamatan menjadi sebahagian daripada amalan harian dan bukannya sekadar pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan. Dalam konteks institusi pengajian tinggi, budaya keselamatan tidak hanya melibatkan aspek perlindungan fizikal daripada kemalangan, kebakaran atau bencana tetapi turut merangkumi tahap kesedaran, kepekaan terhadap risiko serta kesediaan individu untuk bertindak secara bertanggungjawab ketika berhadapan dengan situasi kecemasan. Menurut Ali [7] organisasi yang mempunyai budaya keselamatan yang positif lazimnya menunjukkan tahap kesedaran risiko yang tinggi, komunikasi yang berkesan dan komitmen berterusan terhadap penambahbaikan amalan keselamatan. Seiring dengan perkembangan persekitaran pendidikan yang semakin kompleks, institusi pengajian tinggi kini berhadapan dengan pelbagai cabaran keselamatan termasuk kemalangan makmal, kebakaran bangunan, bencana alam, ancaman kesihatan awam dan insiden kecemasan yang memerlukan tindakan segera. Keadaan ini menjadikan budaya keselamatan sebagai satu elemen strategik yang perlu diterapkan dalam kalangan pelajar bagi memastikan mereka bukan sahaja memahami prosedur keselamatan, tetapi mampu bertindak secara rasional dan berkesan apabila berhadapan dengan risiko sebenar [8].

Perbincangan mengenai budaya keselamatan dalam institusi pendidikan sering dikaitkan dengan pendekatan pengurusan risiko dan pembentukan tingkah laku selamat dalam kalangan warga kampus. Walau bagaimanapun, menurut Nyansa et al. [9] kebanyakan inisiatif keselamatan di institusi pengajian tinggi masih tertumpu kepada penyediaan infrastruktur, penguatkuasaan peraturan dan pelaksanaan prosedur operasi standard, sedangkan aspek pembentukan sikap dan nilai keselamatan sering diberikan perhatian yang lebih terhad. Guldenmund [10] menegaskan bahawa budaya keselamatan yang berkesan tidak dapat dibentuk melalui peraturan semata-mata, tetapi memerlukan penglibatan aktif individu dalam aktiviti keselamatan yang mampu mempengaruhi cara mereka berfikir dan bertindak terhadap risiko. Dalam konteks ini, budaya keselamatan perlu dilihat sebagai proses pembelajaran berterusan yang melibatkan pengalaman, latihan dan interaksi sosial dalam persekitaran kampus. Pendekatan sedemikian amat penting khususnya dalam institusi TVET yang melibatkan penggunaan mesin, peralatan teknikal dan aktiviti amali yang mempunyai tahap risiko lebih tinggi berbanding persekitaran pembelajaran konvensional [11]. Oleh itu, pembentukan budaya keselamatan yang kukuh bukan sahaja dapat mengurangkan kejadian kemalangan dan kecederaan, malah berupaya melahirkan graduan yang lebih berdisiplin, bertanggungjawab dan mempunyai keupayaan membuat keputusan yang tepat dalam situasi berisiko.

2.2 Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) sebagai Agen Kesiapsiagaan dan Pengurusan Bencana

Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) merupakan salah satu platform kokurikulum beruniform yang diwujudkan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar berkaitan aspek keselamatan, pengurusan bencana dan tindakan kecemasan. Penubuhannya mencerminkan keperluan institusi pendidikan untuk melahirkan generasi pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga mempunyai tahap kesiapsiagaan yang tinggi dalam menghadapi pelbagai bentuk risiko dan kecemasan [12]. Melalui latihan yang merangkumi pertolongan cemas, pengurusan pusat pemindahan sementara, kawad kaki, operasi menyelamat dan simulasi bencana, ahli PISPA didedahkan kepada situasi yang memerlukan tindakan pantas, kepimpinan dan kerjasama berpasukan. Pengalaman pembelajaran yang diperoleh melalui aktiviti tersebut berbeza daripada pembelajaran bilik kuliah kerana pelajar berpeluang mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi yang hampir menyerupai keadaan sebenar. Menurut Ghorai [13], pengalaman langsung dalam sesuatu aktiviti merupakan faktor penting yang mempengaruhi pembentukan pengetahuan, kemahiran dan perubahan tingkah laku individu. Oleh itu, latihan yang dijalankan dalam PISPA berpotensi membentuk individu yang lebih yakin, responsif dan berupaya membuat keputusan secara efektif ketika berhadapan dengan kecemasan.

Dalam era yang menyaksikan peningkatan kekerapan kejadian bencana dan kecemasan di pelbagai peringkat, peranan PISPA semakin relevan sebagai medium pembangunan kapasiti keselamatan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Walaupun banyak program kokurikulum memberi penekanan kepada pembangunan kepimpinan dan kemahiran insaniah, PISPA menawarkan dimensi yang lebih khusus melalui pembangunan kompetensi keselamatan dan pengurusan risiko. Kajian berkaitan kesiapsiagaan bencana menunjukkan bahawa individu yang menerima latihan keselamatan secara berstruktur mempunyai tahap keyakinan, kesedaran risiko dan keupayaan bertindak yang lebih tinggi berbanding mereka yang tidak pernah terlibat dalam latihan seumpamanya [14]. Namun demikian, penyelidikan berkaitan PISPA masih banyak tertumpu kepada aspek penyertaan pelajar dan pembangunan sahsiah, manakala sumbangannya terhadap pembentukan budaya keselamatan kampus masih kurang diberi perhatian secara empirikal. Jurang ini menunjukkan keperluan untuk menilai peranan sebenar PISPA dalam mempengaruhi amalan keselamatan dan kesiapsiagaan pelajar di institusi pengajian tinggi. Justeru, PISPA boleh dianggap bukan sekadar sebuah pasukan beruniform, tetapi sebagai agen perubahan yang berpotensi memperkukuh budaya keselamatan kampus melalui proses pendidikan, latihan dan pengalaman yang berterusan.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dan melibatkan seramai 109 orang responden yang terdiri daripada ahli Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) daripada Sesi II 2025/2026 dan Sesi II 2024/2025 Pemilihan responden dilakukan menggunakan kaedah persampelan bertujuan bagi memastikan hanya responden yang berkaitan dengan kajian dipilih.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan PISPA dalam memperkasa budaya keselamatan kampus dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan bagi memperoleh maklumat berkaitan tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti PISPA serta kesedaran terhadap budaya keselamatan kampus. Lokasi kajian dipilih di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah kerana institusi ini mempunyai

penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti PISPA serta pelaksanaan program keselamatan yang dapat membantu mencapai objektif kajian.

3.2 Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada pelajar yang terlibat dalam Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Responden kajian terdiri daripada pelajar semester satu dan semester dua Sesi II 2025/2026 dan Sesi II 2024/2025. Seramai 109 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Pemilihan sampel dilakukan menggunakan kaedah persampelan bertujuan bagi memastikan hanya responden yang mempunyai kaitan dengan kajian dipilih.

3.3 Instrumen Kajian

3.3.1 Soal Selidik

Dalam kajian ini, soal selidik dipilih sebagai instrumen utama bagi mendapatkan maklumat berkaitan peranan PISPA dalam memperkukuh budaya keselamatan kampus. Penggunaan soal selidik adalah sesuai bagi kajian berbentuk tinjauan kerana kaedah ini mampu menghasilkan data yang sistematik dan mudah dianalisis. Instrumen kajian ini diubah suai daripada kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan budaya keselamatan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti keselamatan. Soal selidik dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu Bahagian A berkaitan demografi responden, Bahagian B berkaitan penglibatan pelajar dalam aktiviti PISPA dan Bahagian C berkaitan budaya keselamatan kampus. Maklum balas responden diukur menggunakan skala Likert lima mata iaitu (1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju).

3.3.2 Kebolehpercayaan

Kajian rintis dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan bagi menguji tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Tujuan utama kajian rintis adalah untuk memastikan item soal selidik mudah difahami serta sesuai digunakan dalam penyelidikan sebenar. Kebolehpercayaan instrumen diuji menggunakan pekali *Alpha* Cronbach. Menurut kajian terdahulu, pelaksanaan kajian rintis penting dalam memastikan kualiti data penyelidikan kuantitatif berada pada tahap yang baik. Dalam kajian ini, seramai 20 orang responden telah terlibat dalam kajian rintis. Nilai pekali *Alpha* Cronbach yang diperoleh bagi Bahagian B ialah 0.880 manakala Bahagian C ialah 0.780. Nilai-nilai ini menunjukkan bahawa instrumen kajian mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan dalam kajian sebenar berkaitan peranan PISPA dalam memperkasa budaya keselamatan kampus.

3.3.3 Teknik Pengumpulan

Data yang diperoleh daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan SPSS Statistics versi 21.0 bagi memastikan proses analisis dijalankan secara sistematik dan tepat. Analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan profil responden serta mengenal pasti tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti PISPA dan tahap budaya keselamatan kampus melalui penggunaan nilai min, peratusan dan sisihan piawai.

4. Keputusan dan Perbincangan

Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif digunakan sebagai pendekatan awal untuk menjelaskan corak dan kecenderungan respons ahli Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) terhadap konstruk yang dikaji, iaitu penglibatan dalam aktiviti keselamatan kampus dan budaya keselamatan kampus. Penggunaan skor min membolehkan tahap kecenderungan responden dikenal pasti secara kuantitatif serta memberikan gambaran yang lebih jelas tentang sejauh mana elemen keselamatan telah dihayati dan diamalkan dalam persekitaran kampus. Dalam kajian ini, skor min bukan sekadar berfungsi sebagai ukuran statistik, tetapi turut menjadi petunjuk kepada tahap keberkesanan penglibatan PISPA dalam membentuk amalan keselamatan yang konsisten dalam kalangan pelajar. Pendekatan ini penting kerana budaya keselamatan merupakan konstruk yang kompleks dan dipengaruhi oleh interaksi antara pengetahuan, sikap serta tingkah laku individu terhadap aspek keselamatan. Oleh itu, interpretasi skor min digunakan bagi menilai kekuatan setiap konstruk yang dikaji serta mengenal pasti dimensi yang mempunyai pengaruh paling dominan dalam memperkukuh budaya keselamatan kampus. Jadual 1 menunjukkan julat interpretasi skor min bagi skala Likert lima mata yang digunakan sebagai asas untuk menentukan tahap setiap konstruk sama ada rendah, sederhana atau tinggi.

Jadual 1. Jadual interpretasi skor min

Min Skor	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

4.1 Dapatan Kajian

Jadual 2. Latar belakang responden

Bil	Kategori	Kumpulan	Frekuensi (f)	Peratus (%)
1.	Jantina	Lelaki	67	61.5
		Perempuan	42	38.5
2.	Bangsa	Melayu	105	96.3
		Cina	0	0
		India	4	3.7
		Lain-lain	0	0
3.	Jabatan	Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)	45	41.3
		Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)	20	18.4
		Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)	28	25.7
		Jabatan Perdagangan (JP)	16	14.7

Kajian ini melibatkan seramai 109 orang responden yang terdiri daripada pelajar di beberapa jabatan di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Berdasarkan Jadual 2, majoriti responden terdiri daripada pelajar lelaki iaitu seramai 67 orang (61.5%), manakala pelajar perempuan seramai 42 orang (38.5%). Dari aspek jabatan, Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) mencatatkan bilangan responden tertinggi iaitu seramai 45 orang, diikuti Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) seramai 28 orang, Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) seramai 20 orang dan Jabatan Perdagangan (JP) seramai 16 orang. Dari segi bangsa, majoriti responden terdiri daripada pelajar Melayu iaitu seramai 105 orang (96.3%), manakala pelajar India seramai 4 orang (3.7%). Tiada responden daripada bangsa Cina dan lain-lain direkodkan dalam kajian ini.

Dapatan ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam kajian lebih didominasi oleh pelajar lelaki, khususnya daripada bidang kejuruteraan. Situasi ini berkemungkinan dipengaruhi oleh penglibatan aktif pelajar lelaki dalam aktiviti beruniform dan keselamatan seperti PISPA. Selain itu, pelajar daripada bidang kejuruteraan juga lazimnya lebih terdedah kepada latihan

keselamatan dan pengurusan risiko semasa pengajian, sekali gus mempengaruhi tahap penglibatan mereka dalam aktiviti berkaitan keselamatan kampus.

Jadual 3. Analisis objektif pertama

Mengenal pasti tahap penglibatan ahli PISPA dalam aktiviti keselamatan kampus

Bil.	Pernyataan	Skor Min	Tahap
B1	Saya aktif menyertai aktiviti keselamatan yang dianjurkan oleh PISPA.	4.27	
B2	Saya menghadiri latihan keselamatan yang dijalankan oleh PISPA secara konsisten.	4.09	
B3	Saya melibatkan diri dalam program simulasi kecemasan di kampus.	4.50	
B4	Saya mengambil bahagian dalam aktiviti pengurusan bencana yang dianjurkan oleh PISPA.	4.64	Tinggi
B5	Saya memberi kerjasama semasa program keselamatan dijalankan di kampus.	4.69	
B6	Saya sentiasa bersedia menyertai aktiviti keselamatan anjuran PISPA.	4.81	
B7	Aktiviti PISPA membantu meningkatkan penglibatan saya dalam aspek keselamatan kampus.	4.91	
B8	Saya melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pertolongan cemas dan kecemasan.	4.86	
B9	Saya menunjukkan komitmen yang baik semasa aktiviti keselamatan dijalankan.	4.82	
B10	Saya berusaha menyumbang kepada keselamatan warga kampus melalui penglibatan dalam PISPA.	4.90	
	Purata Skor Min	4.65	Tinggi

(i) Objektif 1: Mengenal pasti tahap penglibatan ahli PISPA dalam aktiviti keselamatan kampus.

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap penglibatan ahli Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) dalam aktiviti keselamatan kampus berada pada tahap yang sangat tinggi dengan purata skor min keseluruhan sebanyak 4.65 (Jadual 3). Item berkaitan peranan aktiviti PISPA dalam meningkatkan penglibatan pelajar terhadap aspek keselamatan kampus mencatatkan skor min tertinggi iaitu 4.91, diikuti item berkaitan usaha menyumbang kepada keselamatan warga kampus melalui penglibatan dalam PISPA dengan skor min 4.90. Selain itu, item berkaitan penglibatan aktif dalam aktiviti pertolongan cemas dan kecemasan turut merekodkan skor min yang tinggi iaitu 4.86. Dapatan ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam PISPA bukan sekadar memenuhi keperluan kokurikulum, tetapi berfungsi sebagai medium latihan praktikal yang membentuk kesiapsiagaan, disiplin dan tanggungjawab sosial terhadap keselamatan kampus. Dalam konteks pendidikan TVET yang melibatkan aktiviti amali dan penggunaan peralatan teknikal berisiko tinggi, latihan keselamatan yang berterusan menjadi elemen penting dalam mengurangkan risiko kemalangan dan meningkatkan keupayaan pelajar menghadapi situasi kecemasan. Menurut Luo [15] budaya keselamatan yang kukuh dalam sesebuah organisasi dipengaruhi secara langsung oleh tahap komitmen individu, latihan keselamatan dan penglibatan aktif anggota organisasi dalam aktiviti berkaitan keselamatan. Selain itu, budaya keselamatan dapat diperkukuh melalui penyertaan aktif anggota organisasi dalam program keselamatan secara konsisten. Dapatan ini juga menyokong pandangan Grote [16] bahawa

budaya keselamatan yang berkesan terbentuk melalui penglibatan aktif individu dalam amalan keselamatan dan bukan hanya bergantung kepada pematuhan prosedur organisasi semata-mata. Oleh itu, kajian ini memperlihatkan bahawa PISPA mempunyai peranan yang lebih luas daripada fungsi kokurikulum tradisional, iaitu sebagai platform pembangunan kompetensi keselamatan dan mekanisme strategik dalam memperkukuh budaya keselamatan kampus secara lebih mampan dan holistik. Sekali gus, dapatan kajian turut mengesahkan bahawa ahli PISPA mempunyai tahap penglibatan yang tinggi dalam aktiviti keselamatan kampus dan secara tidak langsung menyokong peranan PISPA sebagai platform strategik dalam melahirkan pelajar yang berpengetahuan, berkemahiran dan bersedia menghadapi sebarang situasi kecemasan.

Jadual 4. Analisis objektif kedua

Mengenal pasti tahap budaya keselamatan kampus dalam kalangan ahli PISPA

Bil.	Pernyataan	Skor Min	Tahap
C1	Saya memahami prosedur keselamatan yang ditetapkan di kampus.	4.46	Tinggi
C2	Saya mengetahui tindakan yang perlu diambil semasa berlaku kecemasan.	4.40	
C3	Saya sentiasa peka terhadap aspek keselamatan di kawasan kampus.	4.32	
C4	Saya mematuhi arahan dan peraturan keselamatan yang ditetapkan oleh institusi.	4.72	
C5	Saya mengutamakan keselamatan diri berada di kampus.	4.48	
C6	Saya bersedia membantu sekiranya berlaku kecemasan di kampus.	4.68	
C7	Saya memperoleh peningkatan kesedaran keselamatan melalui program keselamatan kampus yang dijalankan.	4.78	
C8	Saya mendapati warga kampus mengamalkan sikap prihatin terhadap keselamatan bersama.	4.81	
C9	Saya menyokong pelaksanaan aktiviti keselamatan secara berkala di kampus.	4.75	
C10	Saya berpendapat budaya keselamatan yang diamalkan di kampus berada pada tahap yang baik.	4.55	
	Purata Skor Min	4.60	Tinggi

(ii) Objektif 2: Mengenal pasti tahap budaya keselamatan kampus dalam kalangan ahli PISPA.

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap budaya keselamatan kampus dalam kalangan ahli Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) berada pada tahap yang tinggi dengan purata skor min keseluruhan sebanyak 4.60 (Jadual 4). Dapatan ini menjawab objektif kedua kajian, iaitu mengenal pasti tahap budaya keselamatan kampus dalam kalangan ahli PISPA. Item yang mencatatkan skor min tertinggi ialah *"Warga kampus menunjukkan sikap prihatin terhadap keselamatan bersama"* dengan min iaitu 4.81, diikuti *"Program keselamatan kampus membantu meningkatkan kesedaran keselamatan saya"* dengan min iaitu 4.78 dan *"Aktiviti keselamatan perlu dijalankan secara berkala di kampus"* min 4.75. Dapatan ini menunjukkan bahawa ahli PISPA mempunyai tahap kesedaran, pematuhan dan komitmen yang tinggi terhadap amalan keselamatan di kampus. Selain itu, skor min yang tinggi bagi item pematuhan terhadap arahan keselamatan institusi iaitu 4.72 dan kesediaan membantu semasa kecemasan dengan skor min 4.68 membuktikan bahawa budaya keselamatan telah diterjemahkan kepada tingkah laku dan

tindakan sebenar. Menurut Novatsis [17] budaya keselamatan yang positif terbentuk apabila individu mengamalkan sikap bertanggungjawab dan terlibat secara aktif dalam aktiviti keselamatan. Oleh itu, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa penglibatan dalam PISPA menyumbang secara signifikan kepada pembentukan budaya keselamatan kampus yang proaktif, mampan dan berdaya tahan.

5. Kesimpulan dan Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa ahli Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) mempunyai tahap penglibatan yang tinggi dalam aktiviti keselamatan kampus, manakala budaya keselamatan dalam kalangan ahli turut berada pada tahap yang memberangsangkan. Dapatan ini menggambarkan bahawa pengalaman yang diperoleh melalui latihan, simulasi kecemasan, aktiviti pertolongan cemas dan pengurusan bencana berupaya membentuk kefahaman serta amalan keselamatan yang lebih mantap dalam kalangan pelajar. Penglibatan yang berterusan dalam aktiviti tersebut bukan sahaja meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan keselamatan, malah mendorong pembentukan sikap bertanggungjawab dan kesediaan untuk bertindak apabila berdepan situasi kecemasan. Dalam konteks institusi pengajian tinggi yang semakin berhadapan dengan pelbagai cabaran keselamatan, kewujudan platform seperti PISPA dilihat berpotensi menjadi mekanisme sokongan yang mampu memperkukuh usaha institusi dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif. Dapatan kajian ini turut memberikan petunjuk bahawa aktiviti keselamatan yang dilaksanakan secara tersusun dan berterusan boleh dijadikan sebahagian daripada strategi pembangunan pelajar yang holistik. Oleh yang demikian, usaha memperluaskan penglibatan pelajar dalam program keselamatan serta memperkukuh kerjasama antara institusi dan agensi berkaitan wajar diberi perhatian bagi memastikan budaya keselamatan terus diperkasakan. Bagi penyelidikan akan datang, skop kajian boleh diperluaskan kepada pelbagai institusi dan latar pendidikan bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai faktor yang mempengaruhi pembentukan budaya keselamatan dalam kalangan pelajar.

Rujukan

[1] N. Dlamini and O. A. Olanrewaju, “An Investigation into Campus Safety and Security,” in Proc. Int. Conf. Industrial Engineering and Operations Management, 2021 (DOI: 10.46254/an11.20210045).

[2] F. B. Ramli, S. N. B. Mokhtar, M. H. Jamaluddin, M. N. Harun, M. A. B. M. Salim, M. N. B. Lokman, A. R. B. Zailan, N. B. Md. Yunus, and N. H. B. Mohd Nor, “Awareness Among Students and Staff on Occupational Safety and Health (OSH) in Universiti Teknologi Malaysia,” pp. 13–18, 2020 (DOI: 10.2991/ASSEHR.K.200921.003).

[3] U. K. Umayah, M. Husni, R. Idayu, M. F. Komarudin, R. I. Afriani, and D. M. Lestari, “Pelatihan Kepemimpinan Melalui Paskibra Untuk Meningkatkan Disiplin Dan Kerja Sama Tim Untuk Siswa Mtsn Kota Serang,” *Indonesian Collaboration Journal of Community Services*, vol.4, no.4, pp. 211–218, 2024 (DOI: 10.53067/icjcs.v4i4.181).

[4] K. A. Myers, “Changing the Mindset in Higher Education: The Critical Need for Active Shooter Training in Campus Communities,” pp. 115–134, 2021 (DOI: 10.4018/978-1-7998-4072-5.CH006).

[5] M. Mufimah and R. Kamaludin, “Pelatihan manajemen bencana terhadap kesiapsiagaan pada mahasiswa: A literature review,” *Holistik*, vol. 19, no.2, pp. 228–237, 2025 (DOI: 10.33024/hjk.v19i2.604).

[6] Z. H. Ibrahim and M. A. Burhanuddin, “A confirmatory factor analysis of safety performance in technical and vocational institutions in Malaysia,” *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, vol. 5, no.3, pp. 232–240, 2023.

[7] A. A. A. A. Ali, “Improving Organizational Culture: High Reliability Organization,” 2022 (DOI: 10.2118/210918-ms).

[8] H. Zhang, X. Y. Zhai, X. Wang, and X. Jin, “Investigating Risk Preference and Its Effect on the Laboratory Safety Attitude of First-Year Graduate Students,” *Journal of Chemical Health and Safety*, 2024 (DOI: 10.1021/acs.chas.4c00065).

[9] M. M. S. Nyansa, N. L. Burrows, A. J. Galerneau, A. P. Bekkala, and K. Hungwe, “Beyond Intentions: Understanding the Gap between Safety Education and Student Behaviors,” *Journal of Chemical Education*, 2024 (DOI: 10.1021/acs.jchemed.3c00620).

[10] F. W. Guldenmund, “Are Safety Culture Assessments Really Necessary,” pp. 101–110, 2017 (DOI: 10.1007/978-3-319-60525-8_11).

[11] A. N. Ayob, C. R. C. Hassan, and M. D. Hamid, “Determination of elements for technical and vocational education and training (TVET) safety culture maturity measurement preliminary framework,” *AIJR Proceedings*, 2022 (DOI: 10.21467/proceedings.141.24).

[12] E. Alburo, “Emergency Preparedness in Higher Education: A Literature Review on Institutional Readiness and Disaster Response,” vol.2, no.3, pp. 87–99, 2025 (DOI: 10.70847/632222).

[13] B. Ghorai, “Learning through Experience: A Practical Approach,” International Journal for Multidisciplinary Research, vol. 7, no.5, 2025 (DOI: 10.36948/ijfmr.2025.v07i05.58675).

[14] B. N. Virgiani, W. N. Aeni, and S. Safitri, “Pengaruh Pelatihan Siaga Bencana dengan Metode Simulasi terhadap Kesiapsiagaan Menghadapi Bencana: Literature Review,” *Bima Nursing Journal*, vol.3, no. 2, pp. 156–156, 2022 (DOI: 10.32807/bnj.v3i2.887).

[15] T. Luo, “Safety climate: Current status of the research and prospects,” Journal of Safety Science and Resilience, vol. 1, no. 2, pp. 106–119, 2020.

[16] G. Grote, “On the Importance of Culture for Safety: Bridging Modes of Operation in Adaptive Safety Management,” pp. 93–103, 2018.

[17] E. Novatsis, “Safety culture and behavior,” in Human Factors in the Chemical and Process Industries, Elsevier, 2016, pp. 311–334.

PEMBANGUNAN MESIN RUMPUT SOLAR BERASASKAN BATERI 12 V DAN PENUKAR RANGSANG DC-DC UNTUK PEMOTONGAN RUMPUT BERSKALA KECIL

Adam bin Yusoff, Muhammad Aiman Irfan bin Anuar, Kalsom binti Salleh*

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah

*Corresponding author e-mail address: kalsom@ptsb.edu.my

Abstrak

Mesin rumput berasaskan petrol menghasilkan asap, bunyi bising dan kos bahan api yang meningkat, manakala mesin rumput tanpa wayar (*cordless*) lazimnya dicas menggunakan bekalan grid. Kajian ini membangunkan sebuah mesin rumput solar berbentuk beg galas yang menggabungkan panel solar 15 W, pengawal pengecas solar, bateri 12 V 7 Ah dan penukar rangsang DC-DC (*DC-DC boost converter*) bagi membekalkan kuasa kepada motor mesin rumput *cordless*. Tiga konsep reka bentuk dinilai menggunakan matriks keputusan dan konsep pengubahsuaian mesin rumput *cordless* dipilih. Prestasi sistem diuji pada tiga tetapan voltan keluaran penukar, iaitu 21 V, 25 V dan 30 V. Tempoh operasi sehingga bateri habis ialah 60 minit pada 21 V, 42 minit pada 25 V dan 30 minit pada 30 V, manakala keadaan motor berubah daripada normal kepada panas apabila voltan dinaikkan. Berdasarkan penggunaan petrol 0.6 L/jam dan harga RON95 bersubsidi RM1.99/L, kos tenaga operasi mesin petrol dianggarkan RM1.19 sejam berbanding RM0.00 bagi mesin solar semasa operasi. Kos bahan prototaip ialah RM357.53. Sistem yang dibangunkan sesuai untuk pemotongan rumput berskala kecil dan tetapan 21 V memberikan tempoh operasi paling lama, namun pengurusan haba penukar rangsang perlu ditambah baik.
Kata Kunci: mesin rumput solar; tenaga boleh diperbaharui; panel solar; penukar rangsang DC-DC; bateri.

1. Pengenalan

Rumput daripada keluarga Poaceae banyak tumbuh di kawasan perumahan, taman rekreasi, padang permainan dan kawasan institusi. Rumput berfungsi sebagai penutup bumi yang mengurangkan hakisan tanah, menyerap air hujan dan menurunkan suhu persekitaran [1]. Namun, rumput yang tidak dipotong secara berkala akan menjadi rumput liar yang menjejaskan kebersihan dan keselamatan kawasan [2]. Rumput yang panjang boleh menjadi tempat persembunyian haiwan berbisa seperti ular dan kala jengking, justeru kerja pemotongan perlu dilakukan secara berkala.

Pada masa kini, kerja pemotongan rumput masih bergantung kepada mesin petrol atau elektrik. Mesin petrol menghasilkan bunyi yang kuat dan asap serta memerlukan kos bahan api yang berubah mengikut harga pasaran. Mesin elektrik pula terhad oleh panjang kabel atau kapasiti bateri, dan bateri mesin *cordless* lazimnya dicas menggunakan bekalan elektrik grid. Keadaan ini kurang sesuai di kebun, dusun, taman rekreasi dan kawasan lapang yang sukar mendapatkan sumber elektrik.

Tenaga solar berpotensi menjadi sumber alternatif bagi mengecas bateri mesin rumput tanpa bergantung kepada grid atau bahan api fosil. Oleh itu, kajian ini bertujuan:

(i) mereka bentuk dan membangunkan mesin rumput berkuasa solar bagi mengurangkan kebergantungan terhadap petrol; dan
(ii) menguji prestasi sistem berdasarkan tempoh operasi, penggunaan tenaga dan keupayaan memotong rumput pada tetapan voltan keluaran yang berbeza.

Skop kajian terhad kepada pembangunan sistem bekalan kuasa solar (panel solar, pengawal pengecas, bateri 12 V dan penukar rangsang DC-DC) serta pengujian prestasi operasi mesin, tanpa melibatkan sistem kawalan automatik atau navigasi.

2. Kajian Literatur

2.1 Perkembangan dan Jenis Mesin Rumput

Mesin pemotong rumput pertama dicipta oleh Edwin Budding pada tahun 1827 bagi menggantikan sabit di kawasan sukan dan taman, dan dipatenkan pada tahun 1830. Pada tahun 1842, James Shanks memperkenalkan mesin yang lebih besar dan serupa dengan reka bentuk Budding [3]. Kini terdapat pelbagai jenis mesin rumput, antaranya mesin rumput galas (*brush cutter*), mesin rumput tolak (*lawn mower*) dan mesin rumput bateri (*cordless*) [4], [5]. Kebanyakan reka bentuk di pasaran menggunakan petrol yang merupakan bahan api tidak boleh diperbaharui dan menyumbang kepada pencemaran udara [4].

Mesin rumput *cordless* terdiri daripada unit pemotong (*trimmer*), bateri boleh cas semula, pengecas, bilah (plastik atau logam) dan pemegang [6]. Struktur yang ringkas dan motor elektrik yang sedia ada menjadikannya sesuai diubah suai untuk digabungkan dengan sistem tenaga solar.

2.2 Kajian Terdahulu

Jadual 1 meringkaskan tiga kajian terdahulu yang dirujuk dalam projek ini.

Jadual 1. Ringkasan kajian terdahulu mengenai mesin rumput

Pengkaji	Reka bentuk dan cara operasi	Kelebihan	Kekurangan
Prateek (2025) [7]	Mesin empat segi (20 cm × 50 cm) dengan ESP8266 dan L298N; empat motor roda dan satu motor bilah; kos RM150	Mudah digunakan dan dibawa	Saiz terlalu kecil; tidak sesuai untuk kawasan besar
Nur Asma Nadiah Mohamad Arshad (2020) [8]	Berasaskan basikal dengan bilah *reel*; dikayuh atau menggunakan motor	Mesra alam kerana menggunakan tenaga kinetik	Tidak dinyatakan
Amrutha et al. (2016) [9]	Bilah *rotary* sepanjang 400 mm dengan sayap angkat yang menghasilkan vakum; kira-kira 3000 rpm	Memotong dengan kemas dan pantas	Risiko meningkat apabila terkena objek keras (cth. batu) pada kelajuan tinggi

Kajian-kajian ini tertumpu kepada struktur mesin, mekanisme pemotongan atau sumber tenaga kinetik. Kajian ini pula memberi fokus kepada sistem bekalan kuasa solar bateri 12 V yang

digabungkan dengan mesin rumput *cordless*, dan kesan tetapan voltan penukar rangsang terhadap tempoh operasi.

3. Metodologi

3.1 Pemilihan Konsep Reka Bentuk

